STRATEGI KETIDAKSANTUNAN BAHASA JURI DALAM RANCANGAN REALITI

ANITHA A/P XAVIOR

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

University of Malaya

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN BAHASA JURI DALAM RANCANGAN REALITI

ANITHA A/P XAVIOR

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA LINGUISTIK

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **ANITHA A/P XAVIOR**

No. Pendaftaran/Matrik : **TGC120062**

Nama Ijazah : **SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini") :

STRATEGI KETIDAKSANTUNAN BAHASA JURI DALAM RANCANGAN REALITI

Bidang Penyelidikan : **PRAGMATIK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh : 27. 07. 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh : 27. 07. 2017

Nama : DR THILAGAVATHI SHANMUGANATHAN
Jawatan : PENSYARAH KANAN
JABATAN BAHASA INGGERIS
FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA

University of Malaya

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian pragmatik yang mengkaji ketidaksantunan bahasa dalam rancangan realiti masyarakat India. Berdasarkan tinjauan, kajian ketidaksantunan bahasa dalam rancangan realiti adalah terhad dan tidak dikaji mengenai penggunaan Bahasa Tamil. Maka, kajian ini dilakukan untuk merapatkan jurang penyelidikan isu ketidaksantunan bahasa dalam rancangan realiti. Objektif kajian ini adalah mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti. Perbincangan kajian ini difokuskan kepada strategi ketidaksantunan dan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta. Bahasa dihadkan dalam kajian ini di mana data diterjemahkan dalam Bahasa Melayu tetapi penganalisaan data adalah berdasarkan Bahasa Tamil. Pengkaji menggunakan teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2005) serta teori Goffman (1967) sebagai kerangka kajian. Kaedah kajian ini bersifat kualitatif yang berbentuk deskriptif. Data kajian ini ialah 145 teks data daripada tiga 'season' rancangan realiti yang dipilih. Instrumen kajian ini adalah rakaman video dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dua orang juri rancangan realiti yang dipilih menggunakan strategi ketidaksantunan bahasa dalam pertuturan serta menimbulkan lakuan ketidaksantunan dengan mengamalkan aksi ancaman muka. Strategi ketidaksantunan negatif mendominasi dalam data kajian. Akhirnya, hasil temu bual telah menjusfikasikan dapatan kajian bahawa juri menggunakan aksi ancaman muka untuk mengancam muka peserta dan menimbulkan lakuan ketidaksantunan.

Kata kunci: Strategi ketidaksantunan, Ancaman muka dan Rancangan realiti.

University of Malaya

ABSTRACT

This is a pragmatic research that studies impoliteness of juries in a Tamil reality show. Based on the literature review, researches on impoliteness in reality shows are limited and has never been done in Tamil language. Therefore, this research is done to ignite the gap of research on impoliteness in a reality show. The objective of this research is to study the impoliteness among juries of a reality show. Discussion of this research is focused on the impoliteness strategy and how the impoliteness of the juries threatens the participant's face reaction. Language is limited in this research whereby, the data is translated into Malay language but the analysis is based on Tamil language. The researcher used the impoliteness strategy theory of Culpeper (2005) as well as Goffman's theory (1967) as the framework of this research. The research method is qualitative based on descriptive. This research's data is based on 145 texts from three seasons of the reality show that was chosen. The research instruments are video recording and interview. The result of the research found that two of the reality show juries used impolite language strategy in their conversation that resulted in face threatening action. The impolite strategy dominates the research data. Lastly, the interview result has justified the research outcome that the juries used threatening face action to threaten participants' face reaction and resulting in impoliteness action.

Key words: Impoliteness strategy, Face threatening and Reality show.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah dan kurnianya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Penghargaan ini saya tujukan kepada semua insan yang menjadi pedoman kepada saya dalam penghasilan pengajian ini. Merekalah yang menjadi sumber inspirasi kepada saya ketika menyiapkan kajian ini.

Sehubungan itu, setinggi-tinggi penghargaan tulus ikhlas dan terima kasih dirakamkan kepada penyelia saya, Dr. Thilagavathi Shanmuganathan di atas kesungguhan, segala nasihat, dorongan dan keikhlasan mendidik saya dalam menyempurnakan kajian ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk-ajar yang dihulurkan oleh beliau banyak membantu kepada kejayaan kajian ini. Saya amat menghargai kesabaran penyelia saya yang sedia berkongsi maklumat, kepakaran serta senang dihubungi semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklumbalas daripada beliau yang menyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan kajian ini.

Ucapan jutaan terima kasih dirakamkan kepada kedua-dua ibu-bapa saya dan ahli keluarga saya yang telah memberi galakan dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa, rakan- rakan saya yang sudi menemani, menghulurkan bantuan, motivasi serta berjuang bersama-sama saya untuk mengharungi cabaran-cabaran sepanjang pengajian ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada enam orang responden kajian atas kerjasama yang diberikan semasa kajian ini dijalankan. Akhir kata, sekalung terima kasih buat semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

Anitha Xavior
Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya
Jul 2017

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK …… iii

ABSTRACT…… iv

PENGHARGAAN ……..... v

JADUAL KANDUNGAN …… vi

SENARAI RAJAH ……... xi

SENARAI JADUAL …… xii

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN …… xiii

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pengenalan …….. 1

1.1 Latar Belakang Kajian …… 2

1.2 Penyataan Masalah……... 3

1.3 Objektif Kajian …… 3

1.4 Persoalan Kajian ……. 4

1.5 Batasan Kajian …….. 5

1.6 Kepentingan Kajian …… 6

1.7 Penutup ……... 7

University of Malaya

BAB 2 : LITERATUR KAJIAN

2.0 Pendahuluan …….. 8

2.1 Kajian Lepas Berasaskan Teori …….. 8

2.1.1 Definisi ketidaksantunan …… 8

2.1.2 Strategi ketidaksantunan ……. 11

2.1.3 Skala ketidaksantunan …… 20

2.1.4 Ketidaksantunan dan maklum balas…… 21

2.1.5 Formula ketidaksantunan ……. 22

2.1.6 Fungsi strategi ketidaksantunan …….. 24

2.1.7 Hubungan muka dengan ketidaksantunan …… 25

2.1.8 Ancaman muka ……. 29

2.1.9 Ketidaksantunan daripada pandangan budaya dan identiti …… 35

2.2 Kajian Lepas Berasaskan Tajuk ……. 38

2.2.1 Rancangan realiti…….. 38

2.3 Penutup ……... 44

BAB 3 : METODOLOGI

3.0 Pendahuluan ……. 45

3.1 Reka Bentuk Kajian ……..... 45

3.2 Kerangka Teori …….. 46

3.2.1 Teori strategi ketidaksantunan …… 46

3.2.1.1 Ketidaksantunan bald on-rekod …… 48

University of Malaya

3.2.1.2 Ketidaksantunan positif ……. 48

3.2.1.3 Ketidaksantunan negatif …… 48

3.2.1.4 Sindiran atau kesantunan olok- olok …….. 48

3.2.1.5 Menahan atau sembunyi kesantunan …… 49

3.2.2 Teori ancaman muka ……. 50

3.2.2.1 Mencelah atau mengganggu giliran …… 56

3.2.2.2 Membangkit sesuatu topik yang tidak diingini ……. 56

3.2.2.3 Memulakan perbuatan yang tidak diminta …….. 56

3.2.2.4 Memberi komen buruk terhadap sesuatu topik ……. 56

3.3 Deskripsi Data ……. 58

3.4 Sumber Data ……... 58

3.4.1 Kepopularan rancangan realiti televisyen …….. 59

3.4.2 Mengapa bukan rancangan realiti tempatan? ……. 59

3.4.3 Batasan rancangan realiti ……..…….. 59

3.5 Petunjuk Data ……. 60

3.5.1 Pembentangan data ……. 61

3.6 Subjek Kajian ……. 63

3.7 Responden Kajian …….. 63

3.7.1 Latar belakang responden ……. 64

3.8 Instrumen Kajian ..…….. 66

3.8.1 Rakaman video …… 66

3.8.2 Temu bual ……. 67

3.9 Prosedur Pengumpulan Data ..……. 70

University of Malaya

3.10 Penutup ……..……. 74

BAB 4 : HASIL DAPATAN

4.0 Pendahuluan ..……..... 75

4.1 Analisis Data ……. 75

4.1.1 Strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti ……..... 76

4.1.1.1 Ketidaksantunan negatif …… 77

4.1.1.2 Ketidaksantunan positif ……. 88

4.1.1.3 Ketidaksantunan bald on-rekod …… 93

4.1.1.4 Sindiran atau kesantunan olok- olok …… 98

4.1.1.5 Menahan atau sembunyi kesantunan …… 101

4.1.2 Bagaimanakah ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti mengancam muka peserta? …… 105

4.1.2.1 Mencelah atau mengganggu giliran …… 105

4.1.2.2 Membangkit sesuatu topik yang lain …….. 111

4.1.2.3 Memulakan perbuatan yang tidak diminta ……. 113

4.1.2.4 Memberi komen buruk ……. 115

4.2 Dapatan Temu bual ……. 121

4.3 Penutup ……... 128

University of Malaya

BAB 5 : PERBINCANGAN

5.0 Pendahuluan …… 129

5.1 Perbincangan …….. 129

5.1.1 Strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti …… 130

5.1.2 Ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti yang mengancam muka peserta …..... 131

5.2 Penutup ……... 133

BAB 6 : KESIMPULAN

6.0 Pendahuluan ……. 134

6.1 Rumusan Kajian ……..…….. 134

6.2 Implikasi Dapatan Kajian ……..…. 135

6.3 Cadangan Kajian Masa Depan……... 137

6.4 Kesimpulan ……. 139

6.5 Penutup …….. 139

RUJUKAN 140

LAMPIRAN

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	:	Hubungan antara ketidaksantunan dan kelangsungan …….	20
Rajah 3.1	:	Strategi- strategi ketidaksantunan ……..…….	47
Rajah 3.2	:	Ringkasan pilihan respons ……...……	51
Rajah 3.3	:	Model dari bawah ke atas pencetus ketidaksantunan ……...	53
Rajah 3.4	:	Aksi –aksi ancaman muka ……..…….…….	55
Rajah 3.5	:	Peratus season- season rancangan realiti yang ditonton oleh responden kajian ……	65
Rajah 3.6	:	Langkah – langkah pengumpulan dan penganalisaan data……	74
Rajah 4.1	:	Peratus kekerapan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam rancangan realiti……	76
Rajah 4.2	:	Hasil dapatan temu bual……...	127

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	:	Kod transkrip data kajian ……	60
Jadual 3.2	:	Penerangan simbol data transkrip rancangan realiti yang terpilih	61
Jadual 3.3	:	Profil responden kajian……..……	64
Jadual 3.4	:	Season-season rancangan realiti yang ditonton oleh responden kajian ……	65

University of Malaya

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

Petunjuk Data

J1	:	Juri rancangan realiti (Pertama)
J2	:	Juri rancangan realiti (Kedua)
P1	:	Peserta rancangan (Pendengar 1)
P2	:	Peserta rancangan (Pendengar 2)
A1	:	Pengacara Pertama
A2	:	Pengacara Kedua
R1	:	Responden 1
R2	:	Responden 2
R3	:	Responden 3
R4	:	Responden 4
R5	:	Responden 5
R6	:	Responden 6
P	:	Pengkaji
S	:	Season
E	:	Episod
D	:	Data
B	:	Baris

University of Malaya

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi sistematik yang dipersetujui dan digunakan oleh sesuatu komuniti bagi tujuan komunikasi dan pernyataan fikiran dalam bentuk lisan, isyarat atau tulisan. Biasanya manusia menggunakan bahasa untuk berhubung antara satu sama lain. Setiap bahasa mempunyai peraturan bahasa yang tersendiri. Peraturan tersebut perlu dikuasai oleh pengguna bahasa untuk membolehkan mereka menggunakan bahasa dengan betul bagi menyampaikan pendapat mereka. Akan tetapi sekiranya peraturan ini tidak dikuasai oleh pengguna bahasa, masalah salah faham akan timbul dan pengguna akan dianggap tidak santun dalam sesetengah konteks. Dalam bidang Pragmatik, bahasa yang dianggap anti-sosial dilabel sebagai ketidaksantunan. Konsep ketidaksantunan berkait rapat dengan strategi komunikatif yang direkabentuk untuk melawan muka dan menyebabkan konflik sosial dan ketidak-harmonian (Culpeper, 2005).

Kajian tentang ketidaksantunan memerlukan kajian perbandingan dengan apa yang dianggap sopan dalam konteks tertentu. Teori ketidaksantunan dikaji dan dipelopori oleh beberapa pengkaji, iaitu Culpeper (1996), Watts (2003), Leech (1983), dan sebagainya. Leech (1983), berpendapat ketidaksantunan bukannya sesuatu yang kelakar. Ketidaksantunan timbul apabila seseorang menyerang muka secara sengaja ketika berkomunikasi atau seseorang pendengar meneliti kelakuan secara sengaja untuk memberi komen yang tidak santun.Tambahan pula, ketidaksantunan yang luar jangkaan

University of Malaya

atau ketidaksantunan biasa berlaku apabila kenyataan- kenyataan yang digunakan tidak dikonvensionalisasikan sejajar dengan konteks di mana ianya berlaku. Ini akan diikuti dengan pengenalan niat penutur untuk mengancam muka pendengar. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam satu rancangan realiti yang sangat popular dalam kalangan masyarakat India.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Model terawal Culpeper (2003) mengenai ketidaksantunan adalah berdasarkan teori kesantunan Brown & Levinson (1987). Oleh itu, kritikan mereka adalah sama tetapi, Culpeper melakukan kajian perinci bahawa ketidaksantunan adalah lebih kepada apa yang diucapkan dan bukan setakat pendapat atau pandangan orang lain. Perbincangan kajian ini juga difokuskan kepada satu fenomena, iaitu aspek ketidaksantunan melalui kemunculan rancangan realiti. Kini rancangan realiti menjadi satu program hiburan yang paling popular dalam khalayak penonton. Kesannya amat jelas bahawa rancangan hiburan berbentuk realiti di kaca televisyen telah meninggalkan impak yang negatif dalam kalangan remaja terutamanya dalam sikap dan bahasa yang digunakan oleh mereka. Dalam rancangan realiti, cara pelaku bertutur biasanya tidak mematuhi prinsip kesantunan. Berikutan dengan itu, perbincangan kajian ini akan difokuskan kepada fenomena strategi ketidaksantunan dalam rancangan realiti. Rancangan realiti yang dipilih iaitu „Jodi Number 1" merupakan rancangan tertua dalam industri media Tamil.

University of Malaya

1.2 PENYATAAN MASALAH

Masalah utama kajian ini adalah, kajian mengenai isu ketidaksantunan kurang dikaji berbanding kajian dalam bidang kesantunan. Misalnya, kajian kesantunan seperti „Understanding Politeness: Daniel Kader and Michael Haugh", „Historical vs. Contemporary Chinese linguistic politeness" oleh Yuling Pan & Kadar (2011), „Politeness as a strategy of attack in a gendered political debate- The Royal-Sarkozy debate" oleh Beatrice Fracchiolla (2011),„Relevance theory and the communication of politeness" oleh Mark Jary (1998), „Beyond politeness theory: 'Face" revisited and renewed" oleh Luming Robert Mao (1994), „The politeness of judges : American and English judical behaviour" oleh Dennis Kurzon (2001) dan sebagainya. Kebanyakan kajian yang dijalankan terhadap isu ketidaksantunan juri adalah anglo-sentrik, iaitu lebih kepada ala barat sahaja dan kajian sebegini tidak pernah dikaji mengikut aspek bahasa dan linguistik dalam rancangan realiti yang menggunakan bahasa Tamil. Tambahan pula, kini rancangan realiti menjadi satu program hiburan yang paling popular dalam khalayak penonton. Oleh itu, ketidaksantunan dalam rancangan realiti harus dilihat dari pandangan yang lebih serius kerana bahasa dan cara pertuturan seseorang akan mencerminkan norma budaya penutur tersebut. Maka, adalah wajar suatu kajian untuk meneliti isu ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti perlu dikaji.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Culpeper (2011:3) menyatakan bahawa teori ketidaksantunan adalah isu yang boleh dikaji daripada pelbagai aspek seperti aspek sosial, psikologi, sosiologi, percanggahan, pendapat, kajian media, kajian perniagaan, sejarah dan kajian

University of Malaya

perpustakaan. Kajian ketidaksantunan yang dipertengahkan menunjukkan bahawa ia boleh berlaku di dalam lakuan bahasa yang formal atau tidak formal. Tambahan pula, kajian mengenai ketidaksantunan melalui penggunaan media merupakan salah satu cara menarik dan menghiburkan untuk mengetahui konteks ketidaksantunan dalam sebarang pertuturan. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti. Kajian ini berfokus untuk mengenal pasti dan mengkategorikan strategi ketidaksantunan bahasa juri serta menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut :

1.4.1 **Apakah strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti?**

Tujuan pengkaji dalam persoalan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengkategorikan strategi ketidaksantunan bahasa yang digunakan oleh juri dalam rancangan realiti yang dipilih. Pengkaji menggunakan model Culpeper, (2005) untuk mengenal pasti strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri serta menghuraikannya. Alat pengukur untuk persoalan ini adalah rakaman video. Pengkaji menggunakan transkripsi rakaman video rancangan realiti yang dipilih sebagai data untuk persoalan kajian ini.

University of Malaya

1.4.2 **Bagaimanakah ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti mengancam muka peserta?**

Tujuan pengkaji dalam persoalan kajian ini adalah untuk menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam sesuatu rancangan realiti. Pengkaji menggunakan teori Culpeper (2005) berserta teori Goffman (1967) untuk menyenaraikan dan menganalisa aksi ancaman muka yang disebabkan oleh ketidaksantunan bahasa juri dalam pertuturannya. Bagi persoalan kajian ini, pengkaji menggunakan rakaman video rancangan realiti yang dipilih sebagai alat pengukur data. Selepas penganalisaan data bagi persoalan kajian ini melalui rakaman video berserta transkripsinya, pengkaji menemu bual enam orang penonton rancangan realiti yang dipilih untuk menjustifikasikan hasil dapatan persoalan kajian ini. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan satu lagi alat pengukur bagi persoalan kajian ini, iaitu kaedah temu bual yang berstruktur.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas hanya kepada satu rancangan realiti yang berbahasa Tamil sahaja. Tujuan memilih khususnya rancangan ini adalah kerana rancangan realiti yang dipilih oleh pengkaji ini merupakan suatu rancangan realiti yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat India di dalam dan luar negara. Hanya didapati lima „season" daripada jumlah lapan „season" rancangan realiti ini dimuat naik dalam internet. Iaitu, rakaman video „season" 2,5,6,7 dan 8. Manakala, rakaman video „season" 1,3 dan 4 tiada rekod dimuat naik serta sebabnya tidak dapat dikenal pasti oleh pengkaji. Maka, daripada lima „season" rancangan realiti ini data bagi kajian ini hanya dikumpul daripada tiga „season" iaitu daripada „season" 2, 5 dan 8. Tujuannya, sampel kajian iaitu

University of Malaya

dua orang juri yang dipilih adalah juri sama yang terlibat dalam ketiga-tiga „season‟ tersebut. Selain itu, pengkaji memilih tiga „season‟ ini secara berperingkat, iaitu pada awal „season 2‟, „season‟ pertengahan iaitu „season 5‟ dan „season 8‟ sebagai „season‟ terakhir rancangan ini dengan tujuan meneliti perkembangan bahasa dalam ketiga-tiga „season‟ serta mengkaji strategi ketidaksantunan dalam tiga „season‟ yang berlainan peringkat secara beransur maju.

Oleh sebab data diperolehi daripada rakaman rancangan realiti, maka dapatan kajian adalah terhad kepada pertuturan yang wujud dalam rancangan tersebut. Ini adalah kerana pengkaji tidak akan tahu sekiaranya terdapat bahagian pertuturan dalam rancangan ini yang telah diubah suai atau hilang ketika proses pengeditan dilakukan. Bahasa juga terhad kepada bahasa Tamil. Dalam kajian ini, data diterjemahkan dalam bahasa Melayu tetapi penganalisaan data ketidaksantunan adalah berdasarkan bahasa Tamil dan pengkaji sedia maklum bahawa makna akan hilang dalam proses penterjemahan. Tambahan pula, dapatan kajian ini terhad kepada satu budaya dan mungkin tidak mewakili pelbagai budaya lain.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah wajar dijalankan kerana kebanyakkan kajian mengenai ketidaksantunan juri telah dijalankan dalam budaya barat. Maka, kajian ini penting untuk menentukan sama ada budaya yang berbeza menggunakan strategi ketidaksantunan yang sama dalam sesuatu rancangan realiti. Berbanding budaya barat, ketidaksantunan dalam masyarakat kaum India merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima dan tidak digalakkan. Pengkaji berharap bahawa kajian ini dapat memberi pemahaman dari sudut pandangan norma masyarakat India dengan tidak menyelitkan unsur ketidaksantunan dalam pertuturan harian. Sehubungan itu, kajian ini akan menjadi

University of Malaya

kajian pertama yang mengkaji strategi ketidaksantunan dan ancaman muka akibat ketidaksantunan dalam rancangan realiti bahasa Tamil. Selain itu, dapatan kajian ini juga akan menjadi panduan kepada para pengkaji lain untuk melakukan kajian lanjutan mengenai topik ketidaksantunan dalam bidang-bidang lain seperti sains dan teknologi, perubatan, pendidikan, politik dan sukan. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat mengisi jurang pengkajian dan menjadi penambahan sumber terutamanya kepada bidang linguistik.

1.7 PENUTUP

Bab ini membentang dan menghuraikan latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, serta kepentingan kajian. Bab ini merupakan pengenalan dan memberi fokus kepada hala tuju untuk bab-bab seterusnya.

University of Malaya

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENDAHULUAN

Dalam melakukan sesuatu penyelidikan, kajian berkaitan amat perlu sebagai bandingan atau panduan kepada proses penyelidikan yang dilakukan. Dalam bab ini, pengkaji mengulas tentang tinjauan kajian lepas dan teori yang berkaitan dengan rancangan realiti serta ketidaksantunan. Pendapat, pandangan dan teori-teori daripada bidang dikumpulkan dan dibincangkan. Misalnya, strategi ketidaksantunan daripada model Culpeper (2005) dan ancaman muka berdasarkan teori Goffman (1967). Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri dalam rancangan realiti.

2.1 KAJIAN LEPAS BERASASKAN TEORI STRATEGI KETIDAKSANTUNAN

2.1.1 Definisi ketidaksantunan

Kajian Culpeper (1996) dijalankan berpandukan kepada model ketidaksantunan yang menjadi asas bagi kajian ini. Ketidaksantunan merupakan aksi atau kelakuan yang membelakangkan raut wajah. Secara fungsional ketidaksantunan dapat mendorong keintiman sosial, Culpeper (1996: 355). Teori ketidaksantunan Brown & Levinson (1987) adalah sesuatu yang terbukti benar ketika Culpeper (1996) menggunakan teori mereka sebagai titik destinasi dalam penulisannya. Definisi kesantunan linguistik yang diberi Brown & Levinson (1987) iaitu kesantunan linguistik sebagai strategi menghindari mengancam muka orang lain digunapakai oleh pengkaji.

University of Malaya

Culpeper (1996) dalam kajiannya, melihat ketidaksantunan dan ketidaksantunan olok-olok seterusnya membincangkan faktor dalam konteks yang dikaitkan dengan aspek ketidaksantunan dan menyenaraikan senarai strategi tidak santun. Walaupun kajian awal yang dilakukan kurang menyeluruh, namun ia dapat memberi definisi yang diperlukan kerana kebanyakan pengkaji lain pernah menyentuh aspek santun dan tidak santun dalam penulisan mereka. Beliau juga menerangkan kenyataan Leech (1983:83) yang berpendapat sesetengah ujaran seperti arahan adalah dengan semula jadi nampak tidak santun manakala sesetengah perkataan seperti membuat tawaran adalah santun.

Idea Brown & Levinson (1987) yang mendefinisikan kesantunan linguistik sebagai strategi menghindari mengancam muka orang lain digunapakai oleh pengkaji. Demi mengurangkan kemungkinan ancaman muka, seseorang perlu mengadaptasi strategi tertentu. Pilihan strategi dibuat berdasarkan penilain seseorang mengenai ukuran FTA (face- threatening act). Analisa ini dikombinasikan dengan nilai penentuan bagaimana FTA digunakan dalam model Brown & Levinson (1987). Mereka mengemukakan lima strategi "superstrategies" yang sesuai untuk mengimbangi ancaman muka yang dihadapi. Strategi "bald on record" (melakukan FTA on-record tanpa tindakan memperbaiki), kesantunan positif (melakukan FTA on-record menggunakan kesantuanan positif, kesantunan negatif (melakukan FTA on record menggunakan kesantunan negatif), "off record" dan tidak melakukan FTA sekiranya darjah ancaman muka adalah sangat besar.

Culpeper (2003) juga memberi definisi bahawa ketidaksantunan ialah strategi komunikatif yang direka untuk ancaman muka, seterusnya menyebabkan konflik sosial dan ketidakharmonian. Manakala dalam proses memformat teori, Culpeper (2005) dalam jurnalnya, menyatakan bahawa konsep ketidaksantunan adalah lebih kepada reaksi yang tidak bertujuan oleh penutur ketika berkomunikasi, pendengar atau kedua-

University of Malaya

duanya sekali. Kajian Culpeper (2005), ini memberi penjelasan bahawa ketidaksantunan didefinisikan menggunakan fungsi tertentu dalam mengkategorikan sama ada sebarang pertuturan itu santun atau tidak. Melalui kajian-kajian ini, pengkaji mendapati bahawa ketidaksantunan wujud apabila sebarang perbualan dilakukan secara teori dan juga fizikal, iaitu ancaman muka secara sengaja menggunakan pelbagai metodologi atau strategi. Maka, sudah tentu kajian beliau amat membantu pengkaji dalam mengkaji kedua-dua persoalan kajian ini yang berkaitan strategi ketidaksantunan dan ancaman muka dalam rancangan realiti. Selain itu, beliau membentangkan lima strategi di mana penutur guna untuk bertutur secara tidak santun, iaitu aksi selari dengan raut wajah, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, sindiran dan menahan kesopanan. Ini membantu pengkaji semasa memilih, memahami dan menerangkan teori kajian ini.

Sementara itu, Watts (2003) memperkenalkan teori ketidaksantunan dalam dua fasa. Fasa pertama ketidaksantunan merujuk kepada penelitian perilaku tidak santun oleh masyarakat bahasa itu sendiri. Teori ketidaksantunan fasa kedua pula merujuk kepada tingkah laku sosial yang dinilai bersama oleh orang lain. Kasper (1990), Culpeper (1996, 2008), Krenpointier (1997) dam Bousfield, Locher (2008) menyatakan teori ketidaksantunan tidak cukup sekiranya dikaitkan teori kesantunan sahaja, tetapi lebih kepada strategi komunikasi yang berhubung kait dengan harmoni sosial. Strategi komunikasi ini memang wujud dalam data kajian ini ketika komunikasi dua hala berlaku antara juri dengan peserta dalam rancangan realiti yang dipilih.

Selain itu, pengkaji Haugh (2012) telah mengulas buku Bousfield, Derek (2008) yang bertajuk *Impoliteness in Interaction*. Bousfield (2008) mengatakan ketidaksantunan sebagai suatu bentuk komunikasi yang sukar untuk menentukan sama ada penutur berniat tidak santun atau tidak sengaja (p.70). Seterusnya, analisis ketidaksantunan oleh Bousfield (2008) dalam interaksi bermula dengan menyenaraikan

University of Malaya

pelbagai strategi ketidaksantunan oleh Culpeper (1996). Dalam bukunya juga telah menganalisa perkembangan dalam ketidaksantunan dari konteks pertuturan dan wacana.

Seterusnya, Bousfield (2008) menolak teori Brown & Levinson (1987) mengenai sifat positif dan negatif dalam rangka kerja analitik, tetapi memilih sifat „on record" berlawan „off record". Beliau juga mengkaji cara bagaimana ketidaksantunan diwujudkan dengan mengekspolitasikan jangkaan terhadap giliran bertutur dan organisasi tertentu, di mana analisis komunikasi jarang dilakukan. Secara keseluruhanya, kajian Bousfield (2008) melambangkan kajian ilmiah yang penting bagi kajian ini dalam memilih data ketidaksantunan yang betul daripada pertuturan juri untuk tujuan penganalisan data.

2.1.2 Strategi ketidaksantunan

Culpeper (1996:350) mendapati ketidaksantunan serta penggunaan strategi yang direka untuk melihat impak negatif mempunyai sentuhan sosial. Dalam kajiannya beliau telah menyenaraikan beberapa strategi tidak santun. Berikutan dengan itu, dalam proses memformat teorinya Culpeper (2005) membentangkan lima strategi ketidaksantunan yang telah dimurnikan. Antara strategi- strategi yang disarankan oleh Culpeper (2005) mengenai ketidaksantunan adalah seperti berikut:-

a) **Ketidaksantunan *Bald on-record* :**

   Ketidaksantunan dilaksanakan dalam cara yang langsung, jelas serta ringkas dalam situasi di mana muka adalah tidak relevan atau diminimakan.

University of Malaya

b) Ketidaksantunan Positif :

Penggunaan strategi direka untuk merosakkan keperluan muka positif pendengar. Contohnya, abaikan yang lain dari aktiviti, tidak mengambil kira, tiada simpati, penggunaan penanda identiti yang tidak sesuai, penggunaan bahasa rahsia, mencari ketidaksetujuan, penggunaan perkataan „taboo" dan mengguna nama panggilan.

c) Ketidaksantunan Negatif :

Penggunaan strategi direka untuk merosakkan keperluan muka negatif pendengar. Contohnya, menakutkan, melindung, mengejek, menghina, tidak melayan orang lain dengan serius, memperkecilkan diri yang lain, menceroboh masuk ruang yang lain, berkait secara eksplisit dengan aspek negatif yang lain (personalisasi, guna kata nama saya dan awak), menyatakan rasa penghargaan diri yang lain secara terbuka.

d) Sindiran atau kesantunan olok-olok :

Lakuan ancaman muka dilaksanakan dengan penggunaan strategi kesantunan yang secara jelas adalah tidak ikhlas dengan struktur ayatnya yang mudah.

e) Menahan/ sembunyi kesantunan :

Kegagalan penggunaan kesantunan bahasa di mana ianya dijangkakan. Contohnya, gagal mengucapkan terima kasih kepada seseorang yang memberi hadiah mungkin dianggap sebagai ketidaksantunan yang disengajakan.

University of Malaya

Melalui kelima-lima strategi yang dikemukakan dalam teori ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa ketidaksantunan merupakan aksi atau kelakuan yang membelakangkan raut wajah. Di sini dapat dinyatakan bahawa ketidaksantunan adalah apa yang diucapkan tetapi bukan pandangan orang lain setelah mendengar seuatu perbualan. Pelbagai strategi yang dikaji ini amat berguna dalam menilai atau menganalisa tahap ketidaksantunan bahasa juri dalam kajian ini. Perkembangan lima strategi ketidaksantunan oleh Culpeper (2005) juga membantu dan menjadi panduan kepada pengkaji untuk penganalisan data kajian ini dalam proses menjawab persoalan kajian yang pertama dengan mengenal pasti strategi ketidaksantunan dalam rancangan realiti yang dipilih. Selain itu, model Culpeper (2005) ini juga telah menjadi sebagai rujukan semasa memilih, memahami dan menerangkan teori kajian ini.

Culpeper (2005) juga menyatakan seseorang yang lebih berkuasa mempunyai kebebasan untuk menjadi tidak santun, kerana dia boleh mengurangkan kebolehan peserta yang kurang berkuasa untuk berkomunikasi secara tidak santun. Ini terbukti dalam kajian ini di mana juri lebih berkuasa dan mempunyai kebebasan untuk menjadi tidak santun serta mengurangkan kebolehan peserta untuk memberi respons secara spontan. Di samping itu, Lakoff (1989) dan Penman (1990) juga berpendapat bahawa ketidaksantunan berlaku di dalam situasi yang tidak seimbang dari segi kuasa seperti dalam mahkamah. Dalam kajian ini juga didapati pertuturan juri kepada peserta rancangan realiti juga menjadi satu situasi yang tidak seimbang dari segi kuasa walaupun peserta – peserta itu terdiri daripada artist yang sama taraf dengan status juri.

Seterusnya, Culpeper (2011:2), menyatakan bahawa seseorang mudah tersinggung terhadap cara seseorang menyatakan sesuatu berbanding apa yang dinyatakan. Ini menjadi salah satu faktor untuk mengkategorikan strategi ketidaksantunan bahasa juri. Penulisan Culpeper (2011:3), mengenai ketidaksantunan

University of Malaya

menerangkan hubungan pendekatan pelbagai aspek. Antaranya, psikologi sosial, sosiologi, pembelajaran konflik, kajian media dan komunikasi terutamanya pengeksploitasian televisyen dan hiburan. Menurut Culpeper (2011:8), memperoleh data yang sesuai dalam kajian ketidaksantunan adalah agak sukar. Bagi kajian ini, pengkaji juga menghadapi masalah kerana tidak dapat bersemuka dengan peserta rancangan realiti secara terus dan pengumpulan data terhad kepada rancangan televisyen sahaja. Oleh yang demikian, dalam persoalan kajian kedua, pengkaji telah meneliti dan mengkaji ancaman muka peserta rancangan realiti yang dipilih.

Culpeper (2005) mengikuti jejak Thomas (1995: 264) dalam menyenaraikan sumber bukti penterjemahan kajian mereka. Sumber-sumbernya adalah rakaman video (reaksi bukan-lisan), transkripsi data serta teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2005). Kaedah dan alat pengukur kajian beliau, menjadi panduan kerana kaedah dan alat pengukur sama digunakan dalam kajian ini iaitu rakaman video dan transkripsi data.

Culpeper (2011:215) menyatakan ketidaksantunan dalam pertuturan boleh dikendalikan dengan mengambil kira konteks, tujuan dan tema. Harris (2001), membahaskan kewujudan ketidaksantunan dan konteks tertentu seperti situasi, penutur, pendengar, waktu, topik, tempat, peristiwa, bentuk yang amat mempengaruhi interaksi ketidaksantunan dalam pertuturan. Mengikut data kajian ini pula, konteks dan tujuan amat mempengaruhi ketidaksantunan bahasa juri kerana didapati juri lebih tidak santun apabila mereka tidak berpuas hati dengan persembahan para peserta.

Kajian Culpeper (2011) membahagikan kajiannya kepada tujuh bahagian. Antaranya ialah, memahami ketidaksantunan dari muka dan norma sosial, intensi dan emosi, metadiscourse, ketidaksantunan formula konvensional dan juga kesungguhanya, ketidaksantunan bukan konvensional, ketidaksantunan implikasi, acara ketidaksantunan

University of Malaya

bersama teks dan konteks, dan acara ketidaksantunan serta fungsinya. Kesemua ini telah menjadi garis panduan untuk mengenali konsep, teori, strategi ketidaksantunan serta membantu pengkaji untuk membezakan data yang santun dan tidak santun dalam kajian rancangan realiti ini.

Sementara itu, kajian Culpeper (2016) yang merujuk kepada konsep pemilihan strategi untuk menunjukkan ketidaksantunan berlaku dalam pertuturan dalam jurnal yang bertajuk Strategi Ketidaksantunan (*Impoliteness Strategies*) menjadi satu tinjauan kajian lepas yang amat berguna. Ini adalah disebabkan kerangka kajian, iaitu strategi ketidaksantunan menjadi asas kerangka kajian ini. Kajian beliau bermula dengan penilaian kritikal mengenai pemahaman kerana ia digunakan dalam aspek linguistik. Ia mengkemukakan bahawa taxonomi Culpeper (1996) mengenai ketidaksantunan membincangkan kebanyakan isu ketidaksantunan dalam peringkat abstrak. Kajian beliau ini juga menjadi sokongan kepada pengkaji untuk menjawab persoalan kajian yang pertama.

Culpeper (2011) dalam kajiannya merujuk terminologi Brown & Levinson (1987) yang membincangkan strategi ketidaksantunan dalam dua apsek iaitu "superstrategy" dan "output strategy". Dalam kajiannya juga, beliau telah memberi model pencetus ketidaksantunan. Secara tidak langsung, model pencetus ketidaksantunan ini juga telah menjadi rujukan kepada pengkaji dalam proses mengkaji strategi ketidaksantunan demi menjawab persoalan kajian pertama dalam kajian ini. Culpeper (2016) juga membincangkan dua isu kontroversial iaitu perhubungan antara kelangsungan (directness) dan strategi ketidaksantunan serta juga isu ketidaksantunan dengan konteksnya. Pengkaji mendapati wujud beberapa data kajian ini yang mempunyai perhubungan antara kelangsungan (directness) dan strategi ketidaksantunan.

University of Malaya

Didapati jika semakin langsung pertuturan juri, maka lebih cenderung situasi ketidaksantunan berlaku.

Tambahan pula, Culpeper (2016) menyatakan tingkah laku lisan dan tidak lisan yang dipertengahkan dalam etika ketidaksantunan yang bersamaan dengan strategi ketidaksantunan seperti mencelah seseorang, memalukan, mengelak, menggunakan kata-kata kasar, melakukan ejekan atau hinaan yang boleh merendahkan martabat orang lain, mengubah atau melanggar struktur komunikasi dan sebagainya. Ini memang membantu pengkaji dalam mengenal pasti tingkah laku tidak lisan juri seperti pencelahan, memalukan dan ejekan untuk tujuan penganalisan data kajian ini.

Seterusnya, beliau menyatakan bahawa berdasarkan Kamus Englis Oxford, perkataan strategi wujud dari zaman kuno Greece yang berkaitan dengan aspek ketenteraan. Penyusunan perkataan strategi ketenteraan membawa maksud pelan untuk mencapai objektif tertentu dalam ketenteraan. Ketika aspek lingustik dikaji dengan mengembang, pertemuan kosa kata yang luas berkembang bersama termasuk „rhetorical strategy" iaitu strategi yang tidak perlu dikaji tetapi memberi kesan dalam gaya strategi, strategi teks (text strategy), strategi perbincangan (discourse strategy), strategi komunikasi (communication strategy), strategi pemahaman (text-comprehension strategy), strategi pragmatik (pragmatik strategy), strategi komunikasi dua hala (communicative strategy) dan strategi kesantunan (politeness strategy).

Culpeper (2016) dalam kajiannya telah menyentuh hasil tulisannya yang lepas iaitu pada tahun 2011 di mana beliau telah menganalisa teori dan strategi Catherine Rondina and Dan Workman (2005) mengenai kekasaran (rudeness), siri yang menolong remaja yang menghadapi konflik dalam kehidupan seharian dan bertujuan mempromosikan sekolah, rumah dan komuniti yang aman. Beliau menunjukkan

University of Malaya

bagaimana strategi yang dinyatakan bersamaan dengan strategi ketidaksantunan Culpeper (1996). Culpeper (2016) menyatakan tingkah laku lisan dan tidak lisan yang dipertengahkan dalam etika ketidaksantunan yang bersamaan dengan strategi ketidaksantunan seperti berikut:-

a) Mencelah seseorang/ memalukan/ mengelak/ menggunakan kata-kata kasar (ketidaksantunan positif-memanggil orang lain dengan nama, menolak permintaan orang, menggunakan perkataan yang dilarang) ,
b) Melawan ibu bapa atau guru, mencelah ketika bercakap (ketidaksantunan negatif- melakukan ejekan atau hinaan yang boleh merendahkan martabat orang lain, mengubah atau melanggar struktur komunikasi)
c) Lupa bercakap "terima kasih", meminta kebenaran (menahan kesantunan)

Selain itu, Culpeper, Bousfield & Anne Wichmann (2003) memfokuskan teori ketidaksantunan dan penggunaanya dalam strategi komunikatif yang direka untuk mengancam muka, yang seterusnya mengakibatkan konflik sosial dan ketidakharmonian. Tujuan penulisan ini adalah untuk membina kerangka kajian ketidaksantunan. Kajian ini juga membincangkan hubungan antara kesantunan dan ketidaksantunan, mengkaji bagaimana ketidaksantunan dikiritik dalam penulisan ini dan meneroka peranan "prosody" dalam menghubungkan ketidaksantunan. Tambahan pula, membincangkan mengenai lima strategi ketidaksantunan. Maka sudah tentu, ia amat membantu dalam merancang, mengkaji dan menjawab persoalan kajian yang pertama dalam kajian ini kerana teori yang sama menjadi sebagai garis panduan. Culpeper (2011) menerangkan kenyataan Leech (1983:108) di mana kerapkali menyatakan hubungan antara kesantunan dan ketidaklangsungan. Penggunaan perkataan „awak" boleh ditafsir sebagai tidak santun maka ia berpotensi dikritik secara personal.

University of Malaya

Sehubungan dengan itu, kajiannya telah banyak membantu pengkaji dalam proses menganalisa data kerana dalam kajian juri lebih banyak menggunakan perkataan „nee" yang bermaksud „awak" ketika bertutur dengan peserta dalam rancangan realiti yang dipilih. Berdasarkan hukum tatabahasa bahasa Tamil, perkataan „nee" merupakan perkataan yang tidak santun dalam sesuatu pertuturan.

Seterusnya, Kantara (2010) mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan dan respons yang diberi oleh watak utama dalam siri TV, *House M.D* terhadap majikannya, kawan dan rakan seperjuangan, pelatih dan pesakit. Dengan menggunakan kerangka teori ketidaksantunan Culpeper (1996) dan Culpeper, Bousfield & Wichman (2003), Kantara (2010) mengkaji sebab dan niat disebalik penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa oleh watak utama rancangan tersebut dalam konteks hospital. Data kajian ini terdiri daripada transkrip akademik daripada Musim 1, episod 1-20, disiarkan di Fox TV pada tahun 2004-2005, yang diambil dari internet.[1] Maka, sudah tentu kajian beliau amat membantu dalam menjawab persoalan kajian pertama serta menjadi sebagai rujukan dalam pemilihan kaedah dan cara pengumpulan data. Ini adalah kerana, data kajian ini pun dimuat turun daripada internet mengikut musim (season) dan episodnya. Tambahan pula, data kajian ini juga akan ditranskrip dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Selain itu, prosedur penganalisaan data kajian mereka juga menjadi sebagai garis panduan dalam penganalisaan data kajian ini.

Manakala, Juhani Rudanko (2006) menyatakan bahawa strategi ketidaksantunan bukan sesuatu yang baru, tetapi ia adalah jenis strategi tingkah laku verbal yang tidak menyenangkan dan ianya dikenal pasti dalam artikel melebihi strategi ketidaksantunan. Dengan mengenal pasti strategi ketidaksantunan *aggravated impoliteness*, kajian ini berfokuskan pengayaan konseptual kajian ancaman muka. Salah satu persoalan

[1] http://twiztv.com/scripts/house.

University of Malaya

kajiannya bertujuan untuk memastikan sama ada mungkin ada strategi lain daripada lisan yang tidak menyenangkan tingkah laku akan menjadi sebagai tambahan untuk jenis yang dikenal pasti dalam kajian ini dan akan ditemui dalam kajian drama mahupun kajian interaksi lisan dalam kehidupan sebenar dengan dikenali sebagai *aggravated impoliteness.* Secara tidak langsung, kajiannya juga membantu pengkaji untuk mengkaji strategi ketidaksantunan dalam pertuturan antara dua pihak yang terlibat dalam rancangan realiti.

University of Malaya

2.1.3 Skala ketidaksantunan

Beberapa data kajian ini dipengaruhi oleh skala ketidaksantunan. Oleh itu, pengkaji merujuk buku Leech iaitu *„Principles of Pragmatics"* (1983:108) yang menerangkan hubungan antara kesantunan (indirectness) dan ketidaksantunan (direct). Mengikut pandangannya, skala kesopanan bertambah lebih tinggi sekiranya ilokusi semakin lama, semakin tidak lansung (indirectness). Melalui teori kelangsungan Leech (1983), pengkaji dapat merumuskan skala ketidaksantunan seperti rajah di bawah :-



Rajah 2.1 : Hubungan antara ketidaksantunan dan kelangsungan.

University of Malaya

Tetapi, dalam rajah yang digunakan oleh Culpeper (2011:186)[2], Culpeper merumuskan bahawa skala ketidaksantunan adalah bertambah tinggi sekiranya jenis ilokusi semakin lama serta semakin langsung atau terus (direct). Hal ini amat berguna dalam kajian ini kerana terdapat pertuturan juri yang semakin lama dan langsung menyebabkan skala ketidaksantunan bertambah tinggi. Culpeper (2011: 221) juga menyatakan kritikan secara langsung dengan kata-kata kasar dan bertindak menyerang akan menyebabkan sebuah pertuturan menjadi tidak santun.

2.1.4 Ketidaksantunan dan maklum balas

Kajian mengenai serangan lisan oleh Haris (2001) menyatakan bahawa satu cara untuk menjaga air muka adalah dengan mengancam semula penutur yang mengancam mereka sebagai serangan balas. Seseorang itu boleh memilih samada untuk memberi respons atau tidak terhadap sesuatu unsur ketidaksantunan atau aksi ancaman serang muka. Peserta yang memilih untuk memberi respons pula boleh samada menerima ancaman muka ataupun membalas balik. Dengan menerima ancaman muka, pendengar menganggap dirinya bertanggungjawab terhadap ketidaksantunan yang timbul. Situasi ini memberi kesan serangan muka yang tinggi kepada penerima. Ketika membalas balik serangan muka, penerima berbuat demikian dengan menyerang (offensive) ataupun mempertahankan diri (defensive). Modelnya diterangkan secara terperinci dalam bab seterusnya berserta dengan rajah model tersebut.

[2] Lampiran A : Interaksi antara kelangsungan dan graviti kesalahan dalam ungkapan ketidaksantunan.

University of Malaya

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, pengkaji telah merujuk kajian Culpeper (2003) yang menyatakan penutur mengeksploitasi tiga cara dalam interaksi untuk menyatakan ketidaksantunan dalam konteks intonasi. Pertamanya, adalah tekanan yang diberikan terhadap pertuturan dengan pilihan nada suara, samada menekankan sesuatu pernyataan ataupun ancaman. Keduanya, secara fonologi, iaitu dengan suara yang rendah dan tinggi boleh menyebabkan sesuatu komunikasi berakhir seterusnya menghalang niat pendengar untuk memberi respons. Ketiga, selain pilihan fonologi, realisasi fonetik juga mampu mewujudkan ketidaksantunan. Nada yang tinggi atau bunyi suara yang terlalu kuat terhadap sesuatu perkataan boleh dianggap sebagai satu pencerobohan terhadap ruang antara penutur dan pendengar. Ini memang wujud dalam kajian ini di mana nada yang tinggi dan kuat oleh juri menjadi satu pencerobohan terhadap ruang antara juri dan peserta dalam rancangan realiti ini.

2.1.5 Formula ketidaksantunan

Kajian Culpeper (2010) yang bertajuk, *Conventionalised impoliteness formulae* adalah kajian mengenai formula ketidaksantunan yang biasa. Culpeper (2010: 3233) menyenaraikan ketidaksantunan sebagai kata sama maksud yang berupa kelakuan buruk, keberanian, biadab, kekasaran, menjadi kasar, kebencian, hinaan, kebiadaban, tidak jujur, tidak hormat, sambil lewa, kegagahan, ketidaksopanan, keingkaran, kurang ajar, tidak bertamadun, tidak bertimbang rasa, keangkuhan dan kurang hormat. Beliau menyatakan seseorang mampu menjadi emosional terhadap situasi yang timbul serta menjadikan orang itu meluahkan kekasaran dan mewujudkan situasi tidak santun. Ini terbukti dalam data kajian ini di mana juri menjadi emosional dalam konteks tertentu lalu mewujudkan situasi tidak santun. Selain itu, Culpeper (2010) menjelaskan kenyataan Leech (1983:83) yang berpendapat sesetengah ujaran seperti arahan adalah

University of Malaya

dengan semula jadi nampak tidak santun manakala sesetengah perkataan seperti membuat tawaran adalah santun. Sesetengah arahan yang diberikan oleh juri kepada peserta dalam rancangan realiti yang dipilih menjadi sebagai data tidak santun dalam kajian ini. Mengikut Culpeper (2000:37), beberapa struktur ayat dikenalpasti sebagai ujaran ketidaksantunan. Berikut adalah beberapa contoh struktur ayat tersebut :-

a) Penghinaan - " Dia / awak sangat bodoh".

b) Kritikan - "Ianya teruk" dan "tidak boleh dipertikaikan" atau "impak yang tidak disangkakan."

c) Cabaran - "Awak mahu bertekak dengan saya atau awak mahu ke penjara? "

d) Perendahan martabat - "Awak agak kebudak-budakan."

e) Paksaan mendengar mesej - "Awak faham?" dan "Sila dengar !"

f) Perpisahan - "Pergi" dan "Berambus"

g) Senyap - "Diam!" dan "Tutup mulut!"

h) Ancaman - "Saya akan memecahkan kepala awak!"

i) Ekspresif negatif (sumpahan) - "Pergi ke neraka!"

Maka, kajiannya telah menjadi panduan dan memudahkan pengkaji dalam memilih data ketidaksantunan daripada transkrip rancangan realiti yang dipilih kerana struktur ayat seperti di atas terdapat dalam pertuturan juri.

Sejajar dengan maksud ketidaksantunan dalam pertuturan, iaitu pemindahan informasi tidak santun di antara dua orang, seseorang individu memperoleh pengetahuan sedia ada ketika berdepan dengan sesuatu situasi. Dari satu latar skemata ke latar skemata yang lainya, pertuturan antara individu saling ditukarkan, kerana

University of Malaya

skemata menyimpan data masa lalu, iaitu pengetahuan dan pengalaman di dalam fikiran dan akan mengaitkannya kepada ke situasi semasa (Kellerman, 1995).

2.1.6 Fungsi Strategi Ketidaksantunan

Culpeper (2009), menyatakan bahawa tiga jenis fungsi aksi tidak santun dikenal pasti, iaitu memberi kesan, bersifat memaksa dan menghiburkan. Beliau mengkaji konteks situasi tidak santun dalam fungsi hiburan. Kajian ini memberi model ketidakasantunan yang komprehensif dan juga sistematik. Beliau menyatakan bahawa ketidaksantunan adalah sangat sensitif kepada konteks budaya. Pengkaji mempersembahkan bagaimana satu susunan kreativiti boleh didapati dalam penulisan ketidaksantunan bahawa ianya bukan sahaja hiburan semata-mata tetapi mempunyai fungsi utama dalam kepaduan sosial. Misalnya, dalam kajian ini ketidaksantunan menjadi sesuatu yang tidak digalakkan dalam budaya India. Culpeper (2009:21) menyatakan aksi mengancam muka atau hak sosial dalam eksploitasi institusi khususnya yang berkaitan dengan media sebenarnya menghiburkan orang lain. Maka, mengikut kajian ini rancangan realiti yang menghiburkan penonton menjadi topik relevan untuk dikaji.

Culpeper (2011), merumuskan bahawa konteks ketidaksantunan ada fungsi yang umum dalam mengenal pasti identiti, perhubungan interpersonal, norma sosial dan ideologi. Culpeper (2011) menerangkan tiga aspek penting dalam mengkategorikan fungsi ketidaksantunan, iaitu ketidaksantunan berpura-pura, ketidaksantunan paksaan dan ketidaksantunan hiburan. Persoalan kajian yang dijawab dalam kajian ini adalah bahawa bila bahasa dipertimbangkan sebagai kurang santun dan seterusnya adakah bahasa kurang santun hanya digunakan untuk tujuan anti sosial atau tidak. Demi itu,

University of Malaya

Culpeper (2011:252) menyatakan dua jenis fungsi ketidaksantunan, iaitu ketidaksantunan afektif (affective impoliteness) yang bermaksud tahap kemarahan tinggi yang menyebabkan ketidaksantunan wujud sehingga penutur menyalahkan pendengar adalah penyebabnya. Fungsi kedua ialah ketidaksantunan hiburan (entertaining impoliteness) yang menyatakan ketidaksantunan boleh dianggap sebagai hiburan bercirikan lima penyebab, iaitu emosi, estetik, kepuasan, kekuasaan dan keselamatan. Sekaligus Culpeper (2011) menyentuh mengenai ketidaksantunan berhubung kait dengan eksploitasi di mana institusi media televisyen selalu dikaitkan dengan eksploitasi tersebut. Culpeper (2011:234) menyatakan konsep hiburan merangkumi target ketidaksantunan pada satu tahap yang tinggi. Maka, sudah tentu kajian Culpeper (2011) menjadi relevan dan berkait rapat dengan kajian ini.

Tambahan pula, Culpeper (2011) menyatakan media memainkan peranan besar dalam komunikasi sosial. Lagipun, krisis ketidaksantunan berbahasa dikatakan wujud akibat peranan media. Beliau bersetuju dengan pendapat Chory (2010:182) yang menyatakan bahawa televisyen merupakan genre yang menunjukkan paling banyak serangan lisan. Culpeper (2011) kemudian berbincang mengenai perhubungan antara interaksi tidak santun dan hiburan. Kajian ini juga membantu pengkaji dalam menganalisa pertuturan juri dari segi strategi ketidaksantunan.

2.1.7 Hubungan muka dengan ketidaksantunan

Menurut teori Culpeper (2003), ketidaksantunan dalam pertuturan merupakan pertuturan dengan sengaja atau tidak sengaja yang melanggar norma sosiobudaya yang berlaku untuk menyerang muka penutur. Spencer-Oatey (2002:540) pula menyatakan "quality face" merupakan sifat atau keinginan seseorang yang mengharapkan orang lain

University of Malaya

menilai kita secara positif tanpa mengambil kira peribadi kita (personal self). Sehubungan dengan itu, Spencer-Oatey (2007:647) menyatakan hubungan muka (relational face) daripada kategori hubungan diri (relational-self) merujuk kepada perhubungan antara penutur dan pendengar di mana dari situ konteks atau isi pertuturan ditentukan. Ini amat sepadan dengan kajian ini apabila penutur yang dirujuk dalam kajian ini adalah juri dan pendengarnya pula peserta rancangan.

Seterusnya, Goffman (1967:8) memberitahu bahawa aksi atau kelakuan lisan dan bukan lisan di mana seseorang itu meluahkan pendapat terhadap situasi yang berlaku dikaitkan dengan konteks muka. Manakala, Arundale (2013) dalam artikelnya bertajuk, muka sebagai fokus kajian pragmatik *("Face as a research focus in interpersonal pragmatics: Relational and emic perspectives")* telah merujuk teori susunan muka FCT (Face Constituiting Theory) oleh (Arundale, 1999, 2010a) mengenai respons atau tindak balas serta perhubungan memahami muka. FCT, merujuk kepada muka sebagai unsur dalam komunikasi dan dikendalikan dengan komunikasi dua hala, „on-going" dan „dialetic tention". Arundale (2013:117) merumuskan bahawa penilaian terhadap muka merupakan salah satu karakter untuk membentuk konsep terhadap muka sebagai satu imej sosial. Di samping itu, muka digunakan sebagai tema dalam membentuk konsep muka daripada ketidaksantunan merujuk kepada „Symposium on Face" (Huddersfield U.K., 2011). Haugh (2005b) pula memberi tafsiran muka sebagai tingkah laku yang boleh mengancam muka. Haugh (2007:664) juga menyatakan sesuatu aksi mungkin boleh menyebabkan ancaman muka ketika seseorang itu berkelakuan kurang tepat atau relevan dengan kedudukannya yang tinggi dalam masyarakat tersebut.

Arundale dalam penulisannya telah menjelaskan kenyataan Haugh dan Bargiela– Chiappini (2010: 2073) dalam "Journal of Pragmatics on Face in Interaction"

University of Malaya

dengan menyatakan tentang peranan aksi muka dalam kajian santun dan tidak santun. Oleh itu, satu kajian asing tentang muka perlu diteorikan dengan sendirinya. Haugh (2013) berpendapat kedudukan perhubungan dan susunan moral dalam pragmatik muka dan *facework* diperkembangan dalam kajian ini.

Selain itu, Helen Spencer–Oatey (2011) menyatakan bahawa sebagai kajian terbaru dalam linguistik, pragmatik merupakan satu-satunya unsur yang memperhitungkan emosi dan penghakiman yang tidak santun yang orang kaitkan dengan bahasa. Berikutan dengan itu, Brown & Levinson (1987) telah menganalisa kategori ancaman muka sama ada ianya mengancam muka penutur ataupun pendengar. Seiringan dengan mereka, Leech (1983, 2007) dan Arundale (2006, 2010) memformulakan tema ketidaksantunan mereka dalam konteks kendiri dan juga orang lain. Kedua-dua pendengar dan penutur berhak menentukan tahap ketidaksantunan yang berlaku kerana perspektif perhubungan merujuk kepada kendiri dan diri orang lain yang dihubungkait dalam sesuatu komunikasi.

Tambahan pula, Spencer-Oatey (2002:540) merumuskan muka identiti sosial (social identify face) dikaitkan dengan kategori kumpulan (collective self). Ia juga merujuk kepada seseorang dari identiti atau budaya tertentu yang berbakat atau menganggap diri mereka lebih berkuasa (superior). Beliau juga menyenaraikan satu variasi emosi seperti dihina, dianiayai, malu, bangga serta gembira untuk menolong responden memahami apa yang dimaksudkan dengan impak negatif dan positif. Seperti pendapat Talmy & Richards (2011:2), peranan penutur perlu dilihat dahulu kerana pemerhatian teliti perlu dititikberatkan agar konteks perbualan berlaku dalam komunikasi dua hala yang bertujuan.

University of Malaya

Spencer-Oatey juga (2007:647) menyatakan hubungan muka (relational face) daripada kategori hubungan diri (relational-self) merujuk kepada perhubungan antara penutur (hakim) dan pendengar (penutur) di mana dari situ konteks atau isi pertuturan ditentukan. Perkembangan bahasa tertentu tidak akan lepas dari perkembangan budaya masyarakat tersebut. Nilai yang dianggap tidak santun berkait rapat dengan nilai etika masyarakat tertentu. Maksud ketidaksantunan nampaknya berkait rapat sama ada antara reaksi muka ataupun norma sosial. Dalam kesemua kajian ini, muka dijadikan sebagai fokus kajian. Oleh itu, kajian-kajian ini amat membantu pengkaji untuk menjawab persoalan kajian yang kedua.

Dynel (2015) dalam penulisanya, cuba memberi gambaran penyelidikan ketidaksantunan yang terkini. Pada masa yang sama, kajian beliau ini bertujuan memberi gambaran beberapa prospek kajian dalam usaha memperkayakannya. Secara kritikalnya, ia mengkaji beberapa masalah teoritikal dan methodologi dalam ketidaksantunan dengan kebiadapan, matlamat, ancaman muka dan strategi ketidaksantunan serta kebangkitan topik penyelidikan seperti ketidaksetujuan, pertelingkahan, perbalahan dan perkataan kesat dan situasi yang memberi ruang kepada ketidaksantunan juga boleh didapati. Terutamanya, kajian beliau berfokus kepada pemilihan idea yang penting tentang ketidaksantunan dimana yang belum pernah diterokai atau mendapat sebarang penghargaan dalam sumber ketidaksantunan. Ini termasuk, perkataan kesat, sindiran, dan beberapa fenomena yang dipromosikan oleh komunikasi berunsurkan computer seperti sindiran ataupun „troll".

Selain itu, Dynel (2016) mengetengahkan teori dan metodologi kajian dalam komunikasi berunsur jenaka dalam konsep teori ketidaksantunan, yang berfokus pada produksi dan penerimaan akhir iaitu niat penutur serta penilaian pendengar. Dalam konteks kritikal secara keseluruhannya, dari kedua-dua aspek jenaka dan

University of Malaya

ketidaksantunan kajian, didapati beberapa usul telah tercipta, seperti jenaka buatan (olok-olok). Secara amnya, komunikasi berbentuk jenaka, meningkatkan kebarangkalian untuk menjaga air muka dan mengeratkan hubungan diantara satu sama lain. Maka, kesantunan, ancaman muka dan konflik menunjukkan penentu ketidaksantunan. Lagipun, beliau mengatakan bahawa ketidaksantunan boleh dilihat sebagai sumber jenaka dalam dasarnya, terutamanya dalam dunia media hiburan. Tambahan pula, sesuatu pengujaran mampu mengundang balasan yang tidak diduga daripada pihak peserta kerana ini bergantung kepada status komunikasi intrapersonal mereka. Dynel juga mengatakan, pihak yang menerima lonjakan jenaka ini akan menjadi mangsa media hiburan. Dalam kajian beliau, diskusi tentang hubungan di antara bahan jenaka dengan ketidaksantunan ditunjukkan melalui ilustrasi yang telah dipetik daripada rancangan televisyen Amerika yang bertajuk "House".

2.1.8 Ancaman muka

Brown & Levinson (1987: 65-68) membincangkan isu FTA (Face Threating Act), iaitu aksi yang disebut sebagai ancaman muka. Selain itu, Goffman (1967:213), memberitahu bahawa „face work" dan interaksi bergerak selari. Goffman (1967:24) berpendapat bahawa apabila seseorang itu menilai raut wajah sebagai sesuatu yang bukan berpura-pura, tetapi sebagai suatu yang boleh diterima, maka pertelingkahan akan berkurang kerana kedua-dua pendengar dan penutur memahami tujuan mereka berinteraksi. Manakala, pertelingkahan atau ketidaksantunan berbahasa pula akan wujud sekiranya raut wajah dinilai secara negatif oleh penutur atau pendengar. Kajian beliau amatlah menjadi relevan dengan kajian ini yang ingin mengkaji mengenai rancangan realiti televisyen di mana memerlukan para pendengar dan penutur berkomunikasi

University of Malaya

secara bersemuka. Beliau juga menyatakan ketidaksantunan ditonjolkan secara linguistik dan simbolik.

Goffman (1967:8) juga menyatakan bahawa ketidaksantunan dalam perbualan berhubung kait dengan penyerangan muka. Goffman (1967) juga berpendapat gangguan dan ketidakpedulian dalam mendengar pendapat orang lain boleh membawa situasi tidak hormat. Kekurangan sokongan dari segi penilaian daripada orang lain, mungkin membuatnya terkejut, keliru dan membuat dirinya lupa bahawa dia sepatutnya bersuara pada masa itu. Adab dan kelakuannya mungkin putus dan runtuh. Secara simbolik dari segi air muka dia mungkin berasa malu dan kecewa serta kemalu-maluan.

Perasaan seseorang itu mungkin terluka kerana dari situasi menjadi "out of face" atau "wrong face" kini menjadi malu sehingga boleh menjadikan situasi dalam organisasi perbualan tadi menjadi tidak teratur. Dalam masyarakat Anglo-American, frasa "to lose face" membawa maksud muka salah, "out of face" ataupun menjadi muka malu. Frasa "untuk menyelamatkan muka" merujuk kepada proses di mana seseorang itu memberi satu pandangan terhadap orang lain bahawa dia tidak "lost face". Berikutan masyarakat China, memberi muka (to give face) ialah untuk membolehkan orang lain merasakan diri mereka dihargai, dengan ini dia boleh menyelamatkan raut muka (gain face). Manakala, luahan perasaan atau pendapat antara dua peserta berlaku asalkan orang yang membantah menunjukkan hormat terhadap orang lain.

Goffman (1967:14) juga menyatakan bahawa seseorang itu mempunyai dua titik pandangan, iaitu orientasi mempertahankan diri untuk menjaga air muka sendiri dan juga orientiasi melindungi untuk menjaga air muka orang lain. Ketika ingin menjaga muka orang lain, seseorang itu perlu memilih jalan agar muka dirinya pula tidak diancam. Dalam cubaan menjaga air muka sendiri, seseorang itu perlu

University of Malaya

mempertimbangkan akibat daripada kelakuannya yang boleh menyebabkan pengancaman muka orang lain. Dalam banyak masyarakat, terdapat tiga perbezaan dalam membezakan tanggungjawab seseorang dalam ancaman air muka sendiri. Pertamanya, orang itu mungkin bertindak jujur dan kesalahannya tidak berniat. Keduanya, penutur yang ungkapkan kata tidak santun seolah-olah mempunyai perasaan dendam dan bertujuan mewujudkan penghinaan. Ketiga, wujudnya kata-kata tidak santun mengikut situasi yang berlaku secara tidak langsung.

Dalam penulisannya juga, Goffman (1967:15) mengutarakan beberapa proses di bawah jenis asas „face-work". Salah satunya ialah proses mengelak (The avoidance process). Dalam waktu-waktu tertentu, seseorang itu mungkin menukar topik perbualan atau arah tuju aktiviti. Ancaman muka berlaku apabila kurangya aksi yang menyebelahi diri orang yang diancam. Seterusnya adalah, proses pembetulan (The corrective process). Dalam proses ini, amalan menjaga air muka boleh diklasifikasikan sepenuhnya kepada posisi dalam turutan semula jadi dalam kajian ini. Selain itu, Goffman (1967: 33) juga menyatakan bahawa jelingan yang terbuka, perubahan momento dalam tona suara dan tiga posisi ekologi boleh menjurus kepada pertuturan yang dihakimi. Aksi-aksi ancaman muka yang diperkenalkan oleh Goffman (1967) ialah, mencelah, menganggu giliran, membangkit sesuatu topik yang tidak diingini dan memulakan perbuatan yang tidak diminta.

Sementara itu, Culpeper (2003:1550) juga telah menerangkan pendapat Goffman (1967:14) yang menyenaraikan tiga jenis situasi atau aksi yang dianggap sebagai ancaman muka. Pertamanya adalah penutur bersifat dendam dan bertujuan menghina secara terbuka terhadap orang lain. Keduanya adalah ketika aksi yang tidak dirancang wujud akibat kesalahan yang dilakukan di mana aksi tersebut dinilai oleh pendengar secara negatif. Seterusnya adalah ketika penutur bertindak naif atau tidak berpura-pura

University of Malaya

dalam menuturkan sesuatu pertuturan tetapi disangka sebagai tidak santun. Namun begitu, penulisan Lachenicht (1980) memberikan ulasan semula yang luas terhadap strategi linguistik yang mungkin digunakan untuk mewariasikan penambah-burukkan muka. Maka, sudah tentu kajian-kajian yang dibincangkan telah mengkaji tentang ancaman muka membantu dan menjadi sebagai garis panduan untuk kajian ini dalam menjawab persoalan kajian kedua.

Seterusnya, Abby Mueller Dobs dan Garces-Conejos (2013) dalam artikel mereka yang bertajuk, *Impoliteness in polylogal interaction: Accounting for face-threat witnesses" responses* menggunakan pendekatan jenis sastera untuk menganalisis ketidaksantunan sepertimana yang dihuraikan oleh Garces-Conejos Blitvich (2010, 2013) serta Fairclough"s (2003) mengenai konteks pendekatan sastera. Model atau teori ini mengembangkan interaksi antara dua muka dengan darjah kejayaan yang pelbagai walaupun fenomena interaksi berada melebihi tahap kebolehan bertutur secara tidak santun. Pada peringkat sosial, Fairclough (2003) mengatakan pendekatan jenis sastera sebagai salah satu interaksi, berikutan hubungan sosial antara penutur. Perspektif interaksi ini membenarkan „polylogal", iaitu interaksi di dalam kumpulan kecil yang merangkumi komunikasi di antara tiga atau lebih individu yang terdiri daripada penutur, pendengar dan individu ketiga. Di mana mengikut kajian ini, 3 pihak yang terlibat adalah juri (penutur), peserta (pendengar) dan penonton (individu ketiga).

Sementara itu, Mueller (2011:114) bersetuju dengan model Bousfield (2007) bahawa penerima ancaman muka hampir kesemuanya menggunakan strategi mempertahankan diri sebagai cara respons kepada ketidaksantunan. Dalam kajian mereka, data dianalisis dengan mengasingkan dan menterjemahkan contoh pertuturan yang boleh dikategorikan sebagai ketidaksantunan daripada rakaman video. Secara nyata, Garces-Conejos (2009: 178) menyatakan nada suara tinggi, penghinaan dengan

University of Malaya

sengaja dan serangan peribadi menunjukkan kehilangan imbangan dalam pertuturan sekaligus mewujudkan ketidaksantunan dalam pertuturan.

Kedua-dua pengkaji ini juga menerangkan modul Bousfield (2007) bahawa penerima ancaman muka mempunyai dua opsyen untuk memberi respons, sama ada untuk menerima atau menyangkal ancaman muka. Menurut beliau juga, sekiranya memilih untuk tidak memberi respons, bermaksud penerima akan mendiamkan diri. Terdapat tiga opsyen respons yang dianalisa daripada model ini, iaitu membenarkan diancam, menyangkal (deny) dan bertindak balas (react). Menurut Bousfield (2007: 2198), ancaman muka yang dibenarkan menunjukkan penerima mengganggap dirinya bertanggungjawab terhadap aksi ketidaksantunan pelaku. Tanpa bukti gelak ketawa, kita memahami yang interaksi ini adalah tidak santun. Menurut A.M. Dobs dan Garces-Conejos, sekiaranya penerima yang diancam muka bertindak menyerang pelaku, penerima mungkin bertindak untuk mempertahankan diri. Kaedah pengumpulan data dan prosedur penganalisan data kajian ini amat membantu pengkaji dalam mengenal pasti bagaimana juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti yang dipilih dalam kajian ini.

Limberg (2009) dalam artikel bertajuk, *Impoliteness and threat responses* menyatakan ketidaksantunan sebagai satu bentuk sengaja yang mengancam muka serta gangguan yang disebabkan oleh cara lisan, bukan lisan dan interaktif ditafsirkan dalam konteks tertentu. Kajian ini mengkaji pemburukkan tingkah laku sosial dengan melihat startegi mengancam jenis muka tertentu, iaitu ancaman lisan yang dengan serta-mertanya mencungkil respons pendengar. Ancaman dianalisis dari perspektif teori untuk mendedahkan fungsi dan digunakan dalam interaksi untuk menunjukkan status mereka dalam model ketidaksantunan yang sedia ada. Dalam kajian ini, Holger menyatakan bahawa ancaman bersyarat bertujuan untuk memanipulasi tingkah laku

University of Malaya

penerima dalam apa-apa cara bahawa penerima itu dipaksa untuk menjalankan tindakan yang tidak diingini. Kajian ini memang membantu pengkaji kerana ia menunjukkan bagaimana corak ketidaksantunan dengan sengaja boleh menyerang muka dan bagaimana penutur bertindak balas terhadap ancaman yang diterima.

Mengikut Brown & Levinson (1987) untuk mengurangkan kemungkinan ancaman muka, seseorang perlu mengadaptasi strategi tertentu. Pilihan strategi dibuat berdasarkan penilaian seseorang mengenai ukuran FTA. Mereka mengemukakan lima strategi "superstrategies" yang sesuai untuk mengimbangi ancaman muka yang dihadapi. Ini telah menjadi sebagai garis panduan bagi kajian ini dalam menjawab persoalan kajian kedua, iaitu bagaimana ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti boleh mengancam muka peserta. Selain itu, Culpeper (2011:115) menggunakan teori Lachenicht (1980), Austin (1987&1990), Culpeper (1996) dan Bousfield (2008), yang bukan sahaja membincangkan aksi serangan muka tetapi juga membentuk dan mengkategorikan strategi aksi serang muka. Menurut Culpeper (2011), apabila seseorang penutur dicelah, diperhentikan tutur katanya, serta responnya diendah menunjukkan aksi tidak santun berlaku. Dalam kajian ini juga terdapat banyak data yang menunjukkan pencelahan oleh juri dalam pertuturan mereka.

Culpeper (2011: 215) pula menyatakan ketidaksantunan dalam pertuturan boleh dikendalikan dengan mengambil kira konteks, tujuan dan tema. Sesuatu pertuturan tidak santun mempunyai keteraturan formal dan logik. Harris (2001), membahaskan kewujudan ketidaksantunan dan konteks tertentu seperti situasi, penutur, pendengar, waktu, topik, tempat, peristiwa, bentuk yang amat mempengaruhi interaksi ketidaksantunan dalam pertuturan seperti mana Watts (2003: 131-2) mengatakan bahawa ketidaksantunan dikenal pasti sebagai serangan muka yang dibenarkan (Sanctioned aggressive facework).

University of Malaya

2.1.9 Ketidaksantunan daripada pandangan budaya dan identiti

Culpeper (2011) dalam bukunya merumuskan bahawa ketidaksantunan mempunyai fungsi umum dalam mengembangkan atau menentang identiti tertentu, perhubungan kendiri, norma sosial dan ideologi. Beliau juga berpendapat bahawa perkembangan suatu bahasa tidak akan lepas daripada perkembangan budaya masyarakat itu. Pengkaji merujuk kepada model ketidaksantunan Berkowitz (1993), yang memfokus kepada tiga situasi dalaman. Model ini menerangkan perhubungan antara emosi dan kognitif. Ketidaksantunan sudah tentunya dikaitkan dengan emosi negatif.

Menurut Culpeper (2011:58), marah dan sedih selalunya berhubung kait dengan situasi yang kurang sopan. Selain itu, kelemahan seseorang, kesedihan ketika dinilai secara negatif, kemarahan yang ditonjolkan dalam nada suara yang tinggi, pertuturan yang diutarakan ketika jangkaan tidak dicapai, pencelahan, kekecewaan, penghakiman yang salah adalah situasi di mana emosi seseorang berubah akibat daripada pertuturan atau tingkah laku yang tidak santun. Komunikasi yang berlaku sehingga menganggu emosi dianggap tidak santun. Gangguan emosi pula ditonjolkan dalam aksi muka yang menunjukkan telah berlakunya ketidaksantunan dalam pertuturan. Kebanyakkan data kajian ini, menunjukkan bahawa perasaan marah oleh juri menyebabkan ketidaksantunan bahasa berlaku. Tambahan pula, mengikut budaya India ketidaksantunan bahasa dianggap sebagai tidak mempunyai norma yang baik atau dianggap penuturnya tidak bermoral. Menurut Mills (2009), norma dan nilai hidup adalah dua aspek utama ketidaksantunan (Heart of impoliteness).

Selain itu, Mills (2008) dalam jurnal yang bertajuk, *Impoliteness in culture context* menganalisa cara generalisasi tentang ketidaksantunan di peringkat budaya yang

University of Malaya

sering disokong oleh pengetahuan stereotaip dan ideologi. Pengkaji menyatakan kesantunan sering menarik pandangan emosi daripada golongan lain yang dicirikan sebagai tempat yang bukan kepada masyarakat kerana kelas atau etnik mereka yang tidak termasuk daripada badan sosial melalui pertimbangan ketidaksantunan yang sepatutnya. Semua kenyataan mengenai kemunculan ketidaksantunan adalah berdasarkan kepada ideologi pandangan. Maka, pembangunan model analisis yang lebih secukupnya boleh membuat perubahan dalam kalangan sesuatu masyrakat.

Tambahan pula**,** emosi yang ditunjukkan memberi maklumat akan situasi pada masa emosi ditonjolkan. Maklumat yang ditonjolkan mewakili elemen yang diperlukan dalam struktur skema emosi Conway & Bekerian (1987). Emosi secara asasnya dibahagikan kepada dua, iaitu emosi positif dan negatif. Ketidaksantunan sudah tentunya dikaitkan dengan emosi negatif. Menurut Culpeper (2011:58), manusia menonjolkan lima emosi, iaitu cinta, gembira, marah, sedih dan takut. Marah dan sedih selalunya berhubung kait dengan situasi yang kurang sopan. Skemata untuk semua lima emosi ini mengandungi tiga ciri yang menghuraikan ketidaksantuan merujuk kepada tingkah laku yang berubah mengikut emosi.

Manakala, Kadar & Marquez – Reiter (2015) mengkaji sosio-pragmatik dari sudut yang biasanya dikenali sebagai psikologi sosial atau "intervensi penonton" iaitu aksi sosial oleh para penonton yang mencelah demi mengelakkan kelakuan yang berkemungkinan menyalahgunakan seseorang mangsa. Kajian kedua pengkaji ini, meninjau hubungan diantara ketidaksantunan dan persepsi serta pemahaman peserta dalam prinsip moral sebagai bukti penyuaraan meta komunikasi. Analisisnya pula bertumpu kepada kajian kes campur tangan penonton di Amerika Syarikat dengan menganalisis data yang diperoleh daripada rancangan realiti. Intervensi yang terawal adalah satu fenomena penting untuk menguji sekurang- kurangnya, dua sebab. Pertama,

University of Malaya

ia adalah sejenis tindakan sosial yang agresif seperti yang ditimbulkannya cabaran yang tidak diundang dan terbuka kepada orang yang melakukan kesalahan di khalayak ramai. Keduanya, intervensi penonton mencabar norma kelakuan konvensional. Ia bertujuan untuk membuktikan apa yang dipertikaikan sebagai tingkah laku bermoral yang boleh diterima. Kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada kajian pada masa kini tentang ketidaksantunan dengan menawarkan satu lagi tinjauan yang belum dikaji daripada dimensi iaitu kajian antara muka antara metapragmatik, ketidaksantunan dan ketidakmoralan dalam arena interaksi oleh pengaruh campur tangan penonton.

University of Malaya

2.2 KAJIAN LEPAS BERASASKAN TAJUK

2.2.1 Rancangan realiti

Culpeper (2005) juga telah mengenal pasti bahawa hiburan televisyen dikaitkan sebagai contoh semulajadi yang relevan digunakan untuk memerhati ketidaksantunan dalam pertuturan. Maka sudah tentu kajian Culpeper ini, membantu dan menjadi panduan kepada kajian ini yang menggunakan media hiburan, iaitu siaran televisyen. Berikutan dengan itu, pengkaji memilih model Culpeper (2005) sebagai kerangka teori untuk menganalisa data kajian ini. Beliau menyatakan bahawa struktur rancangan realiti TV mengikut jurnal bertajuk ketidaksantunan dan hiburan dalam rancangan kuiz televisyen, menunjukkan bagaimana ia dapat memaksimakan potensi ancaman muka bersama para juri. Tujuan kajian ini mengandungi mikroanalisis terhadap interaksi yang wujud dalam rancangan realiti TV. Secara langsung, kajian beliau telah menjadi sebagai panduan kepada pengkaji dalam mengkaji strategi ketidaksantunan dalam rancangan realiti.

Tambahan pula, Culpeper (2003) dalam jurnalnya menjelaskan bahawa rancangan realiti mempunyai lebih banyak unsur tidak santun berbanding rancangan formal. Banyak sokongan terhadap muka dapat dinilai sepertimana Montgomery (1999:105) menyatakan bahawa siaran realiti menampakkan aksi serangan yang lebih. Akhirnya, kajian ini menunjukkan bagaimana ketidaksantunan dilakukan secara kreatif serta menghiburkan. Pengkaji juga menyenaraikan formula berstruktur, membincangkan kepentingan rancangan realiti yang berunsurkan komunikasi untuk memaksimakan potensi ancaman muka. Oleh yang demikian, kajian ini telah membantu pengkaji bagi menjawab persoalan kajian kedua.

University of Malaya

Selain itu, Culpeper (2011:249) juga menyatakan bahawa media televisyen merupakan alat komunikasi yang sesuai digunakan dalam mengkaji ketidaksantunan berbahasa dalam konteks yang lebih luas. Culpeper (2011: 249) membentuk satu contoh jadual tayangan "standard" dan "exploitative". Rancangan realiti televisyen berunsurkan bakat dan nyanyian tergolong dalam rancangan eksplotasi (exploitative shows). Menurut Richardson & Meinhoff (1999: 136), kesemua rancangan berunsur exploitative adalah bercirikan ketidaksantunan. Kajian ini relevan dengan kajian pengkaji kerana juri dan peserta berkomunikasi mengenai persembahan yang telah selesai dipersembahkan. Dalam skop perbincangan, perkataan yang diujarkan kepada peserta dianggap sebagai instrumen yang sesuai untuk mengkaji ketidaksantunan.

Manakala, dalam artikel bertajuk *Impoliteness revisited: With special reference to dynamic and prosodic aspects* Culpeper, Bousfield & Wichmann (2003) telah menggunakan data daripada siri televisyen dokumentari BBC, bersiri "The Clampers" (1998). Kajian mereka juga berfokuskan ketidaksamaan atau konflik dalam bahasa. Dalam kajian mereka ini, siri "The Clampers" (1998) memfilemkan aktiviti harian pegawai trafik Majlis Perbandaran London. Berdasarkan kajian ini, dua peringatan mengenai data harus diingat menurut pengkaji. Pertamanya, salah satu tujuan siri televisyen adalah untuk menghiburkan orang. Oleh itu, BBC telah mempengaruhi pemilihan episod untuk siri dokumentari lebih kepada episod yang berhadapan atau bersemuka. Akibatnya, penonton tidak boleh membuat andaian sendiri daripada perbualan atau komunikasi yang dirakam. Keduanya pula, krew kamera yang merakam memainkan peranan penting kerana aksi peserta yang dirakam bertujuan memberi info mahupun data penting dalam mengkaji ketidaksantunan dan ancaman muka.Tambahan pula, pengkaji menggunakan teori Goffman (1967) serta relevan dengan kajian ini yang

University of Malaya

menggunakan rancangan realiti televisyen yang memerlukan para pendengar dan penutur berkomunikasi secara bersemuka agar aksi ancaman muka dapat dinilai.

Sementara itu, Gordon (2011) dalam artikelnya bertajuk, *Impression management on reality TV: Emotion in parental accounts*, telah menyatakan rancangan realiti televisyen bercirikan sosial akauntabiliti mampu menanam amalan nilai positif kendiri melalui ancaman muka. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati responden, iaitu ibu bapa menggunakan alasan dan memohon maaf sebagai tanggungjawab dalam usaha menyelamatkan muka ibu bapa dan dengan itu dapat memperbaiki identiti mereka yang tercemar. Maka, sesuatu respons yang diberikan seperti memohon maaf menjadi tanggungjawab penuntur dalam usaha menyelamatkan muka. Pendek kata, kajian ini menyumbang dalam mengenal pasti bentuk dan fungsi strategi perakaunan ibu bapa dalam realiti televisyen terutamanya peranan emosi di samping memperkembangkan kefahaman kita dalam mengenal pasti kerja dicapai melalui respons naratif. Pertuturan yang tidak santun sememangnya mengancam muka pendengar.

Dalam artikel ini juga pengkaji menerangkan kenyataan Bignell (2004:100) bahawa ketika rancangan realiti menjadi pelbagai corak dan beransur berkembang, ia secara umumnya boleh didefinisikan sebagai program yang menayangkan tingkah laku orang awam yang tidak diskripkan terlebih awal yang menjadi pilihan orang ramai. Bignel (2005:62) dalam penulisannya juga menyatakan bahawa televisyen selalu bertujuan menerangkan sesuatu yang benar dan asli, khususnya melalui penceritaan untuk mematuhi atau menjawab jangkaan budaya. Ini telah menunjukkan bahawa rancangan realiti adalah satu program yang amat sesuai untuk mengkaji isu ketidaksantunan.

University of Malaya

Seterusnya, Furman (2011) dari Ohio State University, Columbus, United States telah mengkaji mengenai ketidaksantunan dan ketidaksantunan olok- olok dalam siaran realiti televisyen Rusia yang bertajuk „Dom 2" *(Impoliteness and Mock-Impoliteness In Dom 2)*. Matlamat kajian ini adalah untuk menganalisa ketidaksantunan dan ketidaksantunan olok-olok dalam bahasa Rusia. Penulis memberi fokus kepada pola penggunaan ketidaksantunan bahasa dalam kedua-dua aspek linguistik dan aspek para bahasa, iaitu melalui gelak ketawa, berhenti sementara („pause") dan bahasa badan. Konsep ketidaksantunan digunakan untuk mengetahui adakah sesuatu rancangan realiti televisyen dapat membantu dalam mengetahui tahap kejujuran seseorang ketika berbual. Rancangan realiti televisyen khususnya digunakan dalam kajian ini kerana peserta yang terlibat dalam perbualan dikehendaki memberi respons secara spontan. Dalam melakukan kajian ini, pengkaji menerangkan tentang beberapa teori yang berkaitan dengan ketidaksantunan dalam pertuturan. Maka, kajian ini amat membantu pengkaji dalam mengenal pasti bahawa adakah kejujuran dalam pertuturan juri ketika memberi komen kepada peserta.

Penulis meneliti kajian Hutchby (2008) yang pertama sekali menilai menggunakan pendekatan analitik perbualan untuk menentukan ketidaksantunan pertuturan. Selain itu, Furman (2011) masih menggunakan teori Levinson (1992) dan mendapati sebarang pertuturan bukan sahaja dinilai melalui analisa perbualan tetapi juga melalui aktiviti di dalam perbualan tersebut itu. Sampel kajian ini adalah daripada golongan majoriti yang sememangnya bekerja di bawah siaran realiti televisyen tersebut. Sebilangan kecil daripada mereka merupakan artis mingguan manakala majoriti peserta merupakan artis sepanjang tahun bagi program berkenaan. Disebabkan ia adalah rancangan realiti televisyen, peserta tidak menggunakan skrip dan perbualan diutarakan secara spontan. Walaupun ada pengeditan, peserta tidak tahu perbualan mana

University of Malaya

yang akan dipilih. Data dianalisis bukan sahaja melalui audio, tetapi juga video di mana penulis boleh mengkaji bahasa badan, tenungan peserta dan juga isyarat (paralinguistik). Rancangan realiti televisyen ini disiarkan dalam bahasa Rusia. Oleh itu, penulis menggunakan kaedah penterjemahan dan kajian perinci dilakukan untuk memperoleh maklumat dalam bahasa Inggeris. Penulis memperoleh data daripada saluran internet berlaman web.[3] Penulis telah menggunakan kaedah soal jawab perbualan, rakaman audio dan video dan pemerhatian. Penulis juga memilih sampel daripada orang-orang perfileman.

Lorenzo-Dus (2009) dalam artikel bertajuk, *You're barking mad, I'm out: Impoliteness and broadcast talk* mengkaji ketidaksantunan dalam konteks wacana ditandai dengan artikulasi berganda khususnya dalam rancangan Televisyen Den Dragons (BBC2, UK). Kajian ini mengkaji ketidaksantunan dalam eksploitasi realiti televisyen serta meneroka tingkah laku ancaman muka oleh mereka yang terlibat dalam interaksi di studio. Hasil daripada analisis bahan siaran lima jam, pola ketidakseimbangan kuasa dikenal pasti dalam interaksi jelas antara penutur dan pendengar di studio. Pihak organisasi juga menyerlahkan kuasa interaksi dipegang oleh penyampai rancangan tersebut. Dalam kajian ini pula, kuasa dipegang oleh juri.

Seterusnya, menurut Locher (2015) dalam ulasan buku *Real talk. Reality television & Discourse Analysis in Action* menyatakan kajian ketidaksantunan dan genre sastera boleh dikaji dengan menggunakan rancangan realiti televisyen. Pengedit kajian mengatakan realiti televisyen menunjukkan data yang bagus untuk kajian identiti disebabkan oleh kekerapan dalam penampilan emosi (ketidaksantunan). Selain itu, Locher menjelaskan bahawa Culpeper dan Oliver Holmes mengembangkan idea Levinson (1992) dan Agar (2006) untuk membincangkan keterampilan aksi ancaman

[3] Laman web : www.dom2.ru.

University of Malaya

muka secara teliti dalam 8 rakaman sekaligus 40 rancangan yang ditranskripkan. Penulis mampu memperoleh perbezaan yang halus dalam penerimaan konsep aksi ancaman muka dalam realiti televisyen.

Sementara itu, penulis tempatan Noriza Daud (2006), telah menyatakan dan menjelaskan tentang senario rancangan realiti di Malaysia dalam artikel yang bertajuk *Konflik dan kemelut bahasa; rancangan program realiti di Malaysia*. Beliau telah menyatakan bahawa isu program realiti televisyen ini memang sedang hangat diperkatakan serta mendapat kritikan hebat melalui saluran media massa dan media elektronik. Dalam kajiannya, beliau telah menyenaraikan beberapa program realiti televisyen yang diadaptasikan dari rancangan barat dan membincangkan beberapa isu yang muncul dalam rancangan realiti di Malaysia akibat daripada pengaruh unsur budaya. Salah satunya adalah bahasa yang digunakan dalam rancangan realiti di mana organisasinya meniru gaya bahasa orang barat.

Tambahan pula, Noriza (2006) menjelaskan bahawa isu ini yang menghantui masyarakat kita ternyata amat membimbangkan semua pihak. Dalam artikelnya juga, beliau menyatakan isu ini turut mendapat perhatian serius daripada Timbalan Perdana Menteri Malaysia (2006), Dato‟ Seri Najib Tun Razak yang pernah menegur stesen televisyen supaya tidak terlalu ghairah dengan kepentingan komersial semata-mata tetapi sebaliknya soal etika dan nilai moral rakyat juga perlu dititikberatkan.[4] Hal ini kerana televisyen dianggap sebagai medium informasi yang begitu hampir dengan masyarakat dan boleh memberi pengaruh yang besar terhadap masyarakat setempat. Maka, kajian ini membantu pengkaji dalam memahami akibat ketidaksantunan bahasa rancangan realiti dalam mempengaruhi norma dan budaya masyarakat.

[4] Dinyatakan oleh Noriza Daud (2006) dalam artikel Konflik dan Kemelut Bahasa Rancangan “Program Realiti” Di Malaysia.

University of Malaya

Selain kajian yang terbit, kajian yang tidak terbit seperti disertasi, dan tesis juga ditinjau sebagai panduan kajian ini. Salah satu disertasi Universti Malaya yang bertajuk, *An analysis of arguments from reality shows* oleh mahasiswi bernama Wan Jumani Paizi (2005) juga telah membantu pengkaji untuk menganalisa data kajian. Penulis menyatakan bahawa datanya diperoleh daripada rakaman program realiti seperti The Amazing Race, Race to the Altar The Newlyweds, dan menyatakan bahawa dapatan kajian adalah terhad kepada pertuturan yang wujud dalam program tersebut. Maka, pengkaji tidak tahu jika ada sebarang bahagian pertelingkahan hilang dalam proses pengeditan rancangan. Ini telah membantu pengkaji untuk mengenali batasan kajian ini.

2.3 Penutup

Bab ini membentang dan menghuraikan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk dan teori kajian ini. Berdasarkan dapatan kajian lepas, bab ini membantu pengkaji dalam memilih kaedah dan pendekatan yang terbaik serta sesuai dengan pernyataan masalah kajian ini. Bab ini juga telah membantu pengkaji untuk memikirkan dan memilih teori dalam usaha mempersiap kerangka teoritis kajian ini yang akan dibincangkan secara lanjut dalam bab seterusnya.

University of Malaya

BAB 3

METODOLOGI

3.0 PENDAHULUAN

Dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian dan reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajiannya (Chua, 2006:53). Bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian, reka bentuk kajian, kerangka teori kajian, kriteria pemilihan kaedah, kriteria pemilihan subjek kajian, kriteria pemilihan respondon kajian, prosedur kajian, pendekatan pengumpulan data dan cara penganalisaan data.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan untuk mendapat penjelasan terhadap persoalan kajian. Sehubungan dengan itu, Rockwell & Kohn (1989), Davis (2003) mengatakan bahawa reka bentuk kajian ialah menilai perubahan dalam pengetahuan, kesedaran, kemahiran, sikap, keyakinan dan tingkah laku responden. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan strategi ketidaksantunan Culpeper (2005) dan teori berkaitanya sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini. Pendekatan ini juga membantu pengkaji mengumpulkan data yang diperlukan bagi menjalankan kajian ini dengan sempurna. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjawab persoalan kajian ini. Kaedah kualitatif ini digunakan untuk menghuraikan strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri dan menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti yang terpilih.

University of Malaya

3.2 KERANGKA TEORI

Pengkaji menggunakan teori ketidaksantunan yang dikembangkan oleh Culpeper (2005) bagi menjawab persoalan kajian pertama dalam kajian ini yang mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti. Walaupun terdapat beberapa kajian tentang isu ketidaksantunan oleh pengkaji lain tetapi, pengkaji memilih teori Culpeper sebagai teori kajian kerana Culpeper telah banyak melakukan kajian tentang ketidaksantunan dari pelbagai aspek yang terkini dari masa ke semasa. Manakala, bagi menjawab persoalan yang kedua dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori Culpeper (2005) dan teori Goffman (1967). Culpeper (2005) telah mengkaji dan menyatakan bahawa ketidaksantunan adalah strategi komunikasi yang direka untuk menyerang muka. Pengkaji juga memilih teori Goffman (1967) untuk mengenal pasti dan menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti.

3.2.1 Teori strategi ketidaksantuan

Culpeper (1996) menggunakan Model Brown & Levison (1987) sebagai kunci utama dalam penulisannya untuk mengembangkan strategi-strategi ketidaksantunan. Dalam proses memformat teorinya, Culpeper (2005) telah mengembangkan strategi ketidaksantunan dalam artikel, „Impoliteness and entertainment in the television quiz show: The Weakest Link". Maka, pengkaji memilih teori strategi ketidaksantunan yang terbaharu sebagai kerangka teori kajian ini. Antara strategi yang disarankan oleh Culpeper (2005) mengenai ketidaksantunan adalah seperti berikut :-

University of Malaya



Rajah 3.1 : Strategi- strategi ketidaksantunan

Sumber : Culpeper ,J. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: the weakest link. *Journal of Politeness Research,* 1 (1), 35–72.

University Of Malaya

3.2.1.1 Ketidaksantunan *bald on-record* :

Ketidaksantunan dilaksanakan dalam cara yang langsung, jelas serta ringkas dalam situasi di mana muka adalah tidak relevan atau diminimakan.

3.2.1.2 Ketidaksantunan positif :

Penggunaan strategi ini direka untuk merosakkan keperluan muka positif pendengar. Contohnya, abaikan yang lain dari aktiviti, tidak mengambil kira, tiada simpati, penggunaan penanda identiti yang tidak sesuai, penggunaan bahasa rahsia, mencari ketidaksetujuan, penggunaan perkataan „taboo" dan mengguna nama panggilan.

3.2.1.3 Ketidaksantunan negatif :

Penggunaan strategi direka untuk merosakkan keperluan muka negatif pendengar. Contohnya, menakutkan, melindung, mengejek, menghina, tidak melayan orang lain dengan serius, memperkecilkan diri yang lain, menceroboh masuk ruang yang lain, berkait secara eksplisit dengan aspek negatif yang lain (personalisasi, guna kata nama saya dan awak), menyatakan rasa penghargaan diri yang lain secara terbuka.

3.2.1.4 Sindiran atau kesantunan olok-olok :

Lakuan ancaman muka dilaksanakan dengan penggunaan strategi kesantunan yang secara jelas adalah tidak ikhlas dengan struktur ayatnya yang mudah. Misalnya, berpura-pura santun dalam pertuturannya. Berpura-pura menggunakan perkataan santun tetapi, jika dilihat sebaliknya ia akan membawa maksud yang tidak santun.

University of Malaya

3.2.1.5 Menahan atau sembunyi kesantunan :

Kegagalan penggunaan kesantunan bahasa di mana ianya dijangkakan. Contohnya, gagal mengucapkan terima kasih kepada seseorang yang memberi hadiah mungkin dianggap sebagai ketidaksantunan yang disengajakan.

Culpeper (2005) telah memberi keterangan dan contoh-contoh kepada setiap strategi ketidaksantunan dalam teorinya. Maka, pengkaji menggunakan keterangan dan contoh-contoh tersebut sebagai panduan untuk mengenal pasti serta mengklasifikasikan jenis-jenis strategi ketidaksantunan daripada data yang diperoleh. Berikut adalah salah satu contoh data strategi ketidaksantunan yang menunjukkan bagaimana jenis strategi ketidaksantunan dikenal pasti dan diklasifikasikan.

Contoh Data Strategi Ketidaksantunan

Berikut adalah salah satu contoh data strategi ketidaksantunan daripada kajian ini.

Contoh Data Bald on-rekod:-

Konteks : Peserta berjenaka ketika memperkenalkan dirinya kepada J1.

S2:D7:B2 - J1 : *[Konnuduven ↑]*
[Akan bunuh kamu ↑]
[Saya akan membunuh kamu↑]

Daripada data di atas, didapati juri pertama rancangan realiti tersebut telah menggunakan ujaran yang langsung dan ringkas untuk menakutkan pendengar dengan menggunakan perkataan *konnuduven* yang bermaksud beliau akan membunuh peserta

University of Malaya

tersebut. Perkataan tersebut dianggap sebagai tidak santun kerana seseorang yang diamanahkan sebagai juri tidak mematuhi prinsip kesantunan dalam pertuturannya. Maka, didapati juri tersebut menggunakan strategi ketidaksantunan *bald on-record* dalam pertuturan mereka.

Melalui kelima-lima strategi yang dikemukakan dalam teori ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa ketidaksantunan merupakan aksi atau kelakuan yang membelakangkan raut wajah. Pelbagai strategi yang dikaji ini amat berguna dalam menilai atau menganalisa tahap ketidaksantunan bahasa seseorang dalam sesuatu komunikasi.

3.2.2 Teori ancaman muka

Bagi menjawab persoalan yang kedua pengkaji menggunakan teori Culpeper (2005) dan teori Goffman (1967). Culpeper (2005) telah mengkaji dan menyatakan bahawa ketidaksantunan adalah strategi komunikasi yang direka untuk menyerang muka. Culpeper (2003:1562), menyatakan kajian ke atas kedua-dua kesantunan dan ketidaksantunan mencenderung untuk mengabaikan ancaman muka penerima atau serangan dilakukan. Culpeper (2003) juga menyatakan bahawa sebenarnya, set strategi yang lebih kompleks diperlukan untuk mengurus ancaman muka daripada pasangan asas, „Offensive-Defensive dan Offensive- Offensive‟ yang telah dicadangkan. Beliau mengkaji bagaimana kesinambungan perbuatan ketidaksantunan boleh membentuk aktiviti- aktiviti tertentu, seterusnya mempengaruhi pentafsiran ketidaksantunan. Secara teorinya, apabila seorang penerima ujaran menganggap satu perbuatan ketidaksantunan yang strategik sebagai ancaman muka yang diburukkan lagi, mereka mempunyai dua

University of Malaya

pilihan terbuka di mana mereka boleh memberi respons atau tidak memberi respons seperti mendiamkan diri.

Peserta yang memilih untuk memberi respons terhadap perbuatan ketidaksantunan mempunyai set pilihan teori yang lebih lanjut dibuka untuk mereka sama ada mereka boleh menerima ancaman muka atau mereka boleh menanganinya. Culpeper (2003) telah merumuskan modul pilihan respons seperti dalam Rajah 3.2 di bawah.



Rajah 3.2 : Ringkasan pilihan respons.

Sumber : Culpeper ,J, Bousfield,D, Wichmann, A (2003). Impoliteness revisited: With special reference to dynamic and prosodic aspects. *Journal of Pragmatics* 35: 1545-1579.

Tambahan pula, mengikut Mueller & Garces-Conejos (2013:126) dalam artikel bertajuk *Impoliteness in polylogal interaction: Accounting for face-threat witnesses" responses,* apabila peserta menghasilkan satu tindakan ketidaksopanan, kedua-dua penerima muka-ancaman dan saksi muka-ancaman berpotensi untuk bertindak. Beliau juga menyatakan jika penerima ancaman muka bertindak, dia boleh memilih set yang sama daripada pilihan respon seperti yang digambarkan oleh Bousfield (2007).

University of Malaya

Jika saksi ancaman muka bertindak, dia boleh memilih untuk membalas atau tidak membalas. Dalam memberi respon, dia boleh menafikan tentangan, menyokong tentangan atau bertindak terhadap tentangan, membuat komen reaktif untuk meningkatkan drama atau mendemonstrasi kehairanan sebenar. Dengan penafian tentangan, dia boleh mengemukakan suatu kompromi atau tentangan. Jika dia menentang pembangkang, dia boleh menggunakan strategi mempertahankan diri atau menyakitkan diri. Sama seperti model Bousfield (2007), apa-apa respons yang diberikan mempunyai potensi untuk menjadi satu tindakan ketidaksantunan di mana peserta semula menghadapi set pilihan respon yang sama. Daripada lakaran hasil analisis kajian Mueller & Garces-Conejos (2013), mereka telah cadangkan versi model pilihan respons Bousfield (2007) yang telah disemak semula kepada ketidaksantunan yang menjelaskan peranan saksi untuk kelakuan ketidaksantunan seperti dalam Rajah 3.2.

Di samping itu, dalam menentukan bagaimana ketidaksantunan juri mengancam muka peserta modul pencetus ketidaksantunan oleh Culpeper (2016) telah dirujuk oleh pengkaji dan berjaya menghubungkaitkan maklum balas peserta rancangan realiti terhadap lakuan ketidaksantunan oleh juri. Pencetus ketidaksantunan yang ditunjukkan oleh juri dalam rancangan realiti yang dipilih telah membuktikan ketidaksantunan juri mengancam muka peserta rancangan realiti dan membantu pengkaji untuk menjawab persoalan kajian yang kedua dalam kajian ini. Berikut adalah gambar rajah model dari bawah ke atas pencetus ketidaksantunan yang dijadikan rujukan untuk mengetahui punca kehasilan ketidaksantunan oleh juri-juri rancangan realiti yang dipilih.

University of Malaya



Rajah 3.3 : Model dari bawah ke atas pencetus ketidaksantunan.

Sumber : Culpeper,J. (2016:439). Impoliteness Strategies. In: Interdisciplinary studies in pragmatics, culture and society. *Perspectives in Pragmatics, Philosophy & Psychology*. Springer, pp. 421-445.

University of Malaya

Selain itu, pengkaji juga memilih teori Goffman (1967) untuk mengenal pasti dan menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti. Ini adalah kerana mengikut Goffman (1967:36), gangguan dan ketidakpedulian dalam mendengar pendapat penutur boleh membawa situasi tidak hormat atau tidak sopan. Tujuan pengkaji memilih teori ini adalah berdasarkan kenyataan Goffman bahawa gangguan seperti pencelahan dan ketidakpedulian juri dalam mendengar pendapat peserta adalah lebih ketara dalam data yang diperoleh oleh pengkaji. Beliau telah menggunakan model Brown & Levinson (1987) sebagai asas dalam penulisannya untuk menyatakan peranan aksi ancaman muka dalam sesuatu pertuturan tidak sopan. Aksi-aksi ancaman muka yang dikemukakan oleh Goffman (1967) dalam bukunya, ”Interaction Ritual” adalah :-

University of Malaya



Rajah 3.4 : Aksi- aksi ancaman muka.

Sumber : Goffman. (1967). *Interaction ritual.* New York: Anchor Books, Doubleday & Company Inc.

University of Malaya

3.2.2.1 Mencelah / Mengganggu giliran

Goffman (Goffman 1967:36) menyatakan bahawa mencelah atau kurang mendengar ketika sesuatu pertuturan diungkapkan boleh menyebabkan situasi kurang hormat.

3.2.2.2 Membangkit sesuatu topik yang lain / menukar topik

Dengan menyatakan sesuatu, penutur memungkinkan pendengar enggan mendengar atau bertindak mempertahankan diri (Goffman 1967:37). Berdasarkan kenyataan ini, penutur dalam kajian ini adalah sampel kajian, iaitu juri-juri rancangan realiti yang dipilih.

3.2.2.3 Memulakan perbuatan yang tidak diminta

Goffman (1967:41) menyatakan permulaan sesuatu pertuturan adalah berdasarkan apa yang diungkapkan atau pertuturan yang diperhentikan ketika sesi pertuturan yang lepas manakala perpisahan merangkumi kesan yang ditinggalkan dalam sesi pertuturan yang lepas juga harapan seseorang pendengar dalam pertemuan yang akan datang.

3.2.2.4 Memberi komen buruk terhadap sesuatu topik

Goffman (1967:8) juga merumuskan bahawa apabila seseorang itu dikatakan diserang melalui ancaman muka, maka pertuturan yang tidak sopan seperti kekurangan sokongan kehakiman menyebabkan ancaman muka seperti terkejut, keliru dan melumpuhkan motif dan niat. Ini menyebabkan seseorang itu menjadi malu dan kurang berkomunikasi. Dalam kebanyakkan rancangan realiti komen juri adalah sesuatu yang

University of Malaya

paling penting bagi peserta. Maka, pemberian komen yang buruk dengan perkataan-perkataan yang kurang sopan oleh juri dalam sesuatu rancangan realiti boleh mengancam muka peserta.

Contoh Data

Berikut adalah salah satu contoh data daripada kajian ini di mana juri kerap mencelah ruang pertuturan dan langsung tidak memberi peluang kepada peserta untuk memberi respons.

Contoh Data Pencelahan

Konteks : P1 cuba menjelaskan kepada J2 sebab tidak dapat mempersembahkan persembahan dengan sempurna. Tetapi J2 tidak sabar untuk mendengar alasan P1.

S2:D23:B37-38

1 P1: [*Ille,* I accept that =]
[**Tidak, saya terima itu =**]

2 J2: [= *Ille, ille: ore::: oru nimisam*↑ I just want to speak↑ I only told you to speak you know?*((Menunjukkan kuasa))*]

[= Tidak,tidak: satu::: satu minit↑ Saya sahaja mahu kepada bercakap↑ Saya hanya cakap kamu kepada bercakap kamu tahu? ((Menunjukkan kuasa))]

[= Tidak, tidak: tunggu::: seminit↑ Saya hanya mahu bercakap↑ Kamu tahukan saya yang menyuruh awak bercakap?]

Data di atas, menunjukkan juri kedua telah mengancam muka peserta dengan mengganggu giliran peserta dan tidak memberi laluan atau peluang kepada peserta untuk meluahkan perasannya. Aksi ancaman ini berterusan sehingga penghujung perbualan dan akhirnya menyebabkan peserta itu menyerah diri kepada juri dengan tarik

University of Malaya

diri daripada pertandingan tersebut. Dalam data ini juga, juri tersebut cuba memberhentikan pertuturan peserta dengan menunjukkan bahawa juri adalah lebih berkuasa dalam konteks tersebut. Ini amat sepadan dengan kenyataan Culpeper (2005) yang menyatakan seseorang yang lebih berkuasa mempunyai kebebasan untuk menjadi tidak santun.

3.3 DESKRIPSI DATA

Rancangan realiti yang dipilih untuk kajian ini adalah „*Jodi Number One*". Rancangan ini merupakan pertandingan tarian secara siri realiti di saluran India STAR Vijay. Peserta dalam rancangan ini adalah pasangan yang secara umumnya bintang atau selebriti dari industri perfileman. Data rakaman dikumpul daripada tiga „season" rancangan realiti ini melalui sesawang 'youtube" dan 'hotstar'. Setiap rakaman video mengambil masa lebih kurang selama 1 jam dan 15 minit. Jumlah 45 episod penuh daripada tiga „season" bersamaan 145 teks data diperolehi. Jumlah keseluruhan tempoh data adalah 3,375 minit iaitu 56 jam dan 15 minit. Kesemua data ditranskrip dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu.[5]

3.4 SUMBER DATA

Berdasarkan matlamat kajian ia adalah penting untuk memperoleh pertuturan yang tidak diskripkan dan data hendaklah tulen serta sahih. Berikutan itu, program realiti mampu membuktikan perolehan tersebut. Selain itu, program realiti televisyen mudah diperoleh dan ia adalah sesuai atau mudah.

[5] Sila rujuk Lampiran C.

University of Malaya

3.4.1 Kepopularan rancangan realiti televisyen

Walaupun realiti televisyen bermula daripada „Candid Camera" yang menjadi „granddaddy" untuk genre realiti televisyen sejak tahun 1948, kebangkitannya dapat dilihat hanya mulai tahun 2000[6]. Menurut Beth Rowen (2015), rancangan realiti agak mudah dan murah untuk diterbitkan. Beliau juga menyatakan sesetengah golongan muda dari bidang kerja tertentu menganggap rancangan realiti agak tulen berbanding menonton drama atau sitkom. Beliau menyatakan penonton menunjukkan bahawa mereka mempunyai citarasa yang tinggi terhadap jenis rancangan yang tidak diskripkan.

3.4.2 Mengapa bukan rancangan realiti tempatan?

Walaupun warga India di Malaysia tergila-gilakan rancangan realiti tempatan seperti *Attam 100 Vagai*, *Vaanavil Paadalthiran Potti* yang kini dikenali sebagai *Vaanavil Super Star*, tetapi rancangan tempatan tidak bervariasi dan isi kandungannya agak tidak cukup dan tidak sesuai untuk mengumpul data yang diperlukan untuk tujuan kajian ini. Mungkin pada masa hadapan apabila rancangan realiti dipelbagaikan dan tidak tertumpu kepada muzik dan bakat sahaja. Maka, kajian ini boleh digunapakai terhadap konteks tempatan.

3.4.3 Batasan rancangan realiti

Disebabkan data diperoleh daripada rancangan televisyen, satu-satunya kelemahan adalah pengeditan yang dilakukan untuk menjadikan program lebih menarik. Oleh itu, kemungkinan ketidaksantunan dalam pertuturan yang digambarkan bukan secara keseluruhannya. Tambahan lagi, seseorang itu mungkin tidak boleh memastikan apa yang penonton tonton adalah bukan lakonan. Oleh itu, kesahihan rancangan realiti boleh ditentukan.

[6] Beth Rowen. *History of Reality* TV. Dimuat turun pada 27 Jun 2015 daripada http://web.ask.com/

University of Malaya

3.5 PETUNJUK DATA

Berikut adalah petunjuk data yang telah digunakan dalam proses transkrip dan penterjemahan data. Petunjuk yang sama akan digunakan dalam bab seterusnya untuk proses penganalisan data supaya pembaca mudah merujuk data pada bahagian lampiran serta lebih memahami watak-watak yang wujud dalam rancangan realiti yang dipilih. Pengekodan adalah seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Kod transkrip data kajian.

	Kod
Juri rancangan realiti (Pertama)	**J1**
Juri rancangan realiti (Kedua)	**J2**
Peserta rancangan (Pendengar 1)	**P1**
Peserta rancangan (Pendengar 2)	**P2**
Pengacara Satu	**A1**
Pengacara Kedua	**A2**
Responden 1	**R1**
Responden 2	**R2**
Responden 3	**R3**
Responden 4	**R4**
Responden 5	**R5**
Responden 6	**R6**
Pengkaji	**P**
Season	**S**
Episod	**E**
Data	**D**
Baris	**B**

University of Malaya

3.5.1 Pembentangan data

Dalam proses trankrip dan penterjemahan data, pengkaji menggunakan simbol berpandukan petunjuk yang didirikan dalam sistem analisa pertuturan yang dipetik daripada hasil kerja Jefferson (1984). Ia adalah set yang asas. Jadual 3.2 berikut menerangkan simbol-simbol yang digunakan dalam teks transkrip rakaman video rancangan realiti yang dipilih untuk kajian ini.

Jadual 3.2 : Penerangan simbol data transkrip rancangan realiti yang dipilih.

Simbol		**Penerangan**
[teks]	Kurungan	Menunjukkan titik pembukaan dan penutup kata-kata yang bertindih (overlapping speech).
=	Sama dengan	Menunjukkan rehat dan kesinambungan yang seterusnya gangguan pertuturan tunggal.
(# saat)	Masa terhenti	Jumlah masa dalam saat yang terhenti dalam pertuturan.
(.)	Micropause	Jumlah masa selalunya kurang dari (0.2) saat yang terhenti dalam pertuturan.
. atau ↓	Titik atau anak panah ke bawah	Menunjukkan tona suara rendah.
? atau ↑	Tanda soal atau anak panah ke atas	Menunjukkan tona suara tinggi
,	Koma	Menunjukkan intonasi rendah dan tinggi sementara dalam pertuturan.

University of Malaya

-	Sengkang	Menunjukkan perhentian atau gangguan dalam pertuturan.
>teks<	Lebih besar / lebih kecil daripada	Menunjukkan pertuturan disampaikan dengan lebih cepat daripada biasa.
<teks>	Lebih kecil / lebih besar daripada	Menunjukkan pertuturan disampaikan dengan lebih perlahan daripada biasa.
°	Simbol darjah	Menunjukkan bisikan atau mengurangkan kelantangan.
SEMUA HURUF BESAR	Kata-kata huruf besar	Menunjukkan jeritan atau meninggikan kelantangan.
Garisan	Kata-kata yang bergaris	Menunjukkan penegasan atau ketika menekan kata-kata.
:	Kolon	Memanjangkan ujaran.
(hhh)	Bunyi	Pengeluaran nafas yang boleh didengar.
? atau (.hhh)	Tanda soal atau bunyi (high dot)	Penyedutan nafas yang boleh didengar.
(teks)	Kurungan	Kata-kata yang tidak jelas atau keraguan dalam transkrip.
((*teks*))	Kurungan bertindih	Anotasi aktiviti bukan lisan.

Sumber : G. Jefferson, ”Transcription,” in J. Atkinson and J.Heritage (eds), Structures of Social Interaction, New York: Cambridge University Press, 1984.

University of Malaya

3.6 SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian dalam kajian ini adalah juri-juri terkenal dalam program ini. Tujuan memilih juri-juri ini adalah kerana mereka telah menjadi juri untuk banyak episod dalam rancangan realiti yang dipilih ini. Latar belakang subjek adalah bidang hiburan dan ini membantu pengkaji untuk membuat kajian tentang rancangan realiti. Nama dan identiti sebenar subjek dirahsiakan. Tujuan merahsiakan identiti subjek adalah supaya kajian ini tidak menjejaskan sebarang hal peribadi serta bidang kerjaya subjek pada masa hadapan. Demi tujuan itu, subjek akan dikodkan dan dilabelkan sebagai J1 dan J2 dalam proses penganalisan data kajian.

3.7 RESPONDEN KAJIAN

Dalam kajian ini, pemilihan responden dilakukan di bawah prosedur persampelan secara kebetulan ataupun dikenali sebagai persampelan kesediaan. Di bawah prosedur ini, pengkaji memilih mana-mana subjek yang ditemuinya, yang paling dekat dengannya. Berikutan itu, responden kajian ini ialah enam orang penonton rancangan realiti ini yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan yang berumur dalam lingkungan 25 hingga 35 tahun. Terdapat beberapa faktor yang munasabah terhadap pemilihan mereka. Pertama, memandangkan kajian ini adalah berasaskan rancangan realiti, ini adalah golongan yang meminati rancangan tersebut. Golongan muda ini sebaya dengan para peserta rancangan tersebut. Kedua, memandangkan mereka meminati rancangan realiti sedemikian. Maka, dapatan temu bual daripada responden-responden ini memadai dan sahih bagi kajian ini. Pada masa yang sama adalah penting untuk pengkaji mengumpul data dalam kuantiti yang adil dan

University of Malaya

saksama. Justeru, pengkaji memilih tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan sebagai responden kajian ini. Responden yang dipilih ditemu bual bagi mengetahui peranan aksi ancaman muka dalam mengenal pasti ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti. Identiti responden dirahsiakan dalam kajian ini dan segala maklum balas yang diberikan olehnya hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Tujuan merahsiakan identiti responden adalah supaya kajian ini tidak menjejaskan sebarang hal peribadi serta bidang kerjaya responden pada masa hadapan.

3.7.1 Latar belakang responden

Responden dipilih berdasarkan tempoh masa mereka menjadi penonton rancangan ini. Pengkaji memastikan bahawa kesemua responden ini menjadi penonton bagi „season-season" yang dipilih untuk data kajian. Didapati responden- responden yang dipilih adalah penonton rancangan ini antara dua hingga lapan „season". Dua orang responden menyatakan bahawa mereka menonton rancangan ini selama 5 „season", 3 orang reponden menyatakan bahawa mereka menonton selama 7 „season" yang terakhir dan seorang lagi menonton selama 8 „season". Ini telah memudahakan pengkaji untuk memperoleh data yang dikehendaki bagi kajian ini. Jadual 3.3 menunjukkan profil responden mengikut apek-aspek tertentu.

Jadual 3.3 : Profil responden kajian

Responden	Jantina	Bangsa	Umur	Lokasi	Jumlah „season" yang ditonton
R1	Perempuan	India	35	Bandar	8
R2	Lelaki	India	26	Bandar	7
R3	Perempuan	India	31	Bandar	5
R4	Lelaki	India	34	Bandar	7
R5	Perempuan	India	28	Bandar	5
R6	Lelaki	India	34	Bandar	7

University of Malaya

Jadual 3.4 pula menunjukkan „season-season" rancangan realiti yang ditonton oleh responden kajian. Jadual ini telah membantu pengkaji untuk memastikan bahawa responden-responden yang dipilih telah menonton „season-season" rancangan realiti yang dipilih untuk kajian ini.

Jadual 3.4 : „Season- season" rancangan realiti yang ditonton oleh responden kajian.

Season / Responden	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	Jumlah season
R1	/	/	/	/	/	/	/	/	8
R2		/		/	/		/	/	5
R3		/	/	/	/	/	/	/	7
R4		/	/	/	/	/	/	/	7
R5		/			/	/	/	/	5
R6		/	/	/	/	/	/	/	7



Rajah 3.5: Peratus „Season- season" rancangan realiti yang ditonton oleh responden kajian.

University of Malaya

Daripada jadual dan carta pai di atas, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden kajian yang dipilih untuk menemu bual adalah penonton rancangan realiti lebih daripada lima tahun ke atas. Ini telah menambahkan kesahan kajian ini. Tujuan carta pai ini adalah untuk memudahkan pembaca mengenali „season" rancangan realiti yang ditonton oleh responden kajian.

3.8 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah rakaman video dan temu bual.

3.8.1 Rakaman video

Pengkaji mengumpul data utama melalui rakaman video rancangan realiti yang dimuat turun daripada internet, iaitu melalui laman sesawang 'youtube" dan 'hotstar'. Dapatan melalui instrumen ini dianalisis oleh pengkaji untuk menentukan jenis strategi ketidaksantunan bahasa juri. Rakaman video ini juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian kedua. Tiga „season" rancangan realiti ini telah dipilih untuk mengumpul data. Antaranya adalah „season" 2, 5 dan 8. Di sini, pengkaji telah memilih tiga „season" secara berperingkat, iaitu pada awal „season 2", „season" pertengahan, iaitu „season 5" dan „season 8" sebagai „season" terakhir rancangan ini. Tujuan pengkaji memilih ketiga-tiga „season" ini adalah dua orang juri yang sama dalam tiga „season" ini. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat perkembangan bahasa dalam ketiga-tiga „season" serta mengkaji strategi ketidaksantunan dalam tiga „season" yang berlainan peringkat secara beransur maju.

University of Malaya

Setiap rakaman video mengambil masa lebih kurang selama 1 jam dan 15 minit. Tetapi rancangan selalunya ke udara selama 1 jam dan 30 minit hingga dua jam kerana memberi laluan kepada iklan, kata-kata permulaan dan penghabisan program. Jumlah 45 episod penuh daripada tiga „season", iaitu 145 data diperolehi bersamaan 10,066 minit dan 6 saat. Maka, jumlah keseluruhan tempoh data adalah 10,066 minit iaitu 167 jam dan 46 minit.

3.8.2 Temu bual

Pengkaji menemu bual enam orang penonton rancangan realiti yang dipilih. Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan data kajian serta menjustifikasikan hasil dapatan persoalan kajian yang ke-2, iaitu untuk mengenal pasti bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti yang dipilih. Pengkaji menggunakan jenis temu bual yang berstruktur dalam kajian ini. Menurut Chua (2006), pengkaji haruslah memilih tempat yang selesa, iaitu tidak terlalu bising atau terlalu serius bagi tujuan temubual. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih rumah responden sebagai lokasi temu bual dan pengkaji sendiri ke lokasi responden untuk menjalankan sesi temu bual. Temu bual dilakukan pada hari dan tarikh yang telah ditetapkan terlebih dahulu bersama responden-responden berkenaan.

Pengkaji menyediakan senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden sebagai persediaan awal sebelum sesi temu bual. Kesemua soalan dalam sesi temu bual dikemukakan oleh pengkaji sendiri secara lisan dan dirakam dengan menggunakan media elektronik. Cara ini membolehkan pengkaji menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap sesi temu bual. Melalui hasil dapatan temu bual

University of Malaya

pengkaji menghuraikan bahawa ketidaksantunan bahasa juri mempengaruhi ancaman muka peserta.

Sehubungan dengan itu, sebelum melakukan kajian sebenar pengkaji telah melakukan kajian rintis (pilot study) untuk menguji dan membina keberkesanan instrumen temu bual dan menilai kesesuaian soalan-soalan[7] yang akan digunakan dalam kaedah temu bual. Dalam kajian rintis pengkaji telah menemu bual salah seorang penonton rancangan realiti yang dipilih. Melalui hasil kajian rintis, pengkaji mendapati soalan-soalan yang digunakan dalam temu bual dapat menjawab persoalan kajian yang dinyatakan. Tambahan pula, didapati soalan-soalan yang ditanya adalah jelas dengan aras bahasa yang mudah difahami oleh responden kajian serta bilangan soalan yang mencukupi untuk mengumpul maklumat yang diingini.

Maklumbalas untuk soalan-soalan tersebut daripada responden berkenaan adalah, memang wujudnya ujaran ketidaksantunan dalam pertuturan juri dalam rancangan realiti. Responden mengatakan bahawa harapan juri kesempurnaan dalam semua aspek dan ketidakpuasan menjadi punca-punca ketidaksantunan juri. Responden juga mengatakan bahawa ini telah mengakibatkan juri memberi komen secara tidak santun dan menghina peserta dengan menggunakan bahasa yang tidak santun. Pada pendapat responden, pencelahan juri pada pertengahan ujaran peserta dan penukaran topik secara tiba-tiba mewujudkan konteks tidak santun. Responden menyatakan bahawa semua perkara ini mengancam muka dan menyakitkan hati peserta rancangan realiti. Akhirnya, peserta yang kehilangan motivasi diri mungkin mendiamkan diri atau menarik diri daripada rancangan tersebut. Secara keseluruhannya, kajian rintis telah menjamin keberkesanan dan kelancaran sesi temu bual untuk kajian sebenar ini.

[7] Lampiran B : Senarai soalan dan dapatan temu bual kajian rintis.

University of Malaya

Senarai soalan temu bual kajian.

1. *Nalathu. Sari ennode muthal kelvi, evvalavu naala ninge inthe showve parthudu varinge?*
   Baiklah. Soalan pertama saya adalah sejak bilakah anda menonton rancangan realiti ini?

2. *Aduthu ennode mukiyemana kelvi. Inthe showode judges pesum mozli patiyum avunge nadentukire vitate patiyum ninge ena ninaikuringe?*
   Seterusnya, soalan utama saya. Apakah pendapat anda tentang bahasa dan perbuatan juri rancangan ini?

3. *Sari enna-enna kaarenathale judges vanthu inthe matiri manners ilama, rude ar nadenthukurange?*
   Baik, apakah punca-punca yang mungkin menyebabkan juri-juri berkelakuan tidak santun?

4. *Judges showle epadi avemariyataiye velipaduturange?*
   Bagaimana juri menimbulkan situasi tidak hormat dalam rancangan ini?

5. *Iruthiya , inthe matiri reality showle judges ipadipate mozliye payenpaduthurathunaleyum ipadi nadenthukurethunaleyum participants epadi feel panni enna reaction kodupange?*
   Akhirnya,apakah perasaan dan reaksi peserta akibat daripada ketidaksantunan dan perbuatan juri dalam rancangan realiti sebegini?

University of Malaya

3.9 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Pengkaji telah menjadikan pendapat Talmy & Richards (2011) sebagai panduan ketika mengumpul dan menganalisa data kajian ini. Talmy & Richards (2011:2), berpendapat bahawa peranan penutur perlu dilihat dahulu kerana pemerhatian teliti perlu dititikberatkan agar konteks perbualan berlaku dalam komunikasi dua hala yang bertujuan. Kesemua temuramah ditranskripkan serta teks bahasa Cina diterjemahkan kepada bahasa Inggeris dan ia diperiksa oleh penutur bahasa kedua. Demi transkrip temuramah kajian mereka, salah satu pakej perisian NViVO digunakan. Transkrip dibaca berulang kali untuk memahami isu yang diperketengahkan. Proses mengekod dan pengekodan semula dilakukan dalam mengkategorikan emosi dan aspek ketidaksantunan. Beliau menggunakan pendekatan „two-pronged approach" di mana pengkaji pada mulanya menggunakan carian teks terhadap kesemua transkripsi menggunakan konteks kesantunan dan ketidaksantunan, kemudian memeriksa sama ada tema yang dipilih itu digunakan atau tidak. Pengkaji meneliti konteks ketidaksantunan kemudian menentukan sama ada ianya santun atau tidak santun. Setelah konteks santun dikenal pasti, pengkaji tidak mengekodnya dan terjemahan dilakukan satu demi satu terhadap kesemua transkripsi. Maka, kajian mereka amat membantu pengkaji dalam pengumpulan dan penganalisan data kajian ini kerana perbualan juri dengan peserta berlaku dalam dua hala.

Pengumpulan data dalam kajian ini dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pertamanya pengumpulan data daripada rakaman video rancangan realiti yang dipilih dalam berbahasa Tamil dan yang keduanya melalui responden kajian. Pengkaji memuat turun rakaman video setiap episod melalui internet. Pengkaji menonton dan mendengar rakaman video yang dikumpul dengan teliti beberapa kali sebelum mula menganalisa

University of Malaya

data. Seterusnya, pengkaji memilih episod-episod yang menunjukkan data ketidaksantunan. Terdapat 6 langkah dalam pengumpulan dan penganalisaan data kajian ini seperti dalam Rajah 3.6 (m/s 74). Langkah-langkah ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan hasil kajian yang tepat secara sistematik. Sebagai langkah awal, pengkaji telah memberitahu dan meminta kebenaran daripada pihak yang berkaitan untuk menjalankan kajian mengenai rancangan televisyen mereka. Data yang dikumpul dan disusun secara sistematik oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan menganalisis data.

Segala data ditranskrip dan teks bahasa Tamil diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Teks rakaman video diterjemahkan dalam dua bentuk di mana bentuk pertama adalah penterjemahan terus (direct translations) dan yang keduanya adalah penterjemahan dalam maksud sebenar (actual meaning). Bagi tujuan mempertejemahkan data rakaman video, pengkaji berpandukan sistem analisa pertuturan yang dipetik daripada hasil kerja Jefferson (2004). Beliau juga menyatakan transkripsi bukan merupakan sebuah topik tetapi lebih merujuk kepada kaedah yang seseorang gunakan dalam penyediaan bahan untuk pengumpulan dan penganalisaan data serta pemilihan teori. Kesemuanya jumlah 145 data daripada ketiga „season" ini dipilih. Transkripsi data yang mengandungi lebih daripada 10 ayat sahaja digunakan dalam kajian ini bagi meningkatkan reabiliti kajian ketika menganalisis data. Kemudian, teks rakaman video diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Transkripsi rakaman video tiga „season" dan penterjemahan teks-teks tersebut telah dilampirkan.

Pengkaji meneliti transkrip yang dihasilkan dan mengkategorikan perkataan ataupun pertuturan juri yang boleh digolongkan sebagai ketidaksantunan bahasa. Dalam rancangan realiti yang dipilih, pengkaji berfokus pada teks pertuturan juri yang menunjukkan ketidaksantunan sahaja dan memilihnya untuk penganalisan data.

University of Malaya

Kemudian, pengkaji menentukan strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri dalam data tersebut. Selepas itu, pengkaji mengkaji bila juri menggunakan perkataan tidak santun dan mengenal pasti punca yang menyebabkan juri mengujarkan bahasa yang tidak santun. Pengkaji memilih teks pertuturan juri sebagai data yang menunjukkan ketidaksantunan berdasarkan beberapa kriteria. Kriteria pemilihan data kajian ini adalah penggunaan perkataan yang tidak santun oleh juri rancangan realiti, perkataan kasar serta perkataan-perkataan yang menunjukkan kuasa juri dalam memberi komen kepada peserta. Penggunaan perkataan sebegini membawa makna yang tidak santun dalam bahasa Tamil.

Selain itu, salah satu kriteria pemilihan data adalah penggunaan kata ganti nama yang tidak sesuai dan tidak santun dalam bahasa Tamil seperti perkataan '*nii'* yang bermaksud 'awak'.

Contoh Data Kata Ganti Nama yang Tidak Sesuai.

Konteks: Peserta persembahan meminta penjelasan yang lebih mendalam kepada J1.

S2:D11:B1

J1 : *Unaku teevayaana answer varule. Veere enna veenum unakku? Sollu*↑
Untuk awak yang perlu jawapan tidak datang. Lagi apa mahu untuk awak? Cakap↑
Awak tidak mendapat jawapan yang perlukan. Apa lagi yang awak mahu? Cakap↑

Data di atas menunjukkan bahawa penggunaan kata ganti nama diri kedua dalam bahasa Tamil dengan perkataan '*unakku'* adalah tidak santun dan dianggap sebagai tidak hormat pada pendengar. Walaupun pendengar lebih muda daripada penutur dalam Bahasa Tamil penggunaan partikel '*-ngge*' perlu digunakan oleh penutur supaya ia dapat

University of Malaya

membawa maksud yang lebih santun. Misalnya, perkataan '*unakku'* perlu digantikan dengan perkataan '*unggalukku*' supaya pertuturan menjadi lebih santun.

Manakala bagi persoalan kedua, pengkaji memperolehi kebenaran dan menemu janji dengan enam orang penonton rancangan realiti yang dipilih. Kesemua responden kajian diberitahu tentang tujuan kajian. Pengkaji percaya, ini membantu mengurangkan perasaan tidak selesa peserta semasa sesi temu bual. Pengkaji telah memberi jaminan kepada peserta yang ditemu bual bahawa kandungan temu bual, hanya akan digunakan untuk tujuan kajian sahaja dan berjanji tidak akan digunakan untuk sebarang tujuan yang lain.

Kesemua soalan dalam sesi temu bual dikemukakan oleh pengkaji sendiri secara lisan dan dirakam dengan menggunakan media elektronik. Kemudian, hasil dapatan temu bual ditranskripkan dan diterjemahkan oleh pengkaji demi tujuan penganalisaan data yang selanjutnya dengan tujuan menjustifikasikan hasil dapatan bagi persoalan kajian kedua. Dapatan temu bual ditranskripkan dan diterjemahkan oleh pengkaji seperti yang dilampirkan. Daripada hasil temu bual, pengkaji mengenal pasti dan memastikan bagaimana ketidaksantunan juri mengancam muka peserta. Bagi persoalan kedua pengkaji menganalisa data berpandukan teori yang dikemukakan oleh Culpeper (2005) dan Goffman (1967).

University of Malaya

Langkah-langkah pengumpulan dan penganalisaan data ditunjukkan dengan lebih jelas dalam Rajah 3.6.



Rajah 3.6 : Langkah-langkah pengumpulan dan penganalisaan data.

3.10 PENUTUP

Bab ini membentang dan menghuraikan kerangka teori, kaedah kajian, subjek, persampelan kajian, bagaimana data dikumpul, instrumen-instrumen yang digunakan untuk mengumpul data serta prosedur penganalisan data. Dapatan atau hasil kajian akan dibincangkan pada bab yang berikutnya.

University of Malaya

BAB 4

HASIL DAPATAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai data yang telah dikumpulkan dan dianalisis berdasarkan kehendak setiap persoalan kajian. Setelah pengkaji mengumpul data, pengkaji telah menyusun kesemua data secara tersusun demi tujuan penganalisaan data. Pengkaji menganalisa kesemua data yang telah dikumpul secara perinci. Bab ini juga akan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah ditetapkan. Perbincangan mengenai keputusan dan analisis data di dalam bab ini adalah merujuk kepada persoalan kajian di dalam bab 1. Pendek kata, bab ini melaporkan hasil kajian mengikut persoalan kajian yang dinyatakan.

4.1 Analisis Data

Setelah mendapatkan data-data yang menunjukkan ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti yang dipilih, pengkaji telah membuat analisis terhadap data yang telah dikumpulkan berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1 kajian ini.

University of Malaya

4.1.1 Strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti.

Pengkaji mengkaitkan data ketidaksantunan yang diperolehi melalui transkrip rakaman video dengan 5 strategi ketidaksantunan yang dikembangkan oleh Culpeper (2005). Rajah 4.1 menunjukkan peratus kekerapan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam rancangan realiti yang dipilih.



Rajah 4.1 : Peratus kekerapan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam rancangan realiti.

Berdasarkan Rajah 4.1, didapati kesemua lima strategi ketidaksantunan dikenal pasti dalam data rakaman video rancangan realiti yang dipilih. Strategi ketidaksantunan negatif didapati wujud dalam jumlah yang tertinggi dalam kajian ini, iaitu sebanyak 35% dan diikuti oleh strategi ketidaksantunan positif sebanyak 26%. Kewujudan

University of Malaya

strategi menahan atau sembunyi kesantunan dikenal pasti dalam jumlah yang sangat kurang, iaitu hanya 9% sahaja. Kewujudan setiap jenis strategi ketidaksantunan dalam rakaman video dibincangkan dalam sub-tajuk seperti berikutnya.

4.1.1.1 Ketidaksantunan negatif

Strategi ketidaksantrunan negatif adalah penggunaan strategi direka untuk merosakkan keperluan muka negatif pendengar. Contohnya, menakutkan, melindung, mengejek, menghina, tidak melayan orang lain dengan serius, memperkecilkan diri yang lain, menceroboh masuk ruang yang lain, berkait secara eksplisit dengan aspek negatif yang lain (personalisasi, guna kata nama saya dan awak), menyatakan rasa penghargaan diri yang lain secara terbuka.

Ekstrak 1 : A1 telah mengejek tentang pakaian yang dipakai oleh rakannya. Pada masa itu J1 telah mencelah dan memarahi A1.

S5:D3:B4

J1 : [= *Epadi maatti vittaaru paarungge, athum dress patti: HOW DARE YOU?*
Ithoode rendu vatti dress pati peesittaru, remove his shirt ↑]

[= Bagaimana kenakan dia lihat, itupun pakaian tentang: BAGAIMANA BERANI AWAK?
Sehingga sekarang dua kali pakaian tentang dia bercakap, tanggal dia punya baju ↑]

[= Lihat bagaimana dia menjadikan saya, lagipun tentang pakaian: BERANI AWAK? Ini adalah kali kedua dia bercakap tentang pakaian. Tanggalkan baju dia↑]

Dalam data di atas, didapati juri menggunakan strategi ketidaksantunan negatif dengan menyoal pendengar secara tidak santun. Perkataan *'dare"* itu sendiri telah menunjukkan data yang dipilih ini adalah data yang menunjukkan ketidaksantunan.

University of Malaya

Lagipun, juri dengan marah telah menjerit secara tegas ketika menyoal peserta. Dalam data yang sama di atas, juri telah menghina pendengar dengan memberi arahan kepada pengacara rancangan untuk menanggalkan baju pendengar. Dalam sesuatu rancangan realiti yang akan ditonton oleh beberapa ribu orang penonton, perkara sebegini harus dielakkan kerana bahasa juri yang tidak santun ini telah merosakkan keperluan muka negatif pendengar tersebut.

Ekstrak 2 : Pasangan peserta yang terlibat ini menari dengan tidak memakai kasut sehingga terluka dan berdarah akibat memijak kaca. J1 memarahi pasangan tersebut atas kecuaian mereka.

S5: D5:B1-3

J1: *Ipadi oru MUTTALUNGALE: na paartate ille↑ Enngge glasse odaikuriinge, oru shoe kuude: poodunumnu unggalukku ARIVU ILLEYA?*

Begini satu BODOH: Awak berdua saya pernah lihat tidak ↑ Awak berdua cermin hancurkan, satu kasut pun: memakai awak berdua otak tidakke?

Saya tidak pernah melihat BODOH: sebegini↑ Awak berdua TIADA OTAK KE untuk memakai kasut: jika hendak pecahkan cermin?

P2: *Sugar glass ithu, kuttaatunutaan sonaangge. But=*

Gula gelas ini, tidak akan tikam kata mereka. Tetapi=

Mereka kata ini adalah kaca gula, dan tidak akan luka. Tetapi=

J1: [= *°Ar::°Inthe molegaa kaarem adikkaathu maatiri irukkurathu niingge pesurathu. It's VERY STUPID*↑..]

[= *°Ar::°* ini cili pedas tidak pukul bagai ada awak berdua yang cakap. Ini SANGAT BODOH↑..]

[= *°Ar::°*: Apa yang awak katakan bagai cili ini tidak pedas. Ini AMAT BODOH↑..]

University of Malaya

Dalam data di atas, didapati J1 telah memperkecilkan diri pasangan peserta yang terlibat dengan menjerit bahawa mereka bodoh dan menyoal balik adakah mereka mempunyai otak atau tidak serta menyatakan perbuatan mereka bagai suatu kelakuan yang amat bodoh. Secara langsung, telah terbukti bahawa juri ini telah menyelitkan strategi ketidaksantunan negatif dalam pertuturanya dengan penggunaan bahasa yang tidak santun. Perkataan *'muttaal'*‟ yang bermaksud bodoh adalah suatu perkataan yang dianggap tidak santun dan sensitif dalam apa jua bahasa. Ini pastinya telah merosakkan keperluan muka negatif pendengar dalam rancangan realiti tersebut.

Ekstrak 3 : A1 mengatakan kepada J1 bahawa mulut P1 besar. J1 mengejek badan P1 yang bersaiz besar.

S5: D4 :B4-6

J1 : *Nii avan saiz se solluriyaa? Avan vaaye solluriyaa?*
Awak dia punya saiz cakapkah? Dia mulut cakapkah awak?
Adakah awak bercakap tentang saiz badan dia? Adakah awak bercakap tentang mulut dia?

((*Semua ketawa*))

A1 : *Ille, vaayettaan sollureen.*
Tak ada, mulut saja cakap.
Tidak, Saya bercakap tentang mulut dia sahaja.

J1 : *Saizum appadittaan. But, dance aadi eleccirelaam P1.*
Saiz pun macam itu.Tetapi, tarian menari kurus boleh P1.
Saiz badan pun begitu juga.Tetapi, boleh kuruskan badan dengan menari P1.

Berdasarkan data di atas, didapati J1 telah merosakkan keperluan muka negatif P1 dengan mengejek rupa bentuk fizikalnya. Apabila A1 mengatakan bahawa mulut P1

University of Malaya

besar, J1 pula memperkecilkan imej P1 dalam rancangan realiti dengan mengatakan saiz P1 pun besar juga. Tambahan pula, J1 menggunakan kata ganti nama yang tidak sesuai dalam data ini terhadap P1 dan A1. J1 telah menggunakan perkataan *„nii"* yang bermaksud awak untuk merujuk A1. Perkataan *„nii"* sememangnya tidak santun dalam bahasa Tamil. Seperti yang dinyatakan dalam sebelumnya penggunaan partikel '*-ngge*" perlu digunakan oleh penutur supaya ia dapat membawa maksud yang lebih santun. Perkataan '*nii"* boleh digantikan dengan perkataan '*niingge*' supaya pertuturan menjadi lebih santun. Perkataan '*niingge*' membawa maksud anda. Begitu juga apabila J1 merujuk P1, beliau tidak menggunakan kata ganti nama diri yang sesuai.

Dalam bahasa Tamil perkataan *„avan"* yang membawa maksud dia dianggap sebagai salah satu perkataan yang sangat tidak hormat. Dalam sesuatu rancangan bercorak realiti perkataan *„avan"* boleh merosakkan keperluan muka negatif pendengar. Begitu juga dalam konteks di atas, juri menggunakan perkataan *„avan"* merujuk peserta lelaki pasangan tersebut. Dalam satu rancangan realiti yang ditonton oleh ramai orang, memanggil seorang lelaki dewasa sebagai *„avan"* telah menimbulkan situasi yang kurang santun. Ini telah membuktikan bahawa J1 telah menggunakan strategi ketidaksantunan negatif dalam teks data ini. Juri sepatutnya menggunakan perkataan *„avaru"* menggantikan perkataan *„avan"*. Penggunaan perkataan *„avaru"* dianggap santun dalam bahasa Tamil.

University of Malaya

Ekstrak 4: P1 telah menyatakan bahawa walaupun pasangan mereka lebih tua dari segi usia, mereka telah memberi persembahan yang terunggul.

S2:D14:B8-9

P1: *Senior citizen endraalum, senior performance kuduppoom.*
Tua warganegara kalau adapun, tua persembahan bagi kami.
Walaupun lebih tua, kami akan memberi persembahan yang berpengalaman.

J1: *Yeah, mariyaathaiyaa anthe vaartaiye vaupose vaanggiru↑*
Yeah, dengan hormat itu perkataan terima balik beli↑
Ya, lebih baik awak terima balik apa yang kamu katakan↑

Berikutan data di atas, J1 telah merosakkan keperluan muka negatif P1 dengan menakutkannya bahawa adalah lebih baik jika P1 tarik balik apa yang dikatakan olehnya sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa J1 langsung tidak hormat P1 kerana perkataan *„mariyathaiyaa"* dalam bahasa Tamil merupakan satu perkataan yang tidak santun dan sebagai satu amaran yang diberi kepada pendengar. Dalam bahasa Melayu, perkataan *„mariyathaiyaa"* membawa maksud bahawa lebih baik melakukan sesuatu sebelum menjadi lebih teruk. Maka, ini menunjukkan J1 menakutkan P1 dengan memberi arahan untuk menarik balik apa yang dikatakan olehnya. Ini pastinya telah merosakkan keperluan muka negatif pendengar dalam rancangan realiti tersebut.

Ekstrak 5 : Dalam data ini, disebabkan latihan yang tidak cukup dan kecuaian P1 telah menjejaskan markah pasangannya, iaitu P2. P2 adalah seorang peserta yang berdedikasi dan berbakat. Disebabkan kecuaian P1, P2 turut hampir disingkirkan. Ini telah menyebabkan J1 dan J2 marah terhadap sikap P1 yang tidak berdedikasi.

University of Malaya

S5:D1:B17-18

J1: [= *Ungganaale: P2 vanthu ivalavu (.) you know he is very talented person. You have let him down↑This is very careless attitude↑((Dengan muka marah)) veli irukkuravunggalukku ungge talent teriyumnaa, ingge naangge paakkuravungge ellaam ENNA FOOLS AR?*]

[= Sebab anda : P2 datang sebanyak ini (.) kamu tahu dia ialah sangat berbakat orang. Kamu mempunyai biarkan dia bawah↑Ini ialah sangat cuai tabiat↑((*Dengan muka marah*)) luar punya orang anda bakat tahu kalau, sini kami tengok semua APA BODOH KE?]

[= Disebabkan oleh anda : P2 setakat ini (.) Kamu sedar bahawa dia seorang yang berbakat. Kamu telah menghampakan dia↑. Ini adalah satu perbuatan yang sangat cuai ↑((*Dengan muka marah*)) Kalau orang luar tahu tentang bakat kamu, adakah kami semua yang melihat kamu di sini ADALAH BODOH?]

J2 : *What that"s a guyname? P1, unakku ivanoode arumaiyum ennaanu terile, rendaavathu vanthu, you are not (.) I tell you this, don"t takethis in wrong sense. Unakku inthe platform oode value unakku terile ↑ Avan eppadi feel pannuraanu enakku teriyum.*

Apa itu lelaki nama? P1, awak dengan dia kelebihan apa itu tidak tahu, kedua datang, awak adalah tidak (.) Saya beritahu awak ini, jangan ambil ini salah faham. Awak ini pentas punya nilai awak tidak tahu ↑ Dia bagaimana rasa punya saya tahu.

Apa nama lelaki itu? P1, awak tidak tahu bagaimana menghargai dia, kedua awak bukan (.) Saya memberitahu ini kepada awak, awak jangan mengambil secara salah. Awak tidak tahu nilai pentas ini↑ Saya tahu bagaimana dia merasainya.

Data di atas menunjukkan bahawa kedua-dua juri telah menyatakan rasa penghargaan diri mereka secara terbuka tentang sikap peserta. J1 dengan perasaan marah telah menjerit pada P1 dengan mengatakan bahawa orang-orang yang terlibat dalam rancangan realiti ini bukannya bodoh. Beliau tidak berpuas hati dengan sikap kecuaian juri J1 yang mana sehingga menjejaskan perasaan dan peluang P2. Manakala, J2 pula dengan tidak santun menyoal ‚apakah nama lelaki itu?" dan beliau tidak menggunakan nama panggilan yang sesuai untuk peserta tersebut. Ini telah

University of Malaya

menunjukkan bahawa J2 telah memperkecilkan peserta tersebut dalam kalangan semua orang dalam rancangan realiti itu.

Selain itu, J2 juga telah menggunakan kata ganti nama yang tidak sesuai dalam bahasa Tamil terhadap P1. J2 telah menggunakan perkataan yang tidak santun seperti *„unaku"* dan *„avan"* dalam data ini. J2 haruslah menggantikan perkataan *'unnaku"* menjadi *'unggalukku"* dan *„avan"* boleh digantikan dengan perkataan *„avunggalukku"* supaya pertuturan menjadi santun kerana dalam bahasa Tamil partikel dan sebutan *„-ngga"* boleh menyebabkan sesuatu pertuturan menjadi santun serta membawa konteks yang berhormat. Ini telah membuktikan bahawa J1 dan J2 telah menggunakan strategi ketidaksantunan negatif dalam teks data ini.

University of Malaya

Ekstrak 6: Komen J2 terhadap P1 selepas persembahan pasangan tersebut. Sebelum memberi komen, J2 menyoal P1 bahawa adakah P1 menari dengan baik.

S2:D9: B1-7

J2 : *Innaiknu unkitte niraya etirpaakureen. Tayavu seitu, olungga pannu* ↑
Hari ini dengan awak banyak saya harap. Tolong, betul buat↑
Saya harap daripada kamu hari ini. Tolong, buat dengan betul↑

P1 ((Menunduk kepala))

J2: *Tambi↑ konjem ingge paaru.*
Adik↑ sedikit sini tengok.
Adik↑ lihat sini sedikit.

P1: *Sollungge:*
Cakap:
Sila beritahu:

J2: *Enna panningge? Sollu enna panne?*
Apa buat anda ? Cakap apa buat?
Anda buat apa? Cakap apa yang awak buat?

P1: *Aaduneen: =*
Menari=
Saya menari=

J2: [= *Aaduniyaa? Nallaa aaduniyaa?*]
[= Menari kah? Baik menarikah?]
[= Awak menarikah? Adakah awak menari dengan baik?]

P1 ((Diam sahaja))

J2 : *Illeya?*
Tidakke?
Tidak kah?

Daripada data di atas, didapati J2 telah menakutkan dan mengejek P1 berkaitan dengan persembahan yang diberi oleh pasangan mereka. Pertuturan J2 memang tidak santun dalam teks data ini. J2 langsung tidak hormat P1 ketika bertutur dengannya. Misalnya, J2 tidak menggunakan partikel *„-ngge*" pada setiap bahagian akhir ungakapan. Ini telah menjadikan setiap ungakapan J2 menjadi tidak santun dan membawa konteks

University of Malaya

yang tidak hormat. Melalui teks data ini, didapati J2 telah menggunakan perkataan-perkataan yang tidak santun dalam bahasa Tamil seperti *„pannu"* (buat), *„paaru"* (tengok), *„panne"* (yang awak buat), *„aadu**n**iyaa"* (awak menarikah?) dan *„i**l**eyaa?"* (tidak kah?). Dalam sesuatu rancangan realiti perkataan-perkataan sebegini yang digunakan oleh juri boleh merosakkan keperluan muka negatif pendengar tersebut. Ini telah terbukti dengan teks data ini. Ungkapan pada baris keempat dalam teks data ini, iaitu, *„sollu enna panne?"* yang bermaksud „cakap apa yang awak buat" telah menunjukkan bahawa J2 langsung tidak hormat P1 dengan menggunakan bahasa yang tidak santun dalam rancangan realiti yang dipilih.

Ekstrak 7: J1 memberi komen kepada P1 supaya cepat mengambil insiatif untuk memperbaiki kelemahan diri semasa menari.

S8:E14:D1:B37

J1 : [*P1, enakkum unmeele nambikkai irukku ↑ Athunaaletaan tiruppi tiruppi Sollikkittu irukkeen nanu. Tayavu seithu: sikkeram pannu↑ Wait pannaathe↑ Don't delay↑ Athaan naa unkitte sollikittu irukkeen. Nii already naalu vaaram delay panathunaletaan, innaikku naa soluren↑ Sikiram eetaavathu mudivu edu ↑ OK?*]

[P1, sayapun atas awak yakin ada ↑ Sebab itu lah berulang-ulang cakap ada saya.Tolong: cepat buat↑ Tunggu jangan↑ Jangan lambat↑ Itu yang saya awak pada cakap sahaja ada. Awak sudah empat minggu lambat buat sebab, hari ini saya cakap↑ Cepat sesuatu keputusan ambil ↑ BAIK?]

[P1, saya pun yakin pada awak↑ Sebab itulah saya sentiasa berulang. Tolong: lakukan dengan cepat ↑ Jangan tunggu↑ Jangan berlengah↑ Itulah saya sentiasa cakap dengan awak. Hari ini saya beritahu kepada kamu, kerana awak sudah terlambat selama empat minggu ↑ Cepat mengambil sesuatu keputusan dengan secepat↑ BAIK?]

University of Malaya

Berdasarkan teks data di atas, J1 telah menggunakan strategi ketidaksantunan negatif dengan memperkecilkan diri peserta P1 dalam rancangan realiti tersebut. Sebagai seorang juri, J1 telah menggunakan kuasanya dengan sepenuh untuk memberi komen secara tidak santun dalam data ini. Selain itu, melalui teks data ini juga didapati J1 eksplisit dengan aspek negatif seperti tidak menggunakan kata ganti nama yang tidak sesuai dan santun dalam bahasa Tamil. Ungkapan, *„athunaaletaan tiruppi tiruppi solliklittu irukken naanu"* yang bermaksud „sebab itulah saya sentiasa berulang" dalam teks data di atas menunjukkan bahawa juri telah menggunakan kuasanya untuk memberi komen secara tidak santun. Manakala, melalui ungkapan *„sikikiram eetaavathu mudivu edu↑ OK?"* (mengambil sesuatu keputusan dengan secepat mungkin↑ BAIK) menunjukkan J1 memperkecilkan diri P1 bahawa P1 perlu melakukan sesuatu secepat mungkin kerana persembahannya tidak begitu baik selama empat minggu yang lepas. Perkataan seperti *„unneele"*(pada awak), *„unkitte"*(dengan awak), *„nii"*(awak), *„pannu"* (buat) *dan „edu"* (ambil) adalah perkataan yang tidak santun dalam bahasa Tamil. Penggunaan partikel *„-ngge"* pada perkataan-perkataan tersebut boleh membawa maksud secara santun bagi teks data ini.

University of Malaya

Ekstrak 8 : J2 memberi nasihat kepada P1 selepas pasangan tersebut disingkirkan daripada pertandingan.

S2:D25:B2

J2: *Machi, nee feel le panathe↑ Na soluren, nee feel le panathe. Inaiku nee miss panite. Avelavutan. Na unmaiyale solluren, mothe naal inthe showku vanthe anaiku enaku pudikathe oru dancer, enaku pudikathe oru jodina, athu ninge rendu pheru tan ↑ Nee vanthete mige periye visayem. OK?*

Kawan, awak rasa jangan↑ Saya cakap, awak rasa jangan. Hari ini awak terlepas jadi. Itu sahaja. Saya betul-betul cakap, pertama hari ini rancangan datang hari itu bagi saya tidak suka satu penari, bagi saya tidak suka satu pasangan, itu kamu berdua orang sahaja↑ Awak datang banyak besar perkara. Baik?

Kawan, awak jangan sedih sangat↑ Saya cakap, awak jangan sedih. Hari ini awak sudah terlepas . Itu sahaja. Saya kata benar, hari pertama saya datang untuk rancangan ini satu penari yang saya tidak suka, pasangan yang tidak suka adalah kamu berdua sahaja. Kamu berdua datang sampai sinipun sudah menjadi satu perkara yang besar.Baik?

Dalam ekstrak ini, J2 dengan tiada bersimpati mengatakan bahawa pasangan peserta inilah yang tidak disukai olehnya pada hari pertama pertandingan dimulakan. Ujaran J2, *„enaku pudikathe oru jodina, athu ninge rendu pheru tan↑"* membawa maksud kamu berdualah pasangan yang tidak disukai oleh saya daripada pasangan-pasangan yang lain. Dalam sesuatu rancangan realiti, apabila mendapat tahu dirinya tidak disukai oleh juri, tentu ini akan mengganggu emosi pasangan peserta tersebut serta membawa konteks yang tidak santun.Tentunya ini telah memperkecilkan serta menghina peserta rancangan. Maka telah terbukti bahawa J2 telah menggunakan strategi ketidaksantunan negatif dalam teks data ini.

4.1.1.2 Ketidaksantunan Positif

Strategi ketidaksantunan positif adalah penggunaan strategi yang direka untuk merosakkan keperluan muka positif pendengar. Contohnya, abaikan yang lain dari aktiviti, tidak mengambil kira, tiada simpati, penggunaan penanda identiti yang tidak sesuai, penggunaan bahasa rahsia, mencari ketidaksetujuan, penggunaan perkataan „taboo" dan mengguna nama panggilan.

Ekstrak 9 : J1 marah pasangan persembahan yang mempunyai percanggahan pendapat dalam persembahan mereka dan tidak bertolak ansur antara satu sama lain untuk menari bersama dalam rancangan realiti.

S8:E14:D3:B32

J1: *So, please: get out on it, inimee tayavu seithu inthe past patti PEESAATIINGGE ↑ Next time I want to see sizzling performance from you both↑ Promise me RIGHT NOW ↑ and just GET OUT from this place ↑*

Jadi, tolong: mendapatkan keluar pada itu, mulai ini tolong ini masa lalu tentang JANGAN BERCAKAP↑Lain kali saya mahu tengok berdesir persembahan daripada kamu berdua↑ Janji saya BETUL SEKARANG ↑ dan hanya MENDAPATKAN KELUAR daripada ini tempat ↑

Jadi, tolong keluar daripada itu, tolong JANGAN BERCAKAP tentang itu↑ Lain kali saya mahu melihat persembahan yang lebih baik daripada kamu berdua↑ Janji kepada saya SEKARANG JUGA ↑ dan BERAMBUS dari tempat ini↑

Data menunjukkan J1 telah menggunakan strategi ketidaksantunan positif dalam pertuturanya dalam rancangan realiti ini. Seperti dalam struktur ayat '*inime tayavu seithu inthe past patti PEESAATIINGGE ↑*", juri telah mengabaikan perasaan peserta

University of Malaya

dengan suara menjerit dan meminta peserta untuk tidak menutur lagi tentang isu yang dibincangkan. Lagipun, pada akhir struktur ayat tersebut juri dengan kuasa yang dimiliki meminta pasangan peserta itu berambus dari tempat itu. Perkataan *"GET OUT"* oleh juri telah merosakkan keperluan muka positif pendengar.

Ekstrak 10 : A1 meminta komen J1 tentang persembahan yang diberi oleh pasangan peserta yang terlibat dan didapati persembahan pasangan ini tidak begitu menarik.

S5:D2:B1-2

A1: *Let hear it from judges.*
Biar dengar itu daripada juri-juri.
Mari kita dengar daripada para juri.

J1 : *Ennayaa? Hello: tuunggi elunthiyaa?*
Apa lah? Hello: tidur bangun ke?
Apa? Hello: baru bangun dari tidurkah?

Melalui teks data di atas, jelas terbukti bahawa J1 telah menggunakan strategi ketidaksantunan positif untuk merosakkan keperluan muka positif pendengar, iaitu peserta persembahan rancangan realiti yang dipilih. Dengan struktur ayat J1, *„ennaya? Hello: tuunggi elunthiyaa?"* menunjukkan J1 telah menggunakan nama panggilan yang tidak sesuai dan tidak santun. Dalam bahasa Tamil perkataan *„ennayaa"* yang bermaksud „apalah" dianggap sebagai sesuatu perkataan yang tidak santun. Lagipun, perkataan *„Hello"* dengan jelas telah membuktikan bahawa J1 tidak hormat dan menggunakan perkataan yang tidak santun dalam rancangan realiti.

University of Malaya

Ekstrak 11 : J2 bertindak dengan sangat beremosi sehingga mengatakan bahawa beliau tidak boleh memberi markah kepada pasangan peserta yang terlibat kerana persembahan mereka tidak begitu memuaskan pada pusingan itu.

S2:D3:B6

J2 : *Naa aluvemaatteen. Innaikku aluve varule. Naa mark sheetle mark poodule ↑ Ennaala poddemudiyaathu↑ Yaaru veenaalum enna veenumnaalum ninaikkethum. Enne porutte varaikkum aaduthe round ivunngge ellaam eppadi aaduvaanggenu enakku teriyaatu.*((Dengan muka marah)) *Eppadinnge mark poode solluringge? MARK PODEMUDIYATHU↑ Kandippa mark poodemudiyaathu ↑ Yaarukku mark poode solluringge? Unmaiyaale kastem ↑*

Saya tidak nangis. Hari ini nangis tidak mari. Saya markah dalam kertas markah tidak taruh↑ Oleh saya tidak boleh taruh↑ Siapa mahupun apa mahupun biar ingat. Saya bagi sampai seterus pusingan dia orang semua macam mana menari saya tidak tahu. ((*Dengan muka marah*)) Macam mana markah bagi cakap? MARKAH TIDAK BOLEH BAGI↑ Mesti markah tidak boleh bagi↑ Untuk siapa markah bagi suruh? Betul-betul susah↑

Saya tidak menangis. Hari ini saya tidak datang untuk menangis. Saya tidak memberi markah dalam kertas markah↑ Saya tidak boleh memberi markah↑ Biar siapa sahaja mengingat apa sahaja mereka mahu. Bagi saya, saya tidak tahu bagaimana mereka hendak menari dalam pusingan seterunya. ((*Dengan muka marah*)) Bagaimana anda semua meminta saya memberi markah? TIDAK BOLEH MEMBERI MARKAH↑ Pasti tidak boleh memberi markah↑ Anda semua meminta memberi markah untuk siapa? Memang susah↑

Berdasarkan teks data di atas, J2 tidak mengambil kira peraturan rancangan realiti dan juga perasaan peserta tersebut sehingga beliau enggan memberi markah kepada peserta akibat persembahan yang kurang memuaskan. Beliau menjerit dengan marah bahawa tidak boleh memberi markah dan pada ayat seterusnya J2 menegaskan lagi bahawa beliau pasti tidak boleh memberi markah kepada pasangan peserta tersebut. Dalam bahasa Tamil, struktur ayat *„MARK POODEMUDIYAATHU↑ Kandippaa mark poodemudiyaathu ↑"* menunjukkan J2 begitu tegas dan tidak santun. Selain itu, struktur ayat pada teks data di atas *„yaaru veenaalum enna veenumnalum ninaiketthum"* yang

University of Malaya

bermaksud J2 tidak kisah terhadap sesiapa sahaja mengenai apa yang mereka anggap tentang dirinya. Ini menunjukkan J2 tidak peduli tentang sesiapa sahaja walaupun itu adalah salah satu rancangan realiti. Dengan ini terbukti bahawa J2 telah menggunakan strategi ketidaksantunan positif dalam teks data ini.

Ekstrak 12 : P2 menari di atas lutut P1 yang memang tercedera sebelumya. Selepas mendapat tahu keadaan sebenar, J2 marah P2 dengan bahasa yang tidak santun.

S2:D18:B7-9

J2 : [= *HEY ↑ Appe yenna tairiyemaa irunthaa anthe mutti meelee eeri ninnuruppe nii?*]
[= HEY ↑ Semasa itu apa berani kalau ada itu lutut atas naik berdiri awak?]
[= HEY ↑ Berapa berani awak berdiri atas lutut itu?]

P2: *Athum avaru ideataan.*
Itupun dia idea.
Itupun idea dia.

J1: *Appadiyaa? Irunthaalum nii eppadi eerelaam?*
Ya kah ? Kalau adapun awak macam mana naik?
Begitukah? Apa-apa pun bagaimana awak boleh naik?

Dalam data di atas, J2 telah menggunakan strategi ketidaksantunan positif. J2 menggunakan penanda identiti yang tidak sesuai dalam data ini. Penggunaan perkataan '*HEY"* telah membuktikan bahawa teks data ini adalah tidak santun. Penggunaan kata ganti nama yang tidak sesuai oleh J2 seperti *„nii"* telah menjadikan teks data ini sebagai data yang menunjukkan penggunaan bahasa yang tidak santun. Dalam bahasa Tamil frasa *„yenna tairiyemaa irunthaa"* telah menunjukkan J2 lebih berkuasa dan tidak santun terhadap P2. Dalam sesuatu rancangan realiti ini boleh merosakkan keperluan muka positif pendengar.

University of Malaya

Ekstrak 13 : J2 memberi nasihat kepada P1 selepas pasangan tersebut disingkirkan daripada pertandingan.

S2:D25:B2

J2: *Machi, nii feel le panaathee↑ Nza solureen, nii feel lee pannaathe. Innaikku nii miss panitte. Avelavutaan. Naa unmaiyaale solluren, mothe naal inthe showku vanthe annaikku enakku pudikkaathe oru dancer, enakku pudikkaathe oru jodinaa, athu niingge rendu pheeru taan ↑ Nii vanthatee miga periya visayam. OK?*

Kawan, awak rasa jangan↑ Saya cakap, awak rasa jangan. Hari ini awak terlepas jadi. Itu sahaja. Saya betul-betul cakap, pertama hari ini rancangan datang hari itu bagi saya tidak suka satu penari, bagi saya tidak suka satu pasangan, itu kamu berdua orang sahaja↑ Awak datang banyak besar perkara. Baik?

Kawan, awak jangan sedih sangat↑ Saya cakap, awak jangan sedih. Hari ini awak sudah terlepas. Itu sahaja. Saya kata benar, hari pertama saya datang untuk rancangan ini satu penari yang saya tidak suka, pasangan yang tidak suka adalah kamu berdua sahaja. Kamu berdua datang sampai sinipun sudah menjadi satu perkara yang besar. Baik?

Melalui data di atas, didapati J2 telah merosakkan keperluan muka positif peserta rancangan realiti. Perkataan *„machi"* dalam bahasa Tamil merupakan sesuatu perkataan yang tidak formal dan penanda identiti yang tidak sesuai. Ia membawa maksud yang tidak santun. Biasanya perkataan ini hanya akan digunakan secara tidak formal kepada hubungan yang paling rapat. Perkataan itu juga dianggap sebagai bahasa pasar dalam bahasa Tamil. J2 sepatutnya menggunakan perkataan *„thœzla"* menggantikan *„machi"* kerana dalam bahasa Tamil perkataan *„thœzla"* merupakan satu perkataan yang santun dan hormat untuk merujuk kawan. Ini telah membuktikan bahawa J2 telah menggunakan strategi ketidaksantunan positif dalam teks data ini.

University of Malaya

4.1.1.3 Ketidaksantunan *bald on-record*

Strategi ketidaksantunan bald on-rekod adalah ketidaksantunan yang dilaksanakan dalam cara yang langsung, jelas serta ringkas dalam situasi di mana muka adalah tidak relevan atau diminimakan.

Ekstrak 14 : A2 menyoal kepada J1 bagaimana keadaan hari ini akan terjadi dan adakah J1 berasa risau untuk berpisah daripadanya.

S2:D1:B4

J1 : *Munnje: paaru*↑
Muka: tengok↑
Tengok muka: awak↑

Dalam data di atas, juri telah telah melakukan ketidaksantunan dengan menggunakan perkataan yang tidak sesuai secara langsung dalam rancangan realiti yang dipilih. Dalam bahasa Tamil frasa *‚µuunje: paaru"* dianggap pertuturan yang tidak santun dan kurang ajar kerana perkataan '*muunju"* adalah satu perkataan yang tidak santun. '*Muunju*‟ yang bermaksud muka harus digantikan dengan perkataan '*mugam*‟ supaya struktur ayat itu menjadi santun. Dalam bahasa Tamil perkataan '*mugam*‟ adalah perkataan santun dan sesuai untuk merujuk muka. Tambahan pula, perkataan kedua dalam frasa di atas, iaitu perkataan '*paaru*‟ adalah perkataan yang tidak menunjukkan hormat dan juga dianggap sebagai perkataan yang tidak santun. Dalam situasi ini muka peserta telah diminimakan oleh juri. Bagi menjadikan perkataan itu santun, partikel '*-ngge*‟ harus sertakan oleh juri bagi perkataan itu supaya menjadi '*paarungge".* Ini

University of Malaya

adalah sebab, cantuman partikel '*-ngge"* dalam bahasa Tamil sentiasa akan membawa maksud yang santun.

Penggunaan partikel '*-ngge"* dalam bahasa Tamil amat digalakkan supaya sesuatu ujaran menjadi santun. Biasanya, penggunaan partikel '*-ngge"* akan diguna orang muda ketika merujuk orang yang lebih tua daripada usianya sebagai tanda hormat. Namun, orang yang lebih tua juga boleh menggunakan partikel '*-ngge"* ketika merujuk orang muda atau kanak-kanak sebagai tanda hormat terhadap mereka serta mewujudkan situasi yang santun. Dalam rancangan realiti ini, walaupun juri lebih berumur daripada para peserta rancangan, kegagalan penggunaan partikel '*-ngge"* oleh juri masih dianggap sebagai tidak santun kerana adakalanya dengan peserta lain juri menggunakan partikel '*-ngge"* untuk menunjukkan kesantunan.

Manakala, dengan segelintir pasangan lain yang persembahannya tidak begitu memuaskan, juri tidak menggunakan partikel '*-ngge"* dalam ujarannya. Ini membuktikan bahawa kegagalan penggunaan partikel '*-ngge"* oleh juri terhadap segelintir pasangan membawa konteks yang tidak santun. Jika juri tidak menggunakan partikel '*-ngge"* terhadap semua peserta dari awal hingga akhir 'season" rancangan realiti, maka boleh dikatakan bahawa ia adalah cara pertuturan juri tersebut. Tetapi, dalam konteks di atas juri ada menggunakan partikel '*-ngge"* pada suatu ujaran dan pada ujaran *‚muunje: paaru"* juri tidak menggunakan partikel '*-ngge"* terhadap satu peserta rancangan yang sama. Maka, didapati penggunaan partikel '*-ngge"* membawa konteks yang santun apatah lagi dalam sesuatu rancangan realiti yang ditonton ramai orang.

University of Malaya

Ekstrak 15 : J2 marah apabila mendapat tahu P1 tidak peka terhadap komen yang diberi olehnya.

S5:D2:B3

J2 : *Nii ethukkume laiki ille*↑
Awak apa juga guna tidak ↑
Awak langsung tidak berbaloi untuk apa jua↑

Berdasarkan data di atas, didapati J2 telah menggunakan strategi *bald on-rekod* dalam rancangan realiti yang dipilih. J2 melakukan ketidaksantunan secara ringkas dan langsung. Dalam bahasa Tamil perkataan *„laiki"* membawa maksud yang tidak santun. Dengan menyatakan seseorang itu tidak berguna dalam rancangan realiti boleh meminimakan muka pendengar. Secara ringkas dan terus terang J2 telah menyatakan bahawa P1 tidak berguna untuk apa jua kerana J1 tidak peka dengan komen yang diberi olehnya. Tambahan pula, perkataan *„nii"* yang bermaksud awak dalam bahasa Melayu dianggap tidak santun dan tidak hormat. Partikel '*-ngge*" patut disertakan oleh J2 supaya perkataan *„nii"* menjadi sebagai *„ningge"*. Perkataan *„ningge"* yang bermaksud anda boleh membawa maksud yang santun bagi teks data ini.

University of Malaya

Ekstrak 16 : P1 cuba memberi penjelasan untuk persembahan pasangan mereka pada pusingan itu.

S5:D4:B24-26

J1 : *Cummaa overaa nadikaathe enkitte*↑
Saja lebih lakon jangan dengan saya↑
Jangan berlakon lebih dengan saya↑

P1 : *Batil solle terile J1*.
Jawapan cakap tidak tahu J1.
Saya tidak tahu menjawab J1.

J1 : *UNAKAA?*
UNTUK AWAKE?
UNTUK AWAK KAH?

Teks data konteks di atas menunjukkan bahawa dalam situasi ini muka pendengar adalah tidak relevan dan telah diminimakan oleh bahasa J1 yang tidak santun. Melalui data di atas, didapati J1 telah melakukan ketidaksantunan dalam cara yang langsung dan jelas. Ungakapan J1, *„cummaa overaa nadikaathe enkitte"* menunjukkan beliau tidak santun dan tidak hormat pada peserta rancangan realiti yang berkenaan. Secara langsung, J1 mengarahkan P1 supaya tidak berlakon lebih dengannya. Apabila P1 cuba membawa keadaan santun, J1 yang tidak berpuas menjerit pada P1. Dalam bahasa Tamil, perkataan *„unakkaa?"* (untuk awak kah?) secara langsung menunjukkan bahawa itu adalah salah satu perkataan yang tidak santun. Maka, teks data ini menunjukkan bahawa J1 telah menggunakan strategi ketidaksantunan *bald on-record* dalam rancangan realiti ini.

University of Malaya

Ekstrak 17 : J1 menjadi marah dan menjerit dalam racangan realiti yang dipilih itu apabila P1 cuba mengejek usia J1.

S2:D7: B1-2

P1: *Hai J2 uncle: hai J1 aun=*
Hai J2 pak cik: hai J1 mak=
Hai pak cik J2: hai J1 mak=

J1 : [*KONNUDUVEEN* ↑]
[AKAN MEMBUNUH KAMU↑]
[SAYA AKAN MEMBUNUH KAMU↑]

Melalui data di atas, didapati juri telah menggunakan strategi ketidaksantunan *bald on-record* dalam rancangan realiti yang dipilih. J1 menjadi marah apabila P1 cuba mengejek usia J1. Beliau tidak dapat menerima itu lalu menjerit pada P1 dengan mengatakan bahawa *„KONNUDUVEEN"* yang bermaksud akan membunuh jika P1 memanggilnya sebagai *„auntie",* iaitu sebagai mak cik. Dalam bahasa Tamil perkataan *„KONNUDUVEEN"* memang dianggap sebagai sesuatu perkataan yang tidak santun dan kurang ajar untuk menakutkan seseorang. Dalam konteks ini, J1 secara langsung dan ringkas telah melakukan ketidaksantunan. Dengan jelas ini telah meminimakan muka peserta rancangan realiti berkenaan kerana J1 memberi amaran kepadanya bahawa akan membunuh jika bercakap pasal umur. Memberi amaran kepada seseorang dalam khalayak ramai orang merupakan salah satu perbuatan yang tidak santun serta ini boleh menjatuhkan air wajah pendengar tersebut.

University of Malaya

4.1.1.4 Sindiran atau kesantunan olok-olok

Strategi ini adalah lakuan ancaman muka yang dilaksanakan dengan penggunaan strategi kesantunan dimana secara jelas tidak ikhlas. Misalnya, berpura- pura santun dalam pertuturannya. Berpura-pura menggunakan perkataan santun tetapi, jika dilihat sebaliknya ia akan membawa maksud yang tidak santun.

Ekstrak 18 : J2 menyindir peserta yang menyolek dengan banyak untuk persembahan.

S2:D11:B6-7

P2: *Alagaa irukkenumnu try panneen :*
Cantik ada cuba saya:
Saya cuba untuk menjadi cantik:

J2 : ((*Sambil ketawa*)) *Alagaa irukkenumnu try pannirukkiinggelaa? Rombe ooveraa: try panittiingge poole irukku:*
Cantik jadi cuba kamukah? Sangat lebih: cuba buat bagai ada:
Kamu hendak cuba menjadi cantik? Nampaknya, kamu telah mencuba terlebih-lebih:

((*Semua ketawa*))

Daripada data di atas, juri sebenarnya tidak ikhlas dalam memberi pujian. Beliau menyindir dengan mengatakan bahawa peserta telah menyolek dengan lebih-lebih untuk menjadi cantik padahalnya ia tidak berlaku. Sindiran oleh juri terbukti apabila beliau memulakan pertuturan sambil ketawa. Akibat sindiran ini juga telah menyebabkan semua orang yang terlibat dalam rancangan realiti ini ketawa pada peserta. Penggunaan strategi ini secara tidak langsung telah mengancam muka peserta tersebut. Selain itu, dengan penggunaan partikel '*ngge*‟ dalam pertuturan juri secara olok-olok menjadi santun tetapi mengikut data di atas tujuan sebenar juri adalah untuk menyindir peserta.

University of Malaya

Ekstrak 19 : J1 menyindir dan mengejek pasangan peserta yang menari berasaskan konsep api dan kapas. Pakaian putih P2 menjadi kotor setelah menari dengan pasangannya yang bercat bagai api pada seluruh badan.

S8:E14:D2:B6

J1 : *Avaru vanthu avvelavu body paint poturukaarunaa, niingge white poodekuudaathu. Athukku veere alternative, illenaa averode paint avoid panirukkenum. Ippe paarungge ennamo school, LKG student maatiri irukku.* ((*Senyum*))

Dia datang banyak badan cat kalau pakai, anda putih tidak boleh pakai.Untuk itu lain penggantian, kalau tidak dia punya cat elak harus dibuat. Sekarang tengok macam sekolah, TADIKA murid macam ada.((*Senyum*))

Kalau badan dia disapukan dengan begitu banyak cat, anda tidak boleh memakai pakaian berwarna putih. Untuk itu patut mencari penggantian atau patut elakkan daripada mengecat badan dia. Lihat sekarang, nampak macam budak TADIKA. ((*Senyum*))

Melalui data di atas, J1 menyindir pasangan peserta rancangan realiti yang telah melakukan satu kesilapan. J1 mengatakan kelakuan mereka bagai kanak-kanak dan persembahan mereka juga berakhir seperti persembahan murid tadika. Penyindiran ini telah menjatuhkan imej pasangan peserta tersebut kerana ini adalah sesuatu rancangan realiti di mana penonton dari seluruh negara boleh menontoni. Ini menunjukkan bahawa J1 telah melakukan lakuan ancaman muka serta telah menggunakan strategi ketidaksantunan sindiran atau olok-olok.

University of Malaya

Ekstrak 20 : J1 berpura-pura secara santun untuk menyindir dan mengatakan persembahan pasangan peserta berkenaan tidak menarik secara berterusan.

S5:D2:B7-8

P1 : *Adutthe performance nallaa pannuvoom J1*.
Seterusnya persembahan baik buat J1.
Persembahan seterusnya akan kami buat dengan baik J1.

J1: *Ithe taan sonnaagge poonevaattiyum hard work panni „dhuul" klappureen sonnaangge. Naanum ennamo panne pooriingge "aaar, ohh" pannepooringganu appadinu etirpaartteen. Paartaa:: hmm:: ((*dengan muka masam*))*

Ini kan beritahu kali lepas keras kerja buat "cekap" mula kata. Saya pun ingat apa – apa buat kamu berdua "baik, bagus" buat kamu saya ingat. Tengok:: hmm :::

Ini yang apa kamu kata dahulu bahawa akan berusaha untuk menunjukkan persembahan yang bagus. Saya pun menanti-nanti apa yang kamu hendak lakukan. Tetapi, jika lihat:: hmm::

Berdasarkan data di atas, didapati J1 telah menggunakan strategi ketidaksantunan sindiran atau olok-olok. Secara santun, juri telah menyindir pasangan peserta rancangan realiti berkenaan dengan mengatakan persembahan mereka tidak mempunyai sebarang peningkatan atau kemajuan daripada persembahan yang lalu. Ketidakpuasan juri telah ditunjukkan dengan mimik mukanya yang menunjukkan muka masam pada akhir ungkapan beliau.

University of Malaya

4.1.1.5 Menahan atau sembunyi kesantunan

Maksud strategi sembunyi ketidaksantunan adalah ketiadaan kerja kesantunan di mana ianya dijangkakan. Contohnya, gagal mengucapkan terima kasih kepada seseorang yang memberi hadiah mungkin dianggap sebagai ketidaksantunan yang disengajakan.

Ekstrak 21 : P1 memuji dan mengatakan bahawa dia adalah peminat setia J1. Tetapi, J1 sengaja tidak melayan pujian P1.

S2:D13:B1

P1: *Hello J1: naa ungge periye fan.*
Helo J1: saya anda punya besar kipas.
Helo J1: saya peminat setia anda.

J1 : ((*Sambil ketawa*)) *Confident ar, tairiyemaa nallaa pannungge*.
Dengan yakin, berani baik buat.
Lakukan dengan penuh yakin dan berani.

Dalam data **S2:D13:B1**, juri sengaja menahan santun dengan tidak mengucapkan terima kasih kepada peserta yang mengatakan dia adalah peminat setia kepadanya. J1 telah menukarkan topik lain untuk menunjukkan bahawa beliau tidak suka untuk berterima kasih kepada peminat setianya. Data ini menunjukkan bahawa juri rancangan realiti yang dipilih telah menggunakan strategi ketidaksantunan menahan kesantunan.

University of Malaya

Ekstrak 22 : J1 tidak bersetuju dengan pendapat peserta lalu mencelah pertuturan peserta berkenaan untuk memberi komen. Namun, dengan sengaja J1 tidak menghabiskan komennya untuk menahan kesantunan dalam konteks tersebut.

S5:D1:B14- 15

P1 : *One thing I tell, people outside they know my talent and they know who am I. I am seriously telling this is not my cup of tea =*

Satu benda saya beritahu, orang diluar mereka tahu saya bakat dan mereka tahu siapa akan saya. Saya adalah serius beritahu ini adalah bukan saya cawan oleh the=

Saya ingin beritahu satu perkara, orang di luar mengenali bakat saya dan mereka kenal diri saya. Saya ingin menegaskan disini bahawa ini bukan kegemaran saya=

J1: [= *NO* ↑ *Talent patti problem ille* ↑ *If there is a problem you have to-*]
[= TIDAK ↑ Bakat tentang masalah tiada↑ Kalau di situ satu masalah kamu perlu-]
[= TIDAK ↑ Bukan masalah bakat ↑ Jika ada masalah yang kamu perlu-]

Dalam data **S5:D1:B15**, juri ingin mengatakan sesuatu kepada P1 tetapi, sengaja tidak menghabiskan komennya sebab ingin menahan kesantunan dalam pertuturannya. Dalam konteks di atas, P1 yang lebih beryakinan tinggi terhadap bakat dirinya cuba merendahkan status rancangan realiti tersebut. Oleh yang demikian, J1 yang tidak berpuas hati dengan kenyataan P1 secara tiba-tiba berhenti bercakap dengan tujuan menahan atau sembunyi kesantunan.

University of Malaya

Ekstrak 23 : J1 tidak berpuas dengan persembahan peserta kerana beliau mendapati pasangan ini melakukan pergerakan tarian yang minima. J1 secara langsung telah memberi teguran kepada pasangan tersebut.

S8:E13:D5: B1-2

A2 : *J1, unggelode comments please.*
J1, anda punya komen-komen tolong.
J1, tolong beri komen-komen anda.

J1 : *Where is the dance? Romantic round tan: romantic ar dance tan panenumnu ketom, ninge <u>romance se</u> paandringge: dance enge?*
Mana itu yang tarian? Percintaan pusingan kan: Secara percintaan tarian kena buat kita minta, anda percintaan buat : tarian mana?
Di mana tariannya? Ya ini pusingan percintaan: kami minta untuk menari secara percintaan, kamu berdua membuat percintaan: Tetapi, mana tarian?

Dalam data di atas, juri menanya soalan ringkas dan sengaja tidak meneruskan komennya sebab ingin menahan kesantunan dalam pertuturannya. Tujuan juri adalah untuk menahan santun dengan soalan yang ringkas pada akhir pertuturan. Ini menunjukkan bahawa juri rancangan realiti yang dipilih telah menggunakan strategi ketidaksantunan menahan atau sembunyi kesantunan.

Ekstrak 24 : P2 mengatakan hanya persembahannya adalah yang terbaik untuk hari itu. Tetapi, J1 tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberi oleh P2.

University of Malaya

S2:D17: B4-7

P2 : *But, I was the best! I think.*
Tetapi, saya yang terbaik! Saya rasa
Bagi saya, saya adalah yang terbaik.

J1 : *((Menunjukkan muka hairan))* *Inaiku vanthu I felt anthe confident vanthu over confident matiri enaku tonucu.*
Hari ini datang saya rasa itu yakin datang lebih yakin macam saya rasa.
Hari ini saya berasa keyakinan itu sebagai keyakinan yang terlebih.

P2 : *Ile, rendume en mindle ile inaiku.*
Tidak, dua-dua saya fikiran tidak hari ini.
Tidak, dua-duapun tiada dalam fikiran saya hari ini.

J1 : *Ningge sonna matiri you were very good but NOT your BEST ↑*
Anda cakap macam kamu seperti lebih bagus tetapi TIDAK awak punya TERBAIK ↑
Seperti anda kata, kamu adalah sangat baik tetapi BUKAN awak punya yang TERBAIK ↑

Dalam data di atas, mendapati juri memulakan ujaran dengan santun tetapi beliau telah menahan kesantunan tersebut pada akhir ujaran. Apabila P2 mengatakan hanya persembahannya adalah persembahan yang terbaik untuk hari itu, juri telah menahan kesantunan dengan mengatakan keyakinan itu bagai satu keyakinan yang terlebih. Selain itu, dengan ujaran '*ningge sonna matiri you were very good but NOT your BEST ↑''*juri memulakan pertuturan dengan perkataan yang santun seperti *ningge* dan mengatakan P2 melakukan sesuatu yang baik tetapi juri menahan kesantunan tersebut dengan menekankan bahawa itu bukan yang terbaiknya. Beliau telah menamatkan pertuturan dan tidak meneruskan komennya selepas itu dengan apa-apa kenyataan sokongan untuk menjelaskan kenapa beliau menyatakan itu bukan persembahan terbaik P2. Ini telah menunjukkan bahawa juri rancangan realiti yang dipilih telah menggunakan strategi menahan kesantunan.

University of Malaya

4.1.2 Bagaimanakah ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti mengancam muka peserta?

Pengkaji menggunakan 4 aksi ancaman muka daripada teori Goffman (1967) berserta set strategi dan model pencetus ketidaksantunan Culpeper untuk mengenal pasti dan menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta yang terlibat dalam rancangan tersebut. Pengkaji mengkaitkan data ketidaksantunan yang diperoleh melalui transkrip rakaman video dengan 4 aksi ancaman muka dalam sub- tajuk berikut.

4.1.2.1 Mencelah atau mengganggu giliran

Aksi ancaman ini membawa maksud bahawa pencelahan atau kurang mendengar ketika sesuatu pertuturan diungkapkan boleh menyebabkan situasi kurang hormat.

Ekstrak 25 : J1 tidak berpuas hati dengan persembahan pasangan berkenaan. J1 mengatakan P1 langsung tidak menari pada pusingan ini. Maka, P1 menjadi kecewa dan cuba menjelaskan bahawa dia melakukan yang terbaik untuk pusingan ini. Tetapi, J1 dan J2 langsung tidak memberi peluang kepada P1 untuk meneruskan perbualannya.

University of Malaya

S2:D23:B28- 40

28 P2: *No, no I am not saying=*
Tidak, tidak saya adalah bukan mengatakan=
Tidak, tidak saya tidak mengatakan=

29 J1: [= *Ille, ille ↑]*
[= Tidak, tidak↑]
[= Bukan, bukan↑]

30 P1: *Ille what =*
Tidak apa =
Apa yang tidak =

31 J2: [= *Oree oru nimisam irungge, ore oru nimisam irungge ↑]*
[= Hanya satu minit tunggu, hanya satu minit tunggu↑]
[= Tunggu sebentar, tunggu sebentar ↑]

32 P1 : *Aadave ille =*
Menari tidak=
Langsung tidak menari=

33 J2 : [=*Ape unggale paarathunaa unggaluku pudiikum? Paarathulenaa, pudiikkulleenu sonna* -]
[= Maka, anda jika dipuji anda suka? Jika tidak puji, tidak suka berkata-]
[= Maka, kamu akan suka jika saya memuji kamu? Kalau tak suka -]

34 P1 : *Am I saying that ?=*
Saya berkata itu?=
Adakah saya beritahu sebegitu?=

35 J2 : [= *Ooree ooruu niimiisaam irunngge* =]
[= Hanya satu minit tunggu =]
[= Tunggu seminit=]

36 P1 : *Let"s quit*
Mari kita berhenti.
Mari kita berhenti. (Cuba keluar dari pentas)

37 J1 : *P2, vaa. Yaan emotion aahvuree?=*
P2, mari. Kenapa emosi jadi?=
P2, mari sini. Kenapa kamu beremosi?=

38 J2 : [= *SHALL I tell you something*?]
[= BOLEH SAYA cakap kamu sesuatu?]
[= Boleh saya memberitahu kamu sesuatu?]

((Semua terdiam))

University of Malaya

39 A2 : *J2, niingge* =
J2, anda =
J2, anda=

40 J2 : [= *Ille, ille. Oree ooru niimiisaam. Enakku enna tonnuto atheetan naa sollureen.*]
[= Tidak, tidak. Hanya satu minit. Saya apa terasa itu sahaja saya kata.]
[= Tidak, tidak. Tunggu seminit. Saya bagi tahu apa yang saya rasa sahaja]

Daripada data di atas, didapati bahawa juri pertama mahupun juri kedua tidak memberi peluang kepada P1 untuk bertutur ataupun menamatkan pertuturanya dan juga kerap menggangu gilirannya. Dalam keseluruhan teks data tersebut mereka telah mencelah giliran P1 dan P2 sebanyak 6 kali. Pada bahagian akhirnya, ini telah mengakibatkan P2 menangis dan P1 meninggalkan pentas apabila mereka disalahkan oleh J1. Ketidaksantunan kedua-dua juri ini telah mengancam muka peserta dalam rancangan realiti sehingga peserta menyerah diri kepada juri dan meninggalkan pentas serta tarik diri daripada pertandingan tersebut. Ini menunjukkan bahawa pasangan peserta yang terlibat menyakitkan diri sendiri akibat aksi pencelahan oleh kedua-dua juri yang mewujudkan suasana yang tidak hormat.

Ekstrak 26 : Dalam konteks ini, pasangan tarian adalah pasangan yang lebih tua daripada pasangan-pasangan yang lain. Pasangan ini agak sama umur dengan J1. Oleh itu, J1 tidak memberi peluang kepada P1 untuk bertutur kerana beliau takut bahawa P1 akan memberitahu umurnya kepada orang lain secara umum.

University of Malaya

S2:D14:B10-13

P1: *Naane senior na, J1, avungge nadikkure appe naa child artist =*
Saya sendiri tua kalau, J1, beliau lakon semasa itu saya budak kecil pelakon=
Kalau saya sendiri tua, semasa J1 berlakon, saya masih pelakon kanak-kanak lagi.

J1: [= *VAAYE: MUDU ↑ Athukkutaan paa support pannureen ↑ Yeen sonningge nu ((ketawa))*]
[= TUTUP : MULUT ↑ Untuk itu sokong saya buat↑ kenapa cakap ((ketawa))]
[= TUTUP : MULUT ↑ Itu sebab saya sokong awak↑ Kenapa cakap? ((ketawa))]

P1: *Ille, actually anthe katthiye nejamaave naa odaiceen: =*
Tidak , sebenarnya itu pisau betul-betul saya pecah:=
Tidak, sebenarnya saya yang benar-benar memecahkan pisau:=

J1: [= HEY ↑ HEY: ↑]
[= HEY ↑ HEY: ↑]

Melalui data di atas, J1 tidak memberi peluang kepada P1 untuk bertutur ataupun menamatkan pertuturanya dan juga sentiasa menggangu gilirannya. J1 sebenarnya, takut bahawa P1 akan memberitahu umurnya kepada orang lain secara umum. Tambahan pula, J1 juga telah menggunakan beberapa perkataan yang tidak santun dan menjadikan konteksnya menjadi tidak santun. Dalam keseluruhan teks data tersebut J1 telah mencelah giliran P1 sebanyak 3 kali. Aksi ancaman muka yang dilakukan oleh J1 ini telah menyebabkan P1 menyerah diri pada akhir ungkapan.

Ekstrak 27 : Dalam konteks ini, P2 cuba meluahkan perasaannya kepada juri dengan mengatakan ramai orang mengejek dan melumpuhkan motivasi mereka. Tetapi, J1 dan J2 tidak sabar untuk mendengar luahan P2, lalu memberi nasihat kepada P2.

University of Malaya

S2:D8:B6-11

P2 : *Actually, I want tell something. So many people here demotivated us. It totally demotivated me. I don't want =*

Sebenarnya, saya mahu beritahu sesuatu. Jadi banyak orang sini kurang mendorong kami. Itu secara jumlah kurang mendorong saya. Saya tidak mahu=

Sebenarnya, saya ingin memberitahu sesuatu. Ramai orang di sini kurang mendorong kami. Secara keseluruhannya, ini kurang mendorong saya. Saya tidak mahu=

J1 : [= *Ile, inthe timele P2, I want to tell something. Elarukume inthe matiri oru situation nadekum. BUT, anthe negative ninge positive ar maatenum* ↑]

[= Tidak, ini masa P2, saya mahu kepada cakap sesuatu. Semua orang ini macam satu situasi berlaku.TETAPI, itu negatif anda positif tukar ↑]

[= Tidak, pada masa ini P2, saya ingin memberitahu sesuatu. Situasi sebegini akan berlaku untuk semua orang. TETAPI, anda dikehendaki menukar sikap negatif itu kepada positif↑]

P2 ((Mengganguk)) Actually =
Sebenarnya =

J2 : [= *Enna piracanai ? Ninge panathule ungaluku confident irunthucule?*]
[= Apa masalah? Anda buatpunya anda yakin adakan?]
[= **Apa masalah? Anda mempunyai yakin dalam apa yang melakukan?]**

P2 : *Irunthatu:=*
Ada =
Ada =

J2 : [= *Ape yan mateungale pati kavale paduringe? Ninge vanthu oru visayem nalla purinjukonge ↑ Mateungale pati yen kavale paduringe ? (0.4) Ninge, 100 pheru vanthu ninge tooppingenu solurangena, ningetan number one nu artem↑ Athe mothe purinjiko*↑]

[= Kalau kenapa lain orang tentang susah hati buat? Anda datang satu perkara baik fahamkan↑ Lain orang tentang kenapa susah hati buat? (0.4) Anda, 100 orang datang anda kalah lain orang cakap, anda juga nombor satu maksud↑ Itu pertama fahamkan ↑]

[= Oleh itu, kenapa anda susah hati tentang orang lain? Anda fahamkan satu perkara dengan baik↑ Kenapa susah hati tentang orang lain? (0.4) Jika 100 orang mengatakan anda akan kalah, ia bermaksud andalah number satu↑ Anda fahamkan ithu dahulu↑]

P2 : *Ok.*
Baik.

University of Malaya

Data menunjukkan, J1 dan J2 tidak memberi peluang kepada P2 untuk meluahkan perasaan sepenuhnya. J1 dan J2 secara bergilir mencelah pada pertengahan ujaran P2. Ini mungkin disebabkan para juri ingin menjimatkan masa rakaman rancangan kerana luahan perasaan peserta bukan segmen dalam sesuatu rancangan realiti pertandingan tarian. Tambahan pula, nasihat yang diberi J1 dan J2 juga adalah secara tegas serta menunjukkan kuasa juri dalam pemberian nasihat kepada peserta rancangan. Dalam keseluruhan teks data tersebut J1 dan J2 telah mencelah giliran P2 sebanyak 3 kali. Aksi ancaman muka yang dilakukan oleh kedua-dua juri telah menyebabkan P2 memilih untuk menamatkan pertuturan dan tidak berminat untuk meluahkan lagi perasaanya kepada para juri berkenaan.

University of Malaya

4.1.2.2 Membangkit sesuatu topik yang lain atau menukar topik

Aksi ancaman ini menerangkan bahawa dengan menyatakan sesuatu, penutur memungkinkan pendengar enggan mendengar atau bertindak mempertahankan diri.

Ekstrak 28 : J2 sepatutnya memberi komen terhadap persembahan pasangan yang menari. Tetapi, dalam konteks ini J2 menanya soalan-soalan yang tidak berkaitan kepada P1 tanpa memberi komen kepada persembahan mereka.

S2:D21:B1-4

1 A2 : *Judge avungge performance patti ungge comment enna?*
Juri mereka persembahan tentang anda komen apa?
Juri apakah komen anda tentang persembahan mereka?

2 J2 : *Enna saapte, P1?*
Apa makan, P1?
Makan apa, P1?

3 P1: *Ippe vaalepalemtaan sapteen.*
Sekarang pisang sahaja makan.
Sekarang saya makan buah pisang sahaja.

4 J2 : *Apadiaayaa? Sari hair cut panniyaa?*
Ya ke? Baik rambut potong ke?
Oh begitu? Baik, ada gunting rambut?

Data ini menunjukkan bahawa J2, sengaja menukar tajuk yang lain yang tidak diingini dan tidak berkaitan dengan konteks semasa. J2, tidak menjawab soalan pengacara yang memintanya untuk memberi komen terhadap persembahan peserta. Tetapi, J2 dengan sengaja menanya soalan yang tidak berkaitan tanpa memberi komen kepada persembahan peserta yang terlibat itu. Soalan-soalan yang tidak menyenangkan oleh juri sepanjang perbualan tersebut merupakan pencetus ketidaksantunan. Lakuan

University of Malaya

ancaman muka oleh juri ini, telah menyebabkan peserta tersebut menggeleng kepala dan pandang ke arah lain dengan tujuan tidak ingin memberi respons kepada juri pada akhir perbualan.

Ekstrak 29 : J1 secara sengaja membuli P1 dengan menanya adakah dia sedang mencintai sesiapa.

S2:D4:B5-6

J1 : ((Ketawa)) *P1, yareyaaccum love pannuriyaa?*
P1, siapa-siapa cinta buatke?
P1, kamu ada cinta sesiapa?

((*Semua jerit*))

P1 : *Illeye: unggale paarta udan oru idea varuthu love pannenumnu:*
Tidak : anda lihat selepas satu idea mari cinta boleh buat:
Saya tiada niat untuk bercinta: sehingga melihat anda:

((Semua ketawa))

Berdasarkan data di atas, J1 telah membangkitkan sesuatu topik yang tidak diingini dalam sesuatu rancangan realiti. Lagipun, dalam konteks ini J1 telah menyentuh isu yang agak sensitif dan hal peribadi tanpa memberi komen untuk persembahan tarian pasangan mereka. J1 menyoal P1 bahawa '*yareyaaccum love pannuriyaa?"* iaitu bermaksud adakah dia sedang mencintai sesiapa. Ini memang suatu topik yang tidak diingini dalam sesuatu rancangan realiti tarian. Melalui teks perbualan data di atas, ia jelas menunjukkan bahawa J1 dengan sengaja ingin membuli P1 dalam kalangan orang ramai. Ini telah mengancam muka peserta tersebut dalam konteks ini sehingga peserta

University of Malaya

itu cuba mempertahankan diri dengan menjawab soalan J1 dengan mengatakan bahawa dia tiada niat untuk bercinta sehingga jumpa J1. Ini telah membuktikan bahawa J1 telah mengancam muka peserta tersebut.

4.1.2.3 Memulakan perbuatan yang tidak diminta

Melalui hasil dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa juri rancangan realiti ini memulakan perbualan dengan beberapa perbuatan yang tidak diminta seperti ketawa, senyap, menanya soalan, mengalih perhatian kepada peserta lain, menunduk kepala ke bawah dan sebagainya. Biasanya, soalan-soalan yang diaju itu boleh mengancam muka peserta di mana soalan-soalan itu akan menjadi soalan yang tidak boleh dijawab oleh peserta. Beberapa contoh data yang menunjukkan juri mengancam muka peserta dengan memulakan perbuatan yang tidak diminta adalah seperti berikut:-

a) Jenis permulaan unsur ketawa

Ekstrak 30 : J1 langsung tidak suka akan persembahan P2. J1 mengatakan persembahan seorangpun dalam kumpulan itu tidak menarik dan tidak memuaskan. J1 berasa pelik dan ketawa terhadap persembahan P1.

S8:E2:D5:B2

J1: *((Ketawa beberapa saat)) Is it a joke? (.) This performance?*
Adakah itu joke? (.) Ini persembahan?
Adakah ini merupakan satu jenaka?(.) persembahan ini?

University of Malaya

Mengikut data ini, pada mulanya juri memulakan pertuturan sambil ketawa untuk beberapa saat. Tetapi, pada saat seterusnya juri telah menjadi tegas dan marah terhadap peserta yang terlibat. Ini mungkin disebabkan juri tidak berpuas hati dengan hasil persembahan pasangan ini. Penukaran emosi secara spontan oleh juri ini mengancam muka peserta. Setelah beberapa kontrovasi mengambil giliran dalam perbualan mereka, akhirnya salah seorang peserta daripada pasangan itu telah berjalan keluar meninggalkan pentas ketika J1 masih bertutur.

b) Jenis permulaan yang mengandungi unsur soalan.

Ekstrak 31 : J1 mendapati pasangan berkenaan tidak memberi persembahan yang menarik. Pergerakan tarian amat kurang dalam persembahan pasangan ini.

S8:E13:D5:B1-3

A2 : *J1, unggeloode comments please.*
J1, anda punya komen tolong.
J1, tolong beri komen anda.

J1 : *Where is the dance? Romantic round taan: romantic aar dance taan paanenumnu kettoom, niingge <u>romance se</u> pandriingge: dance engge?*
Mana itu yang tarian? Percintaan pusingan kan: Secara percintaan tarian kena buat kita minta, anda percintaan buat : tarian mana?
Di mana tariannya? Ya ini pusingan konsep cinta: kami minta untuk menari dengan penuh kasih sayang, kamu berdua bercinta: Tetapi, mana tarian?

P1 : ((*Cuba memujuk J1*)) *Next time niraayaa dance poodureen J1.*
Lain kali banyak tarian saya buat J1.
Lain kali saya cuba buat banyak pergerakan tarian J1.

University of Malaya

Berdasarkan data di atas, J1 memulakan pertuturan dengan perbuatan yang tidak diminta, iaitu bertanya soalan kepada pasangan ini. J1 merasa pergerakan tarian adalah amat kurang dalam persembahan pasangan ini dan mendapati persembahannya tidak begitu menarik. Oleh itu, J1 memulakan pertuturan dengan menanya soalan pada pasangan tarian tersebut. J1 tidak berpuas hati dengan persembahan dan menanya mana tarian dalam persembahan mereka padahal ini adalah suatu rancangan realiti tarian. Soalan yang ditanya oleh J1 telah mengancam muka pasangan tarian ini sehingga P1 cuba memujuk J1 dan mengatakan bahawa mereka akan menambahkan lebih banyak gerakan tarian pada pusingan akan datang.

4.1.2.4 Memberi komen buruk

Pertuturan yang tidak sopan seperti kekurangan sokongan kehakiman menyebabkan ancaman muka seperti terkejut, keliru dan melumpuhkan motif dan niat. Ini menyebabkan seseorang itu menjadi malu dan kurang berkomunikasi. Maka, pemberian komen yang buruk dengan perkataan-perkataan yang kurang sopan boleh mengancam muka peserta.

Ekstrak 32 : Tarian pasangan ini begitu agresif dan dahsyat. Untuk itu, J1 memulakan komennya dengan mengatakan P1 menari bagai hantu.

S8:E24:D3:B1

J1 : *P1, ave sonne maatiri nii peeyu:*
P1, dia cakap macam awak hantu:
P1, awak ialah hantu: seperti yang diberitahu oleh dia.

P1 ((Terperanjat))

University of Malaya

Daripada data di atas, didapati juri memberi komen yang buruk terhadap persembahan peserta tersebut. Juri mengatakan bahawa peserta itu menari bagai hantu. Frasa '*nii peeyu*‟ dalam teks data di atas bermaksud 'awak hantu‟. Kritikan tajam ini adalah salah satu pencetus ketidaksantunan. P1 terperanjat apabila mendengar komen ini kerana secara tiba-tiba mukanya telah terancam oleh juri dalam rancangan realiti. Namun begitu, P1 masih berdiam tanpa memberi sebarang respons kerana mungkin P1 cuba menjaga mukanya.

Ekstrak 33 : J2 memberi amaran kepada pasangan peserta yang melukakan diri sendiri atas kecuaian yang dilakukan dalam persembahan tarian mereka.

S5:D5:B9

J2: *Another thing is glass kuude eppayumee, sugar glass aar irunthaalum veere enthe glass aar irunthaalum it"s<u>VERY VERY DANGEROUS</u>↑ DON"T(.) <u>DON"T PLAY WITH THAT</u>↑ <u>DON"T EVER</u>attempt this kind of stupid things↑*

Lagi satu perkara adalah cermin bersama bila-bila masa, gula kaca adapun lain mana-mana kaca adapun yang itu <u>SANGAT SANGAT BAHAYA</u>↑JANGAN (.) <u>JANGAN MAIN DENGAN ITU</u>↑ JANGAN PERNAH cuba ini jenis daripada bodoh perkara-perkara↑

Satu lagi perkara adalah selalunya dengan kaca, mahupun kaca gula ataupun mana-mana kacapun itu adalah <u>AMAT AMAT BAHAYA</u>↑JANGAN (.) <u>JANGAN MAIN DENGAN ITU</u>↑ <u>JANGAN SEKALIPUN</u> buat perkara-perkara bodoh sebegini ↑

P1 dan P2 ((Mengangguk dengan melihat ke bawah))

University of Malaya

Berdasarkan data di atas, J2 begitu marah dan tidak berpuas hati dengan persembahan pasangan tarian berkenaan. J2 memberi amaran kepada pasangan tarian ini dengan menggunakan perkataan yang tidak santun. Secara tidak langsung, J2 mengatakan bahawa pasangan ini telah melakukan perkara yang bodoh dalam rancangan realiti. Tambahan pula, J2 dengan tegas menjerit pada pasangan ini ketika memberi komennya. Ini telah menyebabkan P1 dan P2 hanya mendiamkan diri serta memberi respons kepada J2 dengan mengangguk kepala sahaja. Melalui ini, jelas terbukti bahawa J2 telah mengancam muka pasangan tersebut dengan memberi komen yang buruk kepada kelakuan mereka.

University of Malaya

Ekstrak 34 : J1 tidak begitu berpuas hati dengan persembahan pasangan berkenaan. Beliau menunjukkan ketidakpuasanya dengan memberi komen yang buruk.

S2:D24:B3-5

A2 : *Ok. J1 ungge karuttu?*
Baik. J1 anda punya pandangan?
Baik. J1 apakah pandangan anda?

J1 : *Enaakku vantthu: Ok fine. Intthe songle to be very frank, enakku verre etthumee pudikkulle. I wanted to find something. The concept was NOT THAT intresting ↑ Aavallavu intresting ar enakku padulle. That one mistake naa first paattatu. I felt oree step vantthu you repeating it too much. Energy good. But, atthu illame enakku ungge concept pudikkatthunaale, intthe particular performance le dance roombe kammiya iruntthattu. So, I just called it (.) It is not your best performance ↑ It's a very worst performance.*

Bagi saya: Ok baik. Ini dalam lagu kepada mnejadi lebih terus terang, untuk saya lain apa-apa. Saya hendak kepada mencari sesuatu. Yang konsep adalah TIDAK ITU menarik↑ Begitu menarik bagi saya tidak rasa. Itu satu kesilapan saya pertama lihat. Saya rasa satu langkah datang kamu berulang itu terlalu banyak. Tenaga bagus. Tetapi, itu bukan bagi saya kamu berdua punya konsep sebab tidak suka, ini tertentu dalam persembahan tarian banyak kurang ada. Jadi, saya hanya panggil itu (.) Itu adalah bukan kamu punya terbaik persembahan↑ Itu adalah satu sangat teruk persembahan.

Bagi saya: Ok baik. Untuk menjadi lebih terus terang, saya tidak suka apa-apa dalam lagu ini. Saya hendak cari satu. Konsep itu TIDAK BEGITU menarik Saya tidak rasa begitu menarik. Itu adalah satu kesilapan yang pertama saya melihat. Saya rasa kamu mengulang lebih banyak kali satu langkah. Tenaga bagus. Tetapi, bukan itu sahaja kerana saya tidak suka konsep kamu, terutamanya dalam persembahan tertentu ini, tarian kamu sikit sahaja. Jadi, saya hanya memanggil itu (.) Ini bukan persembahan kamu yang terbaik↑ Itu adalah satu persembahan yang sangat buruk.

P1 ((Mengganguk kepala))

University of Malaya

Berdasarkan data di atas, J1 tidak berpuas hati dengan persembahan pasangan tarian berkenaan. J1 mengatakan bahawa beliau tidak suka semua dalam persembahan mereka serta mengatakan bahawa persembahan pasangan berkenaan tidak begitu menarik. Pertuturan kurang santun J1 yang mengatakan bahawa persembahan pasangan tersebut adalah satu persembahan yang sangat teruk telah menyebabkan kekurangan sokongan kehakiman serta melumpuhkan motif pasangan tersebut. Ancaman muka yang dilakukan oleh juri telah menyebabkan P1 mendiamkan diri dan hanya mengangguk kepala sahaja. Ini menunjukkan bahawa J1 telah mengancam muka pasangan tersebut dengan memberi komen yang buruk terhadap persembahan mereka.

Ekstrak 35 : J1 tidak berpuas hati dengan persembahan pasangan berkenaan.
Beliau berpendapat bahawa mereka tidak layak menjadi sebagai penari.

S2:D11:B1-3

P1 : *Judges, enggeelodee dance epaadi irunthuucuu?*
Para juri, kami punya tarian macam mana ada?
Para juri, bagaimana tarian kami?

J1 : *Ar? Naange ungaale jodiyavee seerkeleye. Ningee yan teeve ilamaa aaduringe?*
Ar? Kami kamu berdua sebagai pasangan tidak campur? Kamu berdua kenapa perlu tidak menari ?
Kami tiada menerima kamu berdua sebagai pasangan. Kenapa kamu berdua menari tanpa alasan?

P1 : *It''s ok:: it''s ok*
Tak pe:: tak pe.
Baiklah:baik.

University of Malaya

Data di atas menunjukkan bahawa J1 tidak berpuas hati dengan persembahan pasangan tarian berkenaan. J1 mengatakan bahawa pasangan tersebut tidak diambil kira sebagai penari saingan dan menyoal apa tujuan mereka menari sia-sia sebegini. Ini merupakan satu komen yang teruk daripada juri profesional. Klausa *ungale jodiyave serkeleye,* merupakan sesuatu komen yang sangat memalukan pasangan tersebut. Tambahan pula, ujaran juri '*yan teve ilama aaduringe"* juga merupakan satu lagi komen yang teruk terhadap persembahan pasangan tersebut dimana juri mengatakan bahawa mereka menari secara sia-sia tanpa sebarang tujuan. Ini menunjukkan bahawa J1 telah mengancam muka pasangan tersebut dengan memberi komen yang buruk terhadap persembahan mereka. Kritikan tajam ini telah menjadi pencetus ketidaksantunan. Manakala, ancaman muka yang dilakukan oleh juri telah menyebabkan P1 terpaksa menjaga mukanya dengan menerima apa yang dikatakan oleh J1 dan terus mendiamkan diri.

University of Malaya

Seterusnya, pengkaji menggunakan dapatan kaedah temu bual untuk menjustifikasikan hasil dapatan persoalan kajian yang kedua, iaitu untuk mengenal pasti bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti yang dipilih. Berikut adalah, rumusan dapatan temu bual kajian ini.

4.2 Dapatan Temu bual

RQ 2 : Bagaimanakah ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti mengancam muka peserta?

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa keenam-enam responden yang terlibat dalam kajian ini adalah penonton rancangan realiti yang dipilih. Temu bual dijalankan selepas penganalisaan data bagi persoalan kajian kedua. Pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada penonton rancangan tersebut untuk menjustifikasi dapatan kajian. Pengkaji mendapat pelbagai respons daripada enam orang responden ini. Kesemua responden menyatakan bahawa memang wujudnya ujaran ketidaksantunan dalam pertuturan juri dalam rancangan realiti ini. Lima orang responden mengatakan harapan tinggi juri terhadap peserta menjadi salah satu punca yang menyebabkan ketidaksantunan juri. Menurut kesemua responden juri akan menjadi lebih tidak santun jika peserta tidak memberi persembahan yang baik, lengkap serta sempurna.

Empat orang responden pula mengatakan ketidakpuasan menjadi satu punca ketidaksantunan juri dalam rancangan realiti. Ia terbukti dengan kenyataan- kenyataan responden kajian seperti di bawah.

University of Malaya

Responden 1 : *... Adutthe padiiyaaga, aavunggellode perfomancele vantthu aavunggallukku vantthu(.) arr ...they may not be satisfied. Yenna aavungge ettirpaartaatu onnu, ooru ettirpaarpudan vaanthuruppange aana angge vantthu paarkkum pollutthu, atthu rombee:saatterenemanettagee irukkum.*

... Seterusnya, mungkin juri tidak berpuas hati dengan persembahan peserta. Kerana mungkin harapan juri lain daripada apa yang disembahkan oleh peserta.

Responden 2 : *... Also, judges high expectation oode vanttereppange. Aanaal performance etthirpaarthee allavukku illemal irekkelaam.*

… Juri juga tidak berpuas hati dengan persembahan peserta kerana mungkin harapan juri lain daripada apa yang dipersembahkan oleh peserta.

Responden 3 : *... Judges elame perfect ar irukenum,performance nala irukanum, mulumaiya irukanum nu eethir paapange. Appadi avunge ethirpathe performance illana eesathan seivange.*

… Apabila para peserta tidak memberi kepuasan kepada barisan juri-juri, ia akan menimbulkan dan meningkatkan kemarahan mereka.

Responden 5 : *... antthe kurippatte naaleyo ille performanceleyo judges ettirpaartaate dancers naale koodukkemudillena, judges kadumaiyaana solle payeenpadutthi esiraangge.*

… Kegagalan penari itu dalam menunjukkan persembahan yang baik pada hari itu ataupun dalam sesuatu persembahan tertentu akan menyebabkan para juri memarahi penari-penari berkenaan dengan perkataan yang tidak santun.

University of Malaya

Sementara itu, tiga orang responden menyatakan ketidaksantunan juri disebabkan oleh peserta yang tidak berdisiplin yang memberi pelbagai alasan apabila gagal memberi persembahan yang baik. Responden-responden ini juga menyatakan jika terdapat peserta sebegini, juri akan memberi komen secara tidak santun dan menghina peserta dengan menggunakan bahasa yang tidak santun dan tidak sesuai di khalayak orang ramai. Kesemua responden berpendapat bahawa terdapat pelbagai cara atau teknik yang boleh menimbulkan situasi tidak hormat oleh juri dalam rancangan realiti yang dipilih. Salah satu cara yang diberitahu oleh kesemua responden ialah pencelahan juri di mana juri bercampur masuk pada pertengahan ujaran peserta. Kesemua responden berpendapat bahawa pencelahan juri pada pertengahan ujaran peserta menjadi satu cara yang boleh menimbulkan situasi tidak hormat. Perkara ini terbukti dengan kenyataan responden- responden seperti di bawah.

Responden 1 : ... *Naduvulle vantthu avungge puntthu pesuraatthu, allathu vantthu topic ke maatiruvangge.*

... Mereka akan menanya soalan, tetapi soalan tersebut sebelum dijawab oleh peserta akan dicelah oleh juri semula.

Responden 2 : ... *Batthil sollrathelke minnu judges interrupt pannevangge illati vere topic marevaangge.*

... **Juri akan campur masuk atau menukar topik lain.**

Responden 3 : ... *Participants battil solluratthukkule judges interrupt panni avungge pesuvangge.*

... Juri campur masuk pada pertengahan ujaran

University of Malaya

Responden 4 : ... *Panggettpapaaller avangallodeh karutthu soolumpotthu ivangge idaiyooru seivaange.*

... Juri juga mencelah pertengahan ujaran peserta apabila peserta memberi ujaran mereka.

Responden 5 : ... *Rombe moosemanaa onnu paartingenaa judges vantthu naagariggam illama participants pesikkitu irukkumpotthu nadulle nadulle vantthu ivungge pesuratthu.*

... Jika anda lihat cara yang paling teruk adalah para juri dengan tidak bertamadun mencelah pada pertengahan pertuturan peserta.

Responden 6 : ... *Dancers peesum botthe, naduvulle avenggele cut panni mariyaathai illamel komen pannuvate.*

... Memberi komen secara tidak santun, menghina peserta menggunakan bahasa yang tidak santun, mencelah pertuturan peserta.

Seterusnya, empat daripada responden kajian mengatakan ketidaksantunan juri juga boleh dikesan apabila juri dengan sengaja menukar topik lain daripada topik yang sepatutnya dibicarakan. Melalui temu bual ini, dua orang responden menyatakan bahawa juri menimbulkan situasi kurang santun dengan menanya soalan atau pendapat peserta sebelum memulakan komenya. Kedua-dua responden ini mengatakan bahawa kadang-kala juri langsung tidak memandang muka peserta malah, mereka memberi komen dengan memandang ke arah atas atau bawah. Selain itu, empat orang responden memberitahu bahawa pertuturan juri yang dimulakan dengan ketawa juga mengancam muka peserta dalam rancangan realiti.

University of Malaya

Tambahan pula, kesemua responden mengatakan komen yang buruk daripada juri boleh mengancam muka peserta dan boleh menyakitkan hati peserta. Responden mengatakan bahawa kadang kala peserta rancangan berdiri dengan penuh malu dalam rancangan realiti. Misalnya, berdiri dengan menundukan kepala. Ini boleh menyebabkan peserta kehilangan motivasi diri serta tidak bersemangat untuk meneruskan episod-episod seterusnya. Enam orang responden pun mengatakan bahawa kita boleh melihat kesemua ini melalui reaksi muka peserta dan melalui tindak balas mereka. Ini akan mengakibatkan peserta kelihatan sangat bimbang dan amat sedih. Pengkaji mendapati ini merupakan satu hal yang paling penting dibincangkan kerana muka peserta akan menjadi sebagai fokus atau tumpuan dalam sesuatu rancangan realiti.

Di samping itu, lima orang responden pula mengatakan bahawa peserta mungkin menangis ataupun beredar dari pentas apabila muka mereka terancam oleh ketidaksantunan juri. Dalam keadaan sebegini, ada kalanya peserta cuba mempertahankan diri daripada komen juri. Mereka menambah lagi, apabila peserta dimalukan oleh juri dalam rancangan realiti, peserta mencabar diri sendiri untuk memberikan yang terbaik pada episod akan datang. Namun, terdapat segelintir peserta yang mendiamkan diri ataupun tidak menjawab apa-apa soalan juri dan menunjukkan muka sedih. Selain itu, tiga orang responden mengatakan pemberian komen secara langsung juga menyebabkan tahap ketidaksantunan yang digambarkan menjadi nyata dan terbukti bahawa berlakunya ancaman muka terhadap peserta. Ini terbukti dengan kenyataan para responden seperti di bawah.

University of Malaya

Responden 3 : *... Sila judges appadiye muggathule adicce mattiri direct ah ve comments kodutthu eesuvangge.*

... Ada pula juri yang memberi komen secara langsung iaitu direct sehingga mengancam air muka peserta.

Responden 4 : *... Netthipatthi sila nerrattula „direct"ah avanggeh karuttai solluvange.*

... Ada juri memberi komen secara langsung.

Responden 5 : *... Rombe direct aahne comment ne munjulle adaicee matiri sollitu poiruvaangge.*

... Memberi komen secara langsung sehingga ia mengancam muka peserta.

Manakala, dua orang responden pula menyatakan bahawa bahasa badan (body language) juri seperti menggeleng kepala dan membuang pen di atas meja dalam rancangan realiti boleh mengancam muka peserta.

Dapatan temu bual ini, membolehkan pengkaji dapat mengesan corak bagaimana ketidaksantunan juri mengancam muka peserta dalam rancangan realiti. Sehubungan itu, pengkaji telah merumuskan bahawa ketidaksantunan juri seperti menggangu giliran peserta, menukar topik lain yang tidak berkaitan, memberi komen, melakukan perbuatan yang tidak diingini seperti ketawa, menyoal soalan yang sensitif atau soalan yang tidak boleh dijawab dalam rancangan realiti mengancam muka peserta dalam rancangan realiti yang dipilih untuk kajian ini. Kaedah temu bual ini telah membantu pengkaji untuk menjusfikasikan hasil penganalisaan data bagi persoalan kajian kedua. Sementara itu, borang temu bual dan hasil temu bual seperti yang dilampirkan telah membuktikan kebolehpercayaan kajian ini. Pengkaji telah merumuskan hasil dapatan temu bual seperti dalam Rajah 4.2.

University of Malaya



Rajah 4.2 : Hasil dapatan temu bual

University of Malaya

4.3 Penutup

Bab ini telah membincangkan dapatan kajian secara perinci mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Hasil dapatan kajian ini sangat berguna bagi mengenal pasti strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti dan bagaimana ketidaksantunan juri mengancam muka peserta. Secara keseluruhannya Bab 4 ini telah memaparkan dapatan analisis kajian terhadap strategi ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti.

University of Malaya

BAB 5

PERBINCANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kesimpulan berdasarkan hasil dapatan kajian. Bahagian awal adalah rumusan mengenai kajian berdasarkan persoalan kajian di dalam Bab 1. Perbincangan yang telah dihuraikan di dalam Bab 4, dirumuskan di dalam bab ini untuk mendapatkan suatu kesimpulan yang sesuai dan jitu. Perbincangan dibuat berdasarkan analisis secara kualitatif. Dapatan kajian ini dibanding dan dibezakan dengan dapatan kajian lampau yang telah dibentangkan dalam kajian literatur.

5.1 Perbincangan

Perbincangan mengenai kajian adalah merujuk kepada hasil analisis data yang telah dilaksanakan di dalam bab 4. Berdasarkan persoalan kajian di dalam bab 1, maka penulisan telah memberi fokus kepada strategi ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti yang dipilih. Kajian ini berdasarkan teori Culpeper (2005) yang menganalisis strategi ketidaksantunan bahasa juri daripada 3 'season‟ rancangan realiti berbahasa Tamil. Strategi-strategi ketidaksantunan dianalisis dalam setiap teks data rakaman yang ditranskrip dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Hasil kajian dibincangkan dalam bahagian ini berdasarkan dua persoalan kajian seperti berikut:-

i. Apakah strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti?
ii. Bagaimanakah ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti mengancam muka peserta?

University of Malaya

5.1.1 Strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti.

Perbincangan ini adalah bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu apakah strategi ketidaksantunan bahasa yang digunakan oleh juri rancangan realiti? Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat lima strategi ketidaksantunan bahasa yang digunakan oleh juri rancangan realiti yang dipilih. Kelima-lima strategi ketidaksantunan itu berdasarkan teori Culpeper (2005). Lima strategi ketidaksantunan yang dikenal pasti dalam data rakaman video rancangan realiti yang dipilih adalah ketidaksantunan negatif, ketidaksantunan positif, strategi menahan kesantunan, strategi bald on-rekod dan strategi olok-olok.

Strategi ketidaksantunan negatif didapati wujud dalam jumlah yang tertinggi dalam kajian ini, iaitu sebanyak 35% dan diikuti oleh strategi ketidaksantunan positif sebanyak 26%. Kewujudan strategi menahan atau sembunyi kesantunan dikenal pasti dalam jumlah yang sangat kurang, iaitu hanya 9% sahaja. Maka, didapati penggunaan strategi ketidaksantunan negatif mendominasi kajian ini. Juri lebih banyak menggunakan strategi ketidaksantunan negatif dengan penggunaan beberapa perkataan yang tidak sesuai dan tidak santun dalam pertuturan yang diujarkan. Juri menggunakan strategi ketidaksantunan negatif untuk merosakkan keperluan muka negatif pendengar.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan dapatan kajian Culpeper (1996) di mana penggunaan strategi direka untuk melihat impak negatif yang mempunyai sentuhan sosial. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pihak yang berkuasa lebih cenderung untuk menggunakan perkataan-perkataan yang tidak santun. Dalam kajian ini pihak yang berkuasa adalah juri rancangan realiti. Struktur ayat segala arahan yang diberi oleh juri kepada peserta rancangan adalah dalam bentuk tidak

University of Malaya

santun. Ini menunjukkan persamaan dengan kenyataan Leech (1983) yang menyatakan sesetengah ujaran seperti arahan adalah dengan semula jadi nampak tidak santun. Ini juga bersamaan dengan dapatan kajian Lakoff (1989); Penman, (1990) di mana ketidaksantunan berlaku di dalam situasi yang tidak seimbang dari segi kuasa seperti dalam mahkamah. Manakala, melalui penggunaan strategi ketidaksantunan *bald on-record* didapati juri lebih langsung dalam pemberian komen kepada peserta rancangan. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggabungan partikel '*-ngge*‟ kepada sesuatu perkataan dalam bahasa Tamil akan membawa maksud yang santun.

5.1.2 Ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti yang mengancam muka peserta.

Perbincangan ini adalah bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu, bagaimanakah ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti mengancam muka peserta? Berdasarkan dapatan kajian ini, juri rancangan realiti mengancam muka peserta dengan mengganggu giliran penutur, iaitu mencelah pertuturan peserta rancangan serta mewujudkan suasana yang tidak hormat. Seterusnya, juri juga mengancam muka peserta dengan membangkitkan topik yang tidak diingini tanpa memberi komen kepada persembahan mereka. Juri sengaja menanya soalan yang tidak berkaitan dengan pertandingan kepada peserta-peserta rancangan realiti berkenaan. Berikutan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa soalan-soalan yang tidak menyenangkan oleh juri menjadi pencetus ketidaksantunan.

University of Malaya

Seterusnya, dapatan kajian untuk persoalan ini menunjukkan bahawa juri rancangan realiti yang dipilih mengancam muka peserta dengan memulakan perbuatan yang tidak diminta seperti ketawa, senyap, menyoal, menunduk kepala serta mengalihkan perhatian kepada peserta lain. Hasil dapat kajian menunjukkan bahawa ancaman muka yang dilakukan akibat ketidakpuasan juri dengan hasil persembahan pasangan ini. Penukaran emosi secara spontan oleh juri telah mengancam muka peserta rancangan. Tambahan pula, juri mengancam muka peserta dengan memberi komen yang buruk terhadap mereka. Kritikan yang tajam menjadi salah satu pencetus ketidaksantunan dalam kajian ini.

Selain itu, dapatan temu bual bagi persoalan kajian menunjukkan empat orang responden mengatakan ketidaksantunan juri boleh dikesan apabila juri dengan sengaja menukar topik daripada topik yang sepatutnya. Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden berpendapat bahawa pencelahan juri pada pertengahan ujaran peserta menjadi satu lakuan mengancam muka peserta serta menimbulkan situasi tidak hormat. Mereka juga telah menyatakan bahawa komen yang buruk oleh juri mengancam muka peserta sehingga menyakitkan hati peserta tersebut. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa juri mengancam muka peserta dengan perbuatan yang tidak diingini seperti ketawa, menanya soalan yang sensitif di mana soalan itu tidak dapat dijawab oleh individu berkenaan dalam sesuatu rancangan realiti. Pendek kata, dapatan temu bual telah menjustifikasikan hasil penganalisaan data bagi persoalan kajian kedua.

Kesemua ini menunjukkan persamaan dengan kenyataan dan dapatan kajian-kajian lepas. Misalnya, dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kenyataan Goffman (1967) yang menyatakan bahawa ketidaksantunan dalam perbualan berhubung kait dengan penyerangan muka dan pertelingkahan atau ketidaksantunan berbahasa pula

University of Malaya

akan wujud sekiaranya raut wajah dinilai secara negatif oleh penutur atau pendengar. Selain itu, dapatan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Arundale (2013), iaitu penilaian terhadap muka menjadi salah satu karakter untuk membentuk konsep terhadap muka sebagai satu imej sosial. Akhirnya, dapatan kajian ini berkait rapat dengan kajian Spencer-Oatey (2002) yang menyatakan "quality face" merupakan sifat atau keinginan seseorang yang mengharapkan orang lain menilai mereka secara positif tanpa mengambil kira isu peribadi.

5.2 Penutup

Bab ini mengandungi penjelasan dan tafsiran hasil dapatan. Bab ini telah membincangkan hasil dapatan kajian dan penemuan berhubung dengan dapatan yang telah diperoleh. Perbincangan adalah berdasarkan hasil daripada analisis data yang diperoleh daripada Bab 4.

University of Malaya

BAB 6

KESIMPULAN

6.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan rumusan hasil kajian. Bab ini juga terkandung dengan implikasi dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan. Pada akhir bab ini, diberikan beberapa cadangan bagi kajian selanjutnya yang boleh dikaji oleh pengkaji masa hadapan.

6.1 Rumusan Kajian

Berdasarkan analisis dan perbincangan dalam tajuk-tajuk sebelumnya, dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah mencapai objektifnya dengan jaya mengkaji ketidaksantunan bahasa juri rancangan realiti. Kerangka teori, kaedah dan alat pengukur yang digunakan dalam kajian ini sesuai serta membantu pengkaji mendapatkan hasil yang diperlukan. Melalui penganalisisan data, dapat dirumuskan bahawa juri-juri rancangan realiti yang dipilih memang menggunakan strategi ketidaksantunan yang dikembangkan oleh Culpeper (2005) dalam pertuturan mereka. Walaupun kewujudan semua jenis strategi ketidaksantunan dikenal pasti dalam rakaman video rancangan realiti yang dipilih, didapati strategi ketidaksantunan negatif wujud secara dominan dalam data kajian ini. Melalui kajian ini juga, mendapati seseorang yang lebih berkuasa mempunyai kebebasan untuk menjadi tidak santun, kerana dia boleh mengurangkan kebolehan peserta yang kurang berkuasa untuk berkomunikasi secara tidak santun.

University of Malaya

Manakala, teori Goffman (1967) berserta set strategi dan model pencetus ketidaksantunan Culpeper (2016) telah membantu pengkaji untuk mengenal pasti dan menghuraikan bagaimana ketidaksantunan bahasa juri mengancam muka peserta yang terlibat dalam rancangan realiti yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan ancaman muka yang dilakukan oleh juri rancangan realiti telah menyebabkan mangsa ada kalanya menyerah diri kepada juri, meninggalkan pentas, tarik diri daripada pertandingan, menunjukkan muka masam, menunduk kepala ke bawah serta mendiamkan diri tanpa memberi sebarang respons kepada juri. Kesemua ini telah membuktikan bahawa ketidaksantunan bahasa juri telah mengancam muka peserta rancangan realiti yang dipilih. Ia amat berguna kepada para pembaca kerana melalui kajian ini, pembaca dapat mengesan corak bagaimana ketidaksantunan juri mengancam muka peserta dalam sesuatu rancangan realiti.

6.2 Implikasi Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mencapai objektif kajian, iaitu telah mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti. Berdasarkan analisis dapatan yang telah dijalankan, didapati kajian ini dapat memberikan pelbagai implikasi yang positif ke atas beberapa organisasi utama. Kajian ini memberikan pendedahan mengenai setiap strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri rancangan realiti kepada pengkaji. Manakala, bagi para pembaca pula pendedahan ini meningkatkan kefahaman mereka untuk memahami jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh seseorang juri rancangan realiti untuk mewujudkan suasana yang tidak hormat. Aksi-aksi ancaman muka daripada teori Goffman (1967) juga memberi pendedahan kepada pembaca, bagaimana ketidaksantunan bahasa juri boleh mengancam muka peserta dalam sesuatu

University of Malaya

rancangan realiti. Selain itu, kajian ini memberi pengenalan kepada pembaca bahawa rancangan realiti menjadi bagai satu agen yang tepat, mudah dan paling sesuai untuk mendedahkan ketidaksantunan bahasa juri kepada masyarakat.

Pengetahuan teori Culpeper (2005) dan Goffman (1967) dalam kajian ini membuka minda masyarakat terhadap penggunaan strategi ketidaksantunan dalam pertuturan harian. Manakala, hasil dapatan temu bual memberi gambaran yang jelas kepada para pembaca tentang corak bagaimana ketidaksantunan juri mengancam muka peserta dalam sesuatu rancangan realiti. Tambahan pula, hasil kajian ini telah menjadi panduan kepada para pengkaji lain untuk melakukan kajian lanjutan mengenai topik ketidaksantunan serta boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain yang ingin melaksanakan kajian secara kualitatif.

Hasil kajian ini juga amat berguna untuk bidang bahasa Tamil. Ini kerana, kajian ini merupakan kajian pertama yang mengkaji strategi ketidaksantunan berdasarkan bahasa dan aspek linguistik dalam rancangan realiti yang menggunakan bahasa Tamil. Berikutan itu, kajian ini memberikan manfaat dan pendedahan yang agak baharu kepada bahasa Tamil. Secara tidak langsung, kajian ini menjadi panduan untuk mengelakkan ketidaksantunan bahasa dalam sesuatu rancangan realiti dan mengamalkan penggunaan bahasa yang santun pada masa yang akan datang agar menimbulkan konteks yang harmoni. Di mana hasil kajian ini membawa perubahan dalam diri pembaca dengan mengamalkan prinsip kesantunan dalam pertuturan harian dan mengelakkan dirinya daripada menggunakan perkataan-perkataan yang tidak santun. Dengan itu, pembaca akan lebih berwaspada dalam bahasa yang digunakan ketika bertutur dengan orang lain. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan pertelingakahan atau perselisihan faham

University of Malaya

dalam kalangan masyarakat dan mewujudkan masyarakat yang lebih sejahtera dan harmoni.

Akhirnya, hasil kajian ini menyedarkan pihak organisasi rancangan realiti tentang strategi ketidaksantunan dan betapa pentingnya kita harus mengelakkan aksi ancaman muka serta ketidaksantunan bahasa dalam sesuatu rancangan realiti. Maka, sudah tentunya kajian ini akan menjadi panduan kepada pengkaji bidang-bidang lain dari segi aspek strategi ketidaksantunan bahasa.

6.3 Cadangan Kajian Masa Depan

Skop kajian ini adalah mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti. Dengan itu, kajian ini berfokus pada strategi ketidaksantunan dan ancaman muka yang dilakukan oleh juri rancangan realiti berkenaan. Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan kepada penyelidik lain untuk membuat kajian lanjutan berdasarkan aspek yang telah dibincangkan. Cadangan diutarakan bagi memberi manfaat dan impak kepada semua pihak yang terlibat. Cadangan masa depan yang pengkaji ingin berikan adalah agar melakukan kajian lanjutan dalam aspek ketidaksantunan pura-pura ataupun paksaan. Untuk mengkaji dengan lebih perinci, pengkaji akan datang boleh menjalankan kajian lanjutan terhadap strategi ketidaksantunan yang digunakan untuk mengenal pasti ketidaksantunan olok-olok dalam rancangan realiti televisyen. Penulis boleh mengkaji dengan memberikan fokus kepada pola penggunaan ketidaksantunan bahasa dalam kedua-dua aspek linguistik, iaitu melalui item leksikal dan para bahasa. Ini adalah untuk mengetahui adakah sesuatu rancangan realiti televisyen dapat membantu dalam mengetahui tahap

University of Malaya

kejujuran seseorang ketika berbual kerana peserta yang terlibat dalam perbualan dikehendaki memberi respons secara spontan.

Berdasarkan batasan data, kajian ini dianalisis hanya berdasarkan kepada satu corak rancangan realiti India sahaja, iaitu rancangan realiti pertandingan tarian. Dicadangkan kajian dijalankan ke atas dua atau lebih jenis rancangan realiti India seperti rancangan realiti temu ramah, forum, pertandingan nyanyian dan sebagainya. Dengan ini, penyelidik akan datang boleh membuat perbandingan dalam penggunaan strategi ketidaksantunan di antara dua atau lebih rancangan realiti. Di samping itu, dicadangkan juga kajian dijalankan dengan menggantikan rancangan realiti dengan medium yang lain seperti radio, wayang atau filem dan sosial media yang kaya dengan penggunaan bahasa yang tidak santun untuk mengkaji strategi ketidaksantunan bahasa yang digunakan.

University of Malaya

6.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, menerusi kajian ini pengkaji telah mengenal pasti strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh juri dan bagaimana ia mengancam muka pendengar. Hasil dapatan analisis kajian dijalankan didapati instrumen yang digunakan untuk mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti telah memainkan peranan yang besar di dalam kajian ini. Kajian ini sememangnya telah mencapai objektif kajian dengan mengkaji ketidaksantunan bahasa juri dalam rancangan realiti.

Selain itu, hasil kajian ini membawa perubahan dalam diri pembaca dengan mengamalkan prinsip kesantunan dalam pertuturan harian dan mengelakkan dirinya daripada menggunakan perkataan-perkataan yang tidak santun. Dengan itu, pembaca akan lebih berwaspada dalam bahasa yang digunakan ketika bertutur dengan orang lain. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan pertelingakahan atau perselisihan faham dalam kalangan masyarakat dan mewujudkan masyarakat yang lebih sejahtera dan harmoni.

6.5 Penutup

Secara keseluruhannya, bab yang terakhir ini membincangkan rumusan dapatan kajian yang utama daripada 145 teks data rakaman rancangan realiti yang dipilih. Selain itu, implikasi kajian telah dibincangkan dan akhirnya cadangan diberikan bagi kajian masa depan. Berharap kajian ini pastinya akan dapat menyumbang kepada bidang linguistik.

University of Malaya

RUJUKAN

Arundale, B. (2006). Face as relational and interactional: a communication framework for research on face, facework, and politeness. *Journal of Politeness Research:* Language, Behavior, Culture 2 (2), 193–216.

Arundale, B. (2010). Constituting face in conversation: face, facework and interactional achievement. *Journal of Pragmatics, 42*, 2078-2105.

Arundale, B. (2013). Face as a research focus in interpersonal pragmatics: Relational and emic perspectives. *Journal of Pragmatics, 58*, 108- 120.

Arundale, B. (2013). Face, relating, and dialectics: a response to Spencer-Oatey. *Journal of Pragmatics 58*, 138-142.

Berkowitz, L. (1993a). *Aggression: Its causes, consequences and control*. New York: McGraw-Hill.

Berkowitz, L. (1993b). Pain and aggression: Some findings and implications. *Motivation and Emotion*, *17*, 277-293.

Bignell, J. (2004). *An Introduction to Television Studies*. London, Routledge.

Bignell, J. (2005). *Big Brother: Reality TV in the Twenty-first Century*. New York, Palgrave Macmillan.

Bousfield, D. (2007). Impoliteness, preference organization and conductivity. Multilingua. *Journal of Pragmatics,* 26, 1–33.

Bousfield, D. (2008). Impoliteness in Interaction. Amsterdam: John Benjamins. *Griffith Research Online,* ISBN 978-90-272-5411-5; 281pp.

Bousfield, D. (2008). *Impoliteness in Interaction*. John Benjamins Publishing Company, Philadelphia.

University of Malaya

Bousfield, D.& Culpeper,J. (2008). Impoliteness: eclecticism and diaspora. An introduction to the special edition. *Journal of Politeness Research*, 4(1), 161–168.

Brown, P, Levinson, S, C. (1987). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge, Cambridge University Press.

Chory, R.M. (2010). Media entertainment and verbal aggression: Contents, effects, and correlates. In: Theodore A. Avtgis and Andrew S. Rancer (eds) *Arguments, Aggression, and Conflict: New Directions in Theory and Research*. London and New York: Routledge, pp. 176-97.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan, Buku 1: Kaedah penyelidikan.* Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

Conway, M.A. & Bekerian, A. (1987). Situational knowledge and emotions. *Cognition and Emotion* 1: 145-91.

Culpeper, J. (1996). Towards and anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics 25* (3), 349–367.

Culpeper, J. & Kyto, M. (2000). In: Journal of Historical Pragmatics. 1, 2, p. 175-199. 25 p.

Culpeper, J. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: The weakest link. *Journal of Politeness Research, 1* (1), 35–72.

Culpeper, J., Bousfield, & Wichmann. (2003). Impoliteness revisited: with special reference to dynamic and prosodic aspects. *Journal of Pragmatics, 35* (10–11), 1545–1579.

Culpeper, J. (2008). Reflections on impoliteness relational work and power. In: Bousfield, Derek, Locher, Miriam (Eds.), Impoliteness in language: Studies on its interplay with power in theory and practice. *De Gruyter Mouton, Berlin*, pp. 17–44.

Culpeper, J. (2009). The metalanguage of impolitemess: using Sketch Engine to explore the Oxford English Corpus. In: Baker, Paul (Ed.), *Contemporary Corpus Linguistics. Continuum, London*, pp. 64-86.

University of Malaya

Culpeper, J. (2010). Conventionalised impoliteness formulae. *Journal of Pragmatics, 42* (12), 3232-3245.

Culpeper, J. (2011). *Impoliteness using language to cause offence.* New York: Cambridge University Press.

Culpeper, J. (2016). Impoliteness strategies. In: Interdisciplinary studies in pragmatics, culture and society. *Perspectives in Pragmatics, Philosophy & Psychology.* Springer, pp. 421-445.

Dynel, M. (2015). The landscape of impoliteness research. *Journal of Politeness Research, 11(2),* 165-364.

Dynel, M. (2016). Conceptualizing conversational humour as (im)politeness: The case of film talk. *Journal of Politeness Research, 12(1),* 1-147.

Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research.* Routledge, London.

Fracchiolla, B. (2011). Politeness as a strategy of attack in a gendered political debate- The Royal- Sarkozy debate. *Journal of Pragmatics, 43 (10),* 2480-2488.

Furman, M. (2011). Impoliteness and Mock- Impoliteness In Dom 2. *Ohio State Universiti ,*United Kingdom.

Garce´ s-Conejos, B. (2009). Impoliteness and identity in the American news media: the „„Culture Wars"". *Journal of Politeness Research*, *5* (2), 273–304.

Garce´s-Conejos, B. (2010a). Introduction. The status quo and quo vadis of (im)politeness research. *Intercultural Pragmatics, 7* (4), 535–559.

Garce´s- Conejos, B. (2010b). *The YouTubification of politics, impoliteness and polarization*. In: Rotimi, T. (Ed.), Handbook of Research on Discourse Behaviour and Digital Communication: Language Structures and Social Interaction. IGI Global, pp. 540–563.

University of Malaya

Garce´s- Conejos, B. (2010c). A genre approach to the study of (im)politeness. *International Review of Pragmatics, 2*, 46–94.

Garce´ s-Conejos, B., Lorenzo-Dus, Nuria, Bou-Franch, Patricia. (2010). A genre-approach to impoliteness1 in a Spanish television talk show: evidence from corpus-based analysis, questionnaires and focus groups. *Intercultural Pragmatics 7* (4), 689–723.

Goffman, E. (1967). *Interaction ritual.* New York: Anchor Books, Doubleday & Company Inc.

Gordon,C. (2011). Impression management on reality TV: Emotion in parental accounts. . *Journal of Pragmatics, 43*(2011), 3551-3564.

Harris, L., Gergen, K. & Lannaman, J. (1986). Aggression rituals. *Communication Monographs* 53: 252-265.

Harris, S. (2001). Being Politically Impolite: Extending Politeness Theory to Adversarial Political Discourse. *Journal of Pragmatics, 12* (2001), 451-472.

Haugh, M. (2007). The discursive challenge to politeness research: an interactional alternative. *Journal of Politeness Research*, 3 (2), 295–317.

Haugh, M., Bargiela-Chiappini, F. (2010). Editorial. Face in interaction. *Journal of Pragmatics 42*, 2073–2077.

Haugh, M., & Bousfield, D. (2012). Mock impoliteness, jocular mockery and jocular abuse in Australian and British English. *Journal of Pragmatics*, *44* (9), 1099-1114.

Hutchby, I. (2008). Participants‟ orientations to interruptions, rudeness and other impolite acts in talk-in-interaction. *Journal of Politeness Research*, 4 (2),221–241.

Jary, M. (1998). Relevance theory and the communication of politeness. *Journal of Pragmatics, 30 (1),* 1-19.

Jefferson, G. (1984). "*Transcription Notation,*"‟ in J. Atkinson and J. Heritage (eds), Structures of Social Interaction, New York: Cambridge University Press.

University of Malaya

Jefferson, G. (1985). *An exercise in the transcription and analysis of laughter. In: Van Dijk, T. (Ed.)* ,Handbook of Discourse Analysis. Academic, London, pp.25–34. Jesperson, Otto.

Jefferson, G. (2004). *Glossary of transcript symbols with an introduction.* In Lerner, G.H.(Ed). Conversation Analysis: Studies from the first generation. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins (pp.13-31).

Kadar,D.Z., & Culpeper, J. (2010). *Historical (Im)politeness: An introduction*. In: Culpeper, J., Kadar, D.Z. (Eds.), Historical (Im)Politeness. Peter Lang, Bern, pp. 9-36.

Kadar, D. Z. & Marquez, R. (2015). (Im)politeness and (im)morality: Insights from intervention. *Journal of Politeness Research, 11(2),* 239-260.

Kantara, A. (2010). Impoliteness strategies in „House M.D.". *Lodz Papers in Pragmatics 6*, 305-339.

Kasper, G. (1990). Linguistic politeness: current research issues. *Journal of Pragmatics 14*, 193–218.

Kellerman, E. (1995). Crosslinguistic influence: Transfer to nowhere? *Annual Review of Applied Linguistics 15*: 125-50.

Kienpointner, M. (1997). *Varieties of rudeness: types and functions of impolite utterances.* Functions of Language *4*, 251–287.

Kurzon, D. (2001). The politeness of judges: American and English judicial behaviour. *Journal of Pragmatics, 33 (1),* 61-85.

Lachernicht, L.G. (1980). Aggravating language: a study of abusive and insulting language. *International Journal of Human Communication 13* (4), 607–688.

Lakoff, R. (1989). *The limits of politeness*. Multilingua 8 (2–3), 101–129.

University of Malaya

Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics.* Londan: Longman Group UK Limited, Longman House.

Levinson, S.C., (1992). Activity types and language. In: Drew, Paul, Heritage, John (Eds.), *Talk at Work*. Cambridge University Press, Cambridge, pp. 66–100.

Limberg, H. (2009). Impoliteness and threat responses. *Journal of Pragmatics 41*: 1376-1394.

Locher, M. (2015). Real Talk. Reality Television and Discourse Analysis in Action. *Journal of Pragmatics*, *75*, 25-27.

Lorenzo-Dus, N. (2009). „„You‟re barking mad, I‟m out‟‟‟– impoliteness and broadcast talk. *Journal of Politeness Research, 5* (2), 159–188.

Montgomery, M. (1999). *Talk as entertainment: The case of TheMrsMerton Show. In Talk about Shows: La Parola e lo Spettacolo*, Louann Haarman (ed.), 101_150. Bologna: CLUEB.

Mills, S. (2009). Impoliteness in a cultural context. *Journal of Pragmatics, 41*, 1047-1060.

Mueller, A. (2011). *Using a Genre Approach to Analyze Impoliteness in Classroom Discourse*. University of North Carolina at Charlotte, Charlotte, NC.

Mueller, D. & Garces-Conejos, B. (2013). Impoliteness in polylogal interaction: Accounting for face-threat witnesses‟‟ responses. *Journal of Pragmatics 53*, 112-130.

Noriza Daud. (2006). Konflik dan kemelut bahasa: „„Rancangan Program Realiti”. *Jurnal Pengkajian Melayu,* J17, 169-186.

Pan.Y, & Kadar, D.Z. (2011). Historical vs. contemporary Chinese linguistic politeness. *Journal of Pragmatics, 43 (6),* 1525-1539.

Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods (2nd.Ed)*. USA: SAGE Publication Inc.

University of Malaya

Penman, R. (1990). Facework and politeness: Multiple goals in courtroom discourse. *Journal of Language and Social Psychology 9*: 15-38.

Richardson, K. & Meinhof, U.H. (1999). *Worlds in Common? Television Discourse in a Changing Europe*. London: Routledge.

Robert, M. (1994). Beyond politeness theory: „Face" revisited and renewed. *Journal of Pragmatics, 21 (5),* 451-486.

Rudanko, J. (2006). Aggravated impoliteness and two types of speaker intention in an episode in Shakespeare's Timon of Athens. *Journal of Pragmatics*, *38* (6), 829-841.

Spencer-Oatey, H. (2002). Managing rapport in talk: using rapport sensitive incidents to explore the motivational concerns underlying the management of relations. *Journal of Pragmatics, 34*, 529–545.

Spencer-Oatey, H. (2007). Theories of identity and the analysis of face. *Journal of Pragmatics*, *39*, 639–656.

Spencer-Oatey, H. (2011). Conceptualising „the relational" in pragmatics: insights from metapragmatic emotion and (im)politeness comments. *Journal of Pragmatics*, *43*, 3565-3578.

Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan: Penulisan (esei, proposal,tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Talmy, S., & Richards, K. (2011). Theorizing qualitative research interviews in applied linguistics. Applied Linguistics 32 (1), 1-5.

Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: An introduction to Pragmatics*. London and New York, Longman.

Watts, R. (2003). *Politeness*. Cambridge, Cambridge University Press.

Wan Jumani Paizi @ Fauzi. (2005). *An analysis of arguments from reality shows*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

University of Malaya

Yin, R.K. (1989). Case study research design and methods. Newbury Park, California: SAGE Publication.

Daripada laman-web.

Beth Rowen.(2001). *History of Reality* TV. Dimuat turun pada 27 Jun 2015 daripada http://web.ask.com/

University of Malaya

Lampiran

University of Malaya

Lampiran A : Interaksi antara kelangsungan dan graviti kesalahan dalam ungkapan ketidaksantunan.



Sumber : Culpeper ,J. (2011: 186). *Impoliteness using language to cause offence.* New York: Cambridge University Press.

University of Malaya

Lampiran B : Senarai soalan temu bual kajian rintis.

1. *Ennode muthal kelvi, evvalavu naala ninge inthe showve parthudu varinge?*
   Soalan pertama saya adalah sejak bilakah anda menonton rancangan realiti ini?

2. *Aduthu, inthe showode judges pesum mozli patiyum avunge nadentukire vitate patiyum ninge ena ninaikuringe?*
   Seterusnya, apakah pendapat anda tentang bahasa dan perbuatan juri rancangan ini?

3. *Sari enna-enna kaarenathale judges vanthu inthe matiri manners ilama, rude ar nadenthukurange?*
   Baik, apakah punca-punca yang mungkin menyebabkan juri-juri berkelakuan tidak santun?

4. *Judges showle epadi avemariyataiye velipaduturange?*
   Bagaimana juri menimbulkan situasi tidak hormat dalam rancangan ini?

5. *Inthe matiri reality showle judges ipadipate mozliye payenpaduthurathunaleyum ipadi nadenthukurethunaleyum participants epadi feel panni enna reaction kodupange?*
   Apakah perasaan dan reaksi peserta akibat daripada ketidaksantunan dan perbuatan juri dalam rancangan realiti sebegini?

University of Malaya

Dapatan temu bual kajian rintis.

Vanakam. Ennodeye padippu samenthemaga ungale neerkaanal(interview) seiyevanthuruken. Ninge, mothe na sonne nadene nigalciyin rasigar enbathu enaku teriyum. Erkaanave ungaluku koduthe information todarpa ungekite sile kelvikal ketke vanthuruken.

Salam sejahtera. Saya ingin menemu bual anda untuk kajian saya. Saya telah dimaklumkan bahawa anda adalah salah seorang penonton rancangan realiti yang telah dinyatakan. Seperti yang telah dimaklum, saya ingin bertanya beberapa soalan kepada anda tentang rancangan realiti tersebut.

1. ***Ennode muthal kelvi, evvalavu naala ninge inthe showve parthudu varinge?***
   Soalan pertama saya adalah sejak bilakah anda menonton rancangan realiti ini?

   Inthe matiri reality show oru eelu varusema parthukitu iruken.
   Saya menonton rancangan realiti sebegini selama tujuh tahun.

2. ***Aduthu, inthe showode judges pesum mozli patiyum avunge nadentukire vitate patiyum ninge ena ninaikuringe?***
   Seterusnya, apakah pendapat anda tentang bahasa dan perbuatan juri rancangan ini?

   Judge ipadi pesuratu vanthu rombe oru comman ahne visayem. Judges vanthu tappukale sutti katurateye rombe kadupa solurange. Enne ketingena judges reality showle use panne kudathe words elam use panurange, pottiyalare kadumaiya titurange.

   Pertuturan juri yang kurang hormat sebegini menjadi sesuatu perkara yang sangat biasa. Juri menggunakan bahasa secara kasar untuk memberitahu kesilapan yang dilakukan oleh para peserta. Jika anda tanya saya, para juri rancangan realiti menggunakan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya digunakan dan seterusnya marah peserta rancangan dengan bahasa yang tidak santun.

University of Malaya

3. ***Sari enna-enna kaarenathale judges vanthu inthe matiri manners ilama, rude ar nadenthukurange?***

Baik, apakah punca-punca yang mungkin menyebabkan juri-juri berkelakuan tidak santun?

Judges vanthu pottiyalar cinne tappukude seiyekudathu elame perfect ar irukenum ninaipange. Utaranethuku, avungelode customes and avungelode muge bavanai elame perfect ah irukenum ninaipange. Apadi athu elam tiruppti paduthulena judges mattem tatti pesuvange athe participantse. Aduthe, avunge perfomance pudikulena katte arembicurange judges.

Juri akan berharap peserta rancangan tidak harus melakukan kesilapan kecil walaupun kecil dan harus sempurna dalam semua aspek. Misalnya, sempurna dari segi pakaian dan reaksi muka mereka. Jika mereka tidak memuaskan juri dari aspek sebegitu, juri akan memberi komen secara kurang hormat dan menghina mereka. Seterusnya, juri mula menjerit jika tidak tertarik dengan persembahan peserta.

4. ***Judges showle epadi avemariyataiye velipaduturange?***

Bagaimana juri menimbulkan situasi tidak hormat dalam rancangan ini?

Avunge partingena kelvi ketpange aana anthe kelviku participants batil solurathukule avunge vanthu inturrpt paniruvange. Ile vere topic maatirange. So, anthe matiri vere topik maaturatunaleyum avunge pesumpothu idaile bunthu pesurathunaleyum judgesodeye anthe avemaraiyathaiye ninge pakelam. Aduthu, participantse neruku ner parkematange, mele parpange, kile parpange allathu vanthu siripange, kodukure commentsum vanthu manase punpaduthure matiri kodupange.

Jika anda melihat, juri akan menanya soalan, tetapi soalan tersebut sebelum dijawab oleh peserta akan dicelah oleh juri semula. Jika tiada menukar topik lain. Maka, anda boleh melihat juri menunjukkan tidak hormat ketika mereka menukar topik atau bercampur masuk ujaran peserta. Seterusnya, juri tidak akan melihat muka peserta pun, mungkin juri akan melihat atas, bawah ataupun juri

University of Malaya

akan ketawa serta komen yang diberi pun akan menjadi sebagai komen yang menyakitkan hati.

5. ***Inthe matiri reality showle judges ipadipate mozliye Payenpaduthurathunaleyum ipadi nadenthukurethunaleyum participants epadi feel panni enna reaction kodupange?***
   Apakah perasaan dan reaksi peserta akibat daripada ketidaksantunan dan perbuatan juri dalam rancangan realiti sebegini?

   Ipe avemariyathaiya judges pesum pothu avungelode body reaction epadi veliyagutho athe: matiritan participantsode reactionum. Participantsode rombe avema:nem patu nipange avunge, talekuninji nipange:: innonu vanthu avunge athuku aprum nadekepore aduthe aduthe episodle vanthu rombe demotivated aairuvange. Rombe kavalaiya vere irupange. Ithunale participants amaithiya pesame kollame judges enthe kelvi ketalum avungalum vanthu oru (.) reaction ilate mugathetan ka:tuvange. Ile show vitu veliye poiruvange. Inum sile judgese eguthu pese arambicurange.

   Bagaimana reaksi badan juri semasa bercakap dengan tidak hormat, semasa memberi komen, begitulah reaksi peserta pun. Peserta akan berdiri dengan penuh malu, berdiri dengan menundukkan kepala. Selain daripada itu, peserta akan kehilangan motivasi dalam meneruskan episod- episod yang seterusnya. Mereka juga akan kelihatan sangat sedih. Oleh ini, peserta akan mendiamkan diri dan akan menunjukkan muka tiada bereaksi dengan tiada mengkatakan apa-apa untuk soalan juri. Akan menarik diri daripada rancangan itu. Ada juga segelintir peserta yang akan mula melawan pertuturan juri.

Nandri. Elam kelvikalukum telivana batil soninge. Ivalavu neram unge ponnane nerathe enkude selavu panathuku rombe nandri.

Terima kasih. Anda telah memberitahu jawapan yang jelas bagi semua soalan. Saya sangat berterima kasih kepada anda kerana sudi meluangkan masa anda bersama saya.

University of Malaya

Lampiran C

University of Malaya

Transkrip dan Penterjemahan Data Rakaman Video Rancangan Realiti

University of Malaya

Season 2

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 1

S2:D1

A2 : *I am very happy to welcome the judges.* ((Semua tepuk tangan)) *J1, ninge solunge inaiku epadi iruke poguthunu ninaikuringe?*
Saya adalah sangat gembira kepada menjemput yang juri-juri. ((Semua tepuk tangan))
J1, awak cakap hari ini bagaimana ada pergi awak rasa ?
Saya sangat gembira untuk menjemput para juri. J1, anda sila beritahu bagaimana keadaan hari ini akan terjadi?

J1 : *Konjem kastema iruku: oru kastem manasukule irunthukite iruku. But, anyway I wish all =*
Sedikit susah ada : satu susah dalam hati sentiasa ada. Tetapi, walaubagaimanapun saya mengucapakan semua=
Sedikit susah juga: sentiasa satu kesusahan ada dalam hati. Tetapi, bagaimanapun saya mengucapkan semua=

A2 : [= *Ene vitu pirire kastem iruka?*]
[= Saya lepas pisah susah adakah ?]
[= Adakah anda berasa risau untuk berpisah dengan saya?]

J1 : *Munnje: paaru*↑
Muka: tengok↑
Tengok muka: awak↑

A2 : *Solunge:*
Cakaplah:
Katalah:

J1 : *Ile A2. Nejamave ile.*
Tidak A2. Betul-betul tidak.
Tidak A2. Sebenarnya tidak.

A2 : *Enna satema athe mattum sollitingele? J2, ninge solunge.*
Apa dengan kuat itu sahaja sudah cakap? J2, anda cakap.
Apa itu sahaja anda sudah memberitahu dengan kuat? J2, anda beritahu.

J2 : *Anthe light off panitu pesuningale, pesumpothu yaruda kodile oru podavaiye kaaye vaicurukangenu parten.* ((Mengejek badan kurus A2))
Itu lampu tutup sudah awak cakap , masa cakap siapa punya pada ampaian satu msarinya jemur ada simpan saya lihat. ((Mengejek badan kurus A2))
Anda bercakap selepas menutup lampukan, semasa bercakap saya berasa ada orang menjemur satu sarinya pada ampaian.

University of Malaya

A2 ((*Terdiam*))

((*Semua ketawa kuat*))

A2 : *Ellam rombe sonthosama irukange. But, na mattum rombe sogema iruken. Yenna en partner inaiku enkude ile. Atunale enaku varutema iruku* ↓
Semua sangat gembira ada mereka. Tetapi, saya sahaja sangat sedih ada. Sebab saya punya pasangan hari ini dengan saya tidak. Sebab itu bagi saya sedih ada↓
Semua orang nampaknya sangat gembira hari ini. Tetapi, sangat sedih sahaja saya. Kerana, hari ini pasangan saya tiada bersama saya. Sebab itu, saya berasa sedih↓

J2 : *Actually, enakum varutema iruku* ↓
Sebenarnya , bagi saya sedih ada ↓
Sebenarnya, sayapun berasa sedih↓

A1 : *Yan?*
Kenapa?
Mengapa?

J2 : *Yenna, ni podure mokkaiye elam avarutan pesi correct panni konjem bettera pesuvaru: Avarum ile. So, inaiku un pece ketkanumle?*
Kerana, awak taruh bebel semua dialah cakap betulkan buat sedikit lebih baik dia cakap: Diapun tak ada. Jadi, hari ini awak punya cakap mesti dengarkan?
Kerana, dia sahaja akan cakap: lebih baik dengan membetulkan semua sembangan kosong awak. Diapun tiada. Maka, hari ini terpaksakan mendengar sembangan awak?

A2 : (0.4) *Ile, na ethum pesule.*
Tidak, saya apa-apa pun tidak cakap.
Tidak, hari ini saya tidak cakap apa-apa.

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 2

S2:D2

A2 : *J2, unge comments please.*
J2, anda komen-komen tolong.
J2, tolong beri komen anda.

J2 : *Hey, ennaya inaiku ethum plan pannitu vanthutingela? Ennapa ithu? (0.3) Orutarennana aluve vaikuran: orutan sirike vaikuran: Enaiya panuringe? Na oru best visayam solluren. Ore oru visayem solluren. Ennala inaiku judge pannemudiyatu ↑ Enne aale viturunge ↑ Na vituku poren. Please : Enaku unne pati nalla teriyum. Ullukule avelavu oru tension, avelavu oru veri, avelavu oru: enna solurathu? Anthe naalu kallule pannele? Apadi panne paatiya, athuku separate ar unne appreciate pannuren.*

Hey, apa hari ini apa-apa rancang lakukan mari ke? Apa ini? (0.3) Seorang apa menangis buatkan: Lagi seorang ketawa buatkan: Apa buat? Saya satu terbaik perkara beritahu. Hanya satu perkara beritahu.Oleh saya hari ini menilai tidak boleh buat ↑ Diri saya orang lepaskan↑ Saya ke rumah pergi.Tolong: Untuk saya kamu tentang baik tahu. Dalam begitu satu ketegangan, begitu satu pendam, begitu satu: apa nak beritahu? Itu empat kaki buatkan? Begitu buat tengok, untuk itu berasingan kamu menghargai buat.

Hey, apalah hari ini kamu semua dating dengan rancangan ke? Apa ini? (0.3) Seorang bagi saya menangis: seorang lagi menyebabkan saya ketawa: apa kamu semua buat? Saya beritahu satu perkara yang terbaik. Saya beritahu hanya satu perkara. Saya tidak boleh menilai hari ini↑ Lepaskan saya↑ Saya hendak balik rumah. Tolong: Saya kenal kamu dengan lebih mendalam. Dalam dengan begitu ketegangan, begitu pendam, begitu satu: apa hendak saya katakana? Yang kamu buat dalam empat kaki itu? Kamu buat begitukan, untuk itu saya menghargai kamu secara berasingan.

P1 : ((Senyum sahaja))

J1 : *A very well done. A very big shock from your side, your performance ↑ Kilicutinge.*
Yang sangat baik dilakukan. Yang sangat besar terkejut daripada kamu bahagian, kamu punya persembahan↑ Suda koyak.
Kamu lakukan yang sangat baik. Kejutan yang sangat besar daripada kamu, kamu punya persembahan ↑ Kamu buat yang terbaik.

P2 : *Thank you J1.*
Terima kasih kamu J1.
Terima kasih J1.

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 3

S2:D3

A2 : *J1, unge comments please:*
J1, anda komen-komen tolong:
J1, tolong memberi komen-komen anda:

J1: *Enaku first ketke vendiyathu yan P2-ve konninge? Enaku you know: I felt (.) Enaku rombe kastema iruku. Enaku epayume aluge padam endrale tension. Ethukume na alematen nejama. Something like that. I felt very emotional. P2, nalla kaiye oru tadave joora aatu↑ I want to see you alive in kicking.*

Bagi saya pertama dengar nak kenapa P2 bunuh? Bagi saya kamu tahu: saya rasa (.) Bagi saya sangat susah ada. Bagi saya bila-bila saja menangis gambar kalau ketegangan. Untuk apa- apa pun saya tidak nangis benar. Macam suka itu. Saya rasa sangat beremosi. P2, baik tangan satu kali ceria goyang↑ Saya mahu kepada lihat kamu hidup dalam tendangan.

Bagi saya yang pertama hendak tanya adalah kenapa kamu bunuh P2? Kamu tahu untuk saya: saya berasa(.) Saya berasa sangat sedih. Saya akan berasa ketegangan jika wayang sedih. Dengan benar saya tidak akan menangis untuk apa-apa sahaja. Sesuatu seperti itu. Saya berasa sangat beremosi. P2, lebih baik kamu goyongkan tangan kamu sekali dengan ceria↑ Saya hendak melihat kamu hidup dalam menendang.

P2 : ((Sambil menggoyangkan tangan)) *Thank you.*
Terima kasih kamu.
Terima kasih.

P1 dan P2 ((*Menangis)*)

J2 : *Stop crying both of you↑*
Berhenti menangis berdua daripada kamu↑
Berhenti menangis kamu berdua↑

P1 dan P2 ((Terkejut dan diam))

J2 : *Naa aluvemaatteen. Innaikku aluve varule. Naa mark sheetle mark poodule ↑ Ennaala poddemudiyaathu↑ Yaaru veenaalum enna veenumnaalum ninaikkethum. Enne porutte varaikkum aaduthe round ivunngge ellaam eppadi aaduvaanggenu enakku teriyaatu.*((Dengan muka marah)) *Eppadinnge mark poode solluringge? MARK PODEMUDIYATHU↑ Kandippa mark poodemudiyaathu ↑ Yaarukku mark poode solluringge? Unmaiyaale kastem ↑*

University of Malaya

Saya tidak nangis. Hari ini nangis tidak mari. Saya markah dalam kertas markah tidak taruh↑ Oleh saya tidak boleh taruh↑ Siapa mahupun apa mahupun biar ingat. Saya bagi sampai seterus pusingan dia orang semua macam mana menari saya tidak tahu. ((*Dengan muka marah*)) Macam mana markah bagi cakap? MARKAH TIDAK BOLEH BAGI↑ Mesti markah tidak boleh bagi↑ Untuk siapa markah bagi suruh? Betul-betul susah↑

Saya tidak menangis. Hari ini saya tidak datang untuk menangis. Saya tidak memberi markah dalam kertas markah↑ Saya tidak boleh memberi markah↑ Biar siapa sahaja mengingat apa sahaja mereka mahu. Bagi saya, saya tidak tahu bagaimana mereka hendak menari dalam pusingan seterunya. ((*Dengan muka marah*)) Bagaimana anda semua meminta saya memberi markah? TIDAK BOLEH MEMBERI MARKAH↑ Pasti tidak boleh memberi markah↑ Anda semua meminta memberi markah untuk siapa? Memang susah↑

P1 dan P2 ((diam sahaja)).

A1 : *Thank you, judges.*

Terima kasih awak, juri-juri.

Terima kasih, juri-juri.

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 4

S2:D4

A2 : *J2, solunge ivungelode performance epadi irunthatu?*
J2, cakaplah dia orang punya persembahan macam mana ada?
J2, beritahu bagaimana persembahan mereka?

J2 : *Ilamai. Cute ar irunthatu. First class.*
Muda. Comel ada. Pertama kelas.
Aktif. Persembahan yang comel. Kelas pertama.

J1 : *First na vanthu P1-ne kalaikenumnu ninaikuren.*
Pertama saya datang P1 mahu buli rasa saya.
Pada mulanya saya ingin membuli P1.

((*Semua ketawa*))

P1 : *Please: venda.*
Tolong : tidak mahu.
Tolong: jangan.

J1 : ((Ketawa)) *P1, yareyaaccum love pannuriyaa?*
P1, siapa-siapa cinta buatke?
P1, kamu ada cinta sesiapa?

((*Semua jerit*))

P1 : *Illeye: unggale paarta udan oru idea varuthu love pannenumnu:*
Tidak : anda lihat selepas satu idea mari cinta boleh buat:
Saya tiada niat untuk bercinta: sehingga melihat anda:

((Semua ketawa))

J1 : *Sorry:: Ok, love panure ponnu rombe kastepaduvangenu ninaikuren. Yenna, pudicu ilutu, sutti, kile pottu (.) sande poturuvinge ninaikuren dance aadurenu. I must mention P2, you very cute. Inge ithuvaraikum aadune female performancele I think yours best.*

Minta maaf :: Baik, cinta buat punya perempuan sangat akan susah saya ingat. Sebab, pegang tarik,pusing, bawah jatuh (.) gaduh lakukan saya ingat tarian menari. Saya mesti memberitahu P2, kamu sangat comel. Di sini sampai ini menari perempuan persembahan saya ingat kamu punya terbaik.

University of Malaya

Minta maaf:: Baik, saya berasa gadis yang dicinta akan banyak susah. Kerana, kamu pegang tarik, bagi pusing, jatuhkan di bawah (.) bergaduh hanya demi untuk menari. Saya mesti memberitahu bahawa P2, kamu sangat comel. Saya berasa sehingga kini persembahan perempuan yang terbaik adalah kamu punya.

P2 : *Thank you.*
Terima kasih kamu.
Terima kasih.

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 5

S2:D5

A2 : *J2kite keturelama?*
J2 dengan dia tanya boleh?
Boleh kita tanya pada J2?

J2 : *Supera pannange.*
Bagus buat.
Mereka buat dengan bagus.

P1 : *Thank you.*
Terima kasih kamu.
Terima kasih.

A2 : *Ok, ore vartaile supernu sollitaru.*
Baik, satu dalam perkataan bagus dia cakap.
Baik, beliau kata bagus dengan satu perkataan.

A1 : J1?

J1 : *Little disappointed.*
Sedikit kekecewaan.
Sedikit kecewa.

A1 : *Little disappointed* =
Sedikit kekecewaan=
Sedikit kecewa=

J2 : [= *Especially anthe P2* ↑]
[= Terutamanya itu P2 ↑]
[= Terutamanya P2 ↑]

J1 : Avunge kammiya pannitange. P1, you are good as usual. But, P2: =
Dia orang kurang sudah buat. P1, kamu adalah bagus seperti biasa. Tetapi, P2:=
Dia membuat dengan kurang. P1, kamu bagus seperti biasa. Tetapi, P2:=

J2 : [= *Ninge rombe tappu ↑ ((semua terdiam)) Suttema sari ile. Inaiku particularly avunge oru tappu pannirukange. Which is very big mistake↑ Atunale kandipa avungale maatiye aagenum ↑*]

[= Awak sangat salah ↑ ((*semua terdiam*)) Bersih betul tidak. Hari ini tertentu dia satu salah ada buat. Mana adalah sangat besar salah↑ Sebab itu mesti dia tukar terpaksa↑]

University of Malaya

[= Kamu banyak bersalah↑ ((*semua terdiam*)) Langsung betul tidak. Terutamanya, hari ini dia membuat satu kesalahan. Di mana kesalahan itu adalah sangat besar↑ Oleh itu, dia mesti terpaksa ditukar ↑]

P2 ((Diam dan tunduk kepala))

P1 : *Oru vaatikude opportunity kodukematingela?*
Satu kalipun peluang tidak boleh bagike?
Sekalipun, tidak boleh beri peluangkah?

J2 : *Ile, ile. Kodukemudiyathu* ↑
Tidak, tidak. Bagi tidak boleh ↑
Tidak, tidak. Tidak boleh diberi↑

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 6

S2:D6

A2 : *Inaiku ena round teriyuma?*
Hari ini apa pusingan tahukah?
Tahukah hari ini pusingan apa?

J2 : *Teriyum.*
Tahu.
Saya tahu.

A2 : *Enna round?*
Apa pusingan?
Pusingan apa?

J2 : *Ninge panurate partale teritu, comedy round tan↑*
Anda buat lihat sahaja tahu, jenaka pusingan memang↑
Jika lihat perbuatan anda sudah tahu, ini pusingan berjenaka↑

((*Semua ketawa*))

A2 : *It's ok. Enna solurathu? Ethume sollurathuku =*
Tak payah baik. Apa hendak kata? Apa-apa untuk kata=
Tidak payah baik. Hendak kata apa? Apa-apa untuk dikata=

J2 : [*= Actually ninge kalenthukita win paniruvinge ninaikuren.]*
[= Sebenarnya anda mengambil bahagian menang boleh saya rasa.]
[= Sebenarnya,saya rasa anda boleh menang jika anda mengambil bahagian.]

A2 : *Comedy roundku mattuma? Ile, nejamave nange rendu pherum apaditan irukoma?*
Jenaka untuk pusingan sahajakah? Tidak, benarnya kami dua orang macam itu adakah?
Hanya untuk pusingan jenaka sahajakah? Atau adakah kami berdua betul begitu?

A2 : *Rendu phereyum serthutan damage pannage, vidu.*
Dua orangpun campur sahaja rosak buat, lepas.
Biarkan, mereka membuli kita dua bersama.

University of Malaya

J2 : *A1, ungale na ethume solule:*
A1, anda saya apa-apapun tidak kata:
A1, saya tidak mengatakan kamu apa-apa.

A1 : *Apadiya ? ((Gembira)) Oh, thank you so much J2.*
Yakah? Oh, terima kasih kamu jadi banyak J2.
Begitukah? Oh, terima kasih banyak-banyak J2.

((Semua ketawa))

A2 : *Sari J2, inthe paatule vanthe karute pati ninge ena ninaikuringe?*
Baik J2, ini dalam lagu datang pengajaran tentang anda apa berfikir?
Baik J2, apa anda berfikir tentang pengajaran yang terdapat dalam lagu ini?

J2 : *Engge ninge comedy panurathuku natan kidaicena?*
Anda jenaka buat saya sahaja dapatkah?
Anda hanya mendapat sayakah untuk berjenaka?

J1 : *It was funny, but : dance enge? I think (.) ithu dance competitionle? Dance enaku engeyume terile ↑ Only thing I felt there is not enough dance.*

Itu adalah lucu, tetapi: tarian mana? Saya rasa (.) ini tarian pertandingankan? Tarian untuk saya di mana pun tidak nampak↑ Sahaja satu perkara saya rasa di situ adalah tidak cukup tarian.

Itu memang lawak, tetapi: tarian mana? Saya rasa(.) ini pertandingankan? Saya tidak nampak tarian dimana-mana pun↑ Hanya satu perkara saya rasa tidak cukup adalah tarian.

P2 ((Diam dan tunduk kepala))

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 7

S2:D7

P1: *Hai J2 uncle: hai J1 aun=*
Hai J2 pak cik: hai J1 mak=
Hai pak cik J2: hai J1 mak=

J1 : [*KONNUDUVEEN* ↑]
[AKAN MEMBUNUH KAMU↑]
[SAYA AKAN MEMBUNUH KAMU↑]

((semua ketawa))

J2 : *Sari, vayasu enna? Vayasu terileye enaku.*
Baik, umur apa? Umur tidak tahu untuk saya.
Baik, berapa umur? Saya tidak tahu umur.

P1 : *One, two:*
Satu, dua:

J2 : *Niruthu↑ Niruthu↑*
Henti ↑ Henti ↑
Berhenti ↑ Berhenti ↑

A2 : *J2, comment solunge.*
J2, komen beritahu.
J2, beritahu komen anda.

J2 : *Athavathu, inge rendu pheru meleyum nalla expectation irunthucu. Kandipa ivunge etacum pannuvangenu. But, first rendu roundle enaku vanthu (.) athavathu ivunge mele na vaicurunthe expectation ivunge kodukule. But, enaku second round pudicu irunthatu. First round enaku avelava pudikule ↑ But, inaiku ellame picutange ↑*

Iaitu, sini dua orang atas baik jangkaan ada. Mesti ini orang apa-apa buat. Tetapi, pertama dua dalam pusingan untuk saya datang (.) iaitu ini orang atas saya simpan jangkaan ini orang tidak beri. Tetapi, untuk saya kedua pusingan suka ada. Pertama pusingan untuk saya begitu tidak suka↑ Tetapi, hari ini semua koyak↑

Iaitu, saya mempunyai harapan yang baik atas mereka. Mesti mereka akan membuat sesuatu. Tetapi, dalam pusingan pertama saya (.) iaitu mereka tidak memberi harapan yang saya jangkaan. Tetapi, saya suka pusingan kedua. Saya tidak begitu suka pusingan pertama↑ Tetapi, hari ini mereka telah melakukan yang terbaik↑

University of Malaya

P2 : *Thank you so much.*
Terima kasih kamu jadi banyak.
Terima kasih banyak-banyak.

A2 : *Ninge solunge:*
Anda cakap:
Anda beritahu:

J1 : > *Very very,very cute*< *((semua tepuk tangan)) Rendu pherume excellent performance. Nalla theme athe alaga pannirunthange. Kids also rombe alaga aadunage. I really enjoy it.*

> Sangat sangat, sangat comel< Dua orangpun sangat baik persembahan. Baik tema itu cantik mereka buat.Kanak-kanak pun sangat cantik menari. Saya benar-benar menikmati itu.

> Sangat sangat, sangat comel< Mereka berdua memberi persembahan yang baik. Tema yang baik dan kamu telah melakukan dengan cantik. Kanak-kanak pun menari dengan sangat cantik. Saya memang menikmatinya.

A1 : *Thank you J1.*
Terima kasih kamu J1.
Terima kasih J1.

University of Malaya

Transkrip penuh („Season" 2)

Data 8

S2:D8

A2 : *Ok, judges unge comments?*
Baiklah, para juri anda punya komen-komen?
Baiklah, para juri komen-komen anda?

J2 : (0.3) *Mmm: P2, sodapotti potu adunathu nalla irunthucu. But, athuku aprum yan rowdy matiri marite?*

Mmm: P2, cermin mata pakai menari baik ada.Tetapi, itu lepas kenapa samseng macam tukar?

Mmm: P2, persembahan kamu baik semasa menari dengan cermin mata itu. Tetapi selepas itu kenapa kamu bertukar menjadi sebagai samseng?

P2 ((Ketawa))

J2 : *Enaku vanthu sutti valaicu ellam pese teriyathu. Manasule enna iruko, athe straight ar solliruven. The point is, comedy round ode anthe feel ile. Comedy actual ar kammiyatan irunthatu. Moreover dance kammiya irunthatu ↑ Inthe roundke enaku periye itha onnum terile.*

Bagi saya datang pusing putar semua cakap tidak tahu. Dalam hati apa ada, itu lurus cakap. The titik adalah, komedi pusingan punya itu rasa tidak. Komedi sebenar kurang ada. Lebih-lebih lagi tarian kurang ada↑ Ini untuk pusingan saya besar itu satupun tidak nampak.

Saya tidak tahu bercakap putar belit semua. Saya akan cakap terus, apa yang ada dalam hati saya. Isinya adalah, tiada perasaan pusingan jenaka. Sebenarnya, aspek lawak adalah kurang. Lagipun, tarian juga tidak begitu banyak↑ Saya tidak berasa apa-apapun besar dalam pusingan ini.

J1 : *Enaku vanthu actual ar P2-ode expression enaku rombe pudikum. Oru oru stageum alaga pannage. It so much of hardwork.*

Bagi saya datang sebenar P2 punya air muka bagi saya banyak suka. Satu satu peringkat cantik buat. Itu jadi banyak daripada kerajinan.

Sebenarnya bagi saya, saya sangat suka air muka P2. Setiap peringkat dia buat dengan cantik. Itu menunjukan banyak kerajinan.

P1 : *Thank you J1.*
